

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KETIGA (BAJET)**

---

**Shah Alam, Rabu , 22 Oktober 2008**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom,  
PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Y.B. Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

**TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Negeri Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS.,AMS  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Shukri bin Mohamad Hamin  
**Setiausaha**

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
**Penolong Setiausaha I**

Cik Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Faizah bt. Mohd. Shafawi  
**Penolong Pegawai Tadbir**

## **BENTARA**

Encik Md. Saref bin Salleh

## **PELAPOR PERBAHASAN**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Cik Siti Salina bt. Muftar

**(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER** : Salam Sejahtera dan selamat pagi. Mesyuarat disambung semula.

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Ketiga Bajet Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Selangor Kedua belas disambung semula dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

**TUAN SPEAKER** : Jeram.

**Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO** : Terima kasih, Tuan Speaker. Jeram Soalan No. 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK : PEMECATAN NAIB CANSELOR UNISEL**

15. Baru-baru kita dikejutkan dengan penamatan perkhidmatan Prof Datuk Dr. Mohd Razali Agus sebagai Naib Canselor Universiti Industri Selangor ( Unisel ) selepas 11 bulan memegang jawatan berkenaan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan beliau tidak dilanjutkan perkhidmatannya?
- b) Y.A.B Menteri Besar di dalam satu kenyataan media menafikan setiap keputusan yang diambil tidak mempunyai sebarang unsur politik tetapi Exco yang berkaitan pula menegaskan bahawa Kerajaan Negeri tidak membenarkan ahli politik mahupun mereka yang mempunyai kepentingan tersebut terlibat dalam sektor pendidikan. Kedua-dua kenyataan ini dikeluarkan selepas penamatan khidmat Naib Canselor Unisel, mohon penjelasan lebih lanjut dan kenyataan siapakah yang boleh dipercayai?
- c) Kerajaan Negeri kemudiannya membuka peluang kepada mana-mana individu termasuk bekas Prof Datuk Dr. Mohd Razali Agus untuk mengisi semula jawatan tersebut. Apakah rasionalnya kenyataan yang boleh dianggap satu 'penghinaan' itu dikeluarkan?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI :** *Assalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jeram telah bertanya mengenai penamatan perkhidmatan Prof Datuk Dr. Mohd Razali Agus sebagai Naib Canselor Universiti Industri Selangor (Unisel) selepas 11 bulan memegang jawatan berkenaan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan beliau tidak dilanjutkan perkhidmatannya?

Saya berterima kasih kepada Jeram kerana memberi peluang kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk memberikan penjelasan yang sejelas-jelasnya supaya semua pihak faham kenapakah Prof Datuk Dr. Mohd Razali Agus ini tidak disambungkan perkhidmatan beliau. Prof Datuk Dr. Mohd Razali Agus telah dilantik pada 1 Ogos 2007 sebagai Naib Canselor UNISEL adalah berdasarkan kepada peruntukan Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 dan Perlembagaan UNISEL. Beliau dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama enam (6) bulan iaitu bermula 1 Ogos 2007 sehingga 31 Januari 2008 bagi menilai prestasi beliau sebelum diserap ke dalam perkhidmatan.

Sepanjang tempoh tersebut Lembaga Pengarah PIYSB membuat penilaian secara berterusan dan tidak berpuas hati dengan prestasi beliau. Lembaga Pengarah PIYSB telah bersetuju untuk memberi beliau peluang dengan melanjutkan tempoh percubaan selama enam (6) bulan berkuat kuasa mulai 1 Februari 2008 hingga 31 Julai 2008. Minta Jeram ambil perhatian ini dilakukan 1 Februari 2008 sebelum 8 Mac 2008. Sepanjang tempoh percubaan kedua, perkhidmatan dan prestasi beliau masih lagi tidak memuaskan.

Setelah mendapat nasihat perundangan dan membuat pertimbangan yang sewajarnya, Lembaga Pengarah PIYSB dalam mesyuarat khas pada 26 Jun 2008 telah membuat keputusan sebulat suara untuk tidak mengesahkan jawatan beliau dan menamatkan perkhidmatannya pada 31 Julai 2008 dengan cuti bergaji penuh berdasarkan kepada peruntukan Perlembagaan UNISEL dan terima-terma serta syarat-syarat pelantikan yang terkandung dalam surat pelantikan beliau.

Untuk soalan yang selanjutnya Jawatan Naib Canselor adalah terbuka kepada semua individu-individu yang berkelayakan dan *competent*. Kerajaan secara terbuka memberi peluang kepada mana-mana individu yang layak untuk memohon Naib Canselor UNISEL termasuk bekas Naib Canselor itu. Dalam hal ini Lembaga Pengarah PIYSB telah melantik satu jawatankuasa pemilihan yang telus dan profesional bagi menilai setiap permohonan individu-individu bagi mengisi jawatan Naib Canselor tersebut.

Saya akan sebutkan lagi ada satu sub soalan oleh Jeram yang agak nakal tetapi oleh kerana ini soalan yang berkenaan dengan ini saya akan jawab semasa penggulungan nanti. Jadi yang saya nak nyatakan di sini ialah tidak ada kena mengena dengan pengaruh Politik oleh EXCO Pendidikan mahupun Menteri Besar kerana keputusan ini adalah oleh Ahli Lembaga Pengarah PIYSB yang terdiri kesemuanya adalah orang lama dan hanya EXCO Pendidikan dan Menteri Besar sahajalah yang baru yang Ahli Lembaga yang baru yang menjadikan satu..., membuat keputusan pada masa itu. Sekian, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Kita mendapat tahu masalah sosial di UNISEL ini adalah amat teruk. Apakah usaha dilakukan untuk memperbaiki masalah moral atau pun sosial di UNISEL ini?. Apakah ini juga bererti kegagalan pihak pentadbir Universiti termasuk Naib Canselornya dari segi mengendalikan perjalanan UNISEL itu sendiri? Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI :** Terima kasih kepada Bangi yang berkaitan dengan Naib Canselor sebab itu kita mengambil masa yang agak lama untuk melantik Naib Canselor yang baru supaya meneliti sama ada bakal Naib Canselor yang baru ini adalah orang yang mampu menguruskan UNISEL dan memperhebatkan lagi prestasi UNISEL ini selain daripada apa yang kita selalu tegaskan dalam bajet hala tuju Kerajaan Negeri Selangor ini di mana kita ingin memang menerapkan nilai-nilai spiritual itu supaya gejala-gejala sosial yang selama ini dikaitkan dengan UNISEL boleh diminimumkan dan mungkin selain daripada pelantikan Naib Canselor ini juga Timbalan-timbalan Naib Canselor juga akan diteliti dengan sebaik mungkin oleh penilai jawatankuasa yang khas yang telah dilantik oleh Ahli Lembaga.

**TUAN SPEAKER :** Jeram.

**Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO :** Soalan Tambahan Tuan Speaker. Kerajaan Negeri Selangor berdasarkan pendidikan *hub* pendidikan sebagai salah satu daripada *target* untuk perancangan masalah hadapan dan bersesuaian juga dengan bahasa Inggeris dan bukan bahasa perhubungan bahasa antarabangsa. Jeramnya bertanya Apakah Kerajaan Negeri berkaitan dengan pelaksanaan mata pelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI :** Terima kasih kepada Jeram. Untuk pengetahuan Jeram keputusan sama ada meneruskan pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris atau bahasa bonda bukanlah di bawah kuasa Kerajaan Negeri Selangor tapi kena tanya Federallah.

**TUAN SPEAKER :** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA :** Terima kasih, Tuan Speaker, soalan no. 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : MENAIKTARAF TAMAN PERUMAHAN LAMA**

16. Terdapat banyak kawasan perumahan yang lama memerlukan kerja-kerja menaik taraf. Berlaku pengubahsuaian bangunan yang menduduki rizab jalan dan longkang yang berleluasa, yang akan membawa kesan kepada kesihatan, kebersihan dan keselamatan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan kerajaan bagi usaha-usaha pemurnian di kawasan-kawasan di atas?
- b) Apakah tindakan ke atas pemilik rumah yang membuat pengubahsuaian yang melanggar syarat binaan dan bangunan?
- c) Berapa lamakah tempoh yang akan diberikan kepada pemilik untuk mematuhi syarat binaan dan bangunan yang sedia ada oleh kerajaan tempatan?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD** : *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Soalan adalah berkenaan dengan kawasan-kawasan perumahan lama. Di dalam Retreat EXCO Hala tuju Perancangan dan Pembangunan Negeri Selangor 2008 – 2025 pada 29-30 Julai 2008 yang lepas telah dibincangkan dengan terperinci isu-isu perumahan atau masalah-masalah perumahan dan telah diputuskan dan tiga cara bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah kawasan perumahan baru ianya adalah dipanggil sebagai *Re-Development*, *Brownfields* dan *Infill Development*. Pembangunan *Infill Development* adalah pembangunan *Infill Development* ke atas tanah-tanah kosong atau tapak yang dibangunkan yang terletak di kawasan yang sedang dibangunkan dan pembangunan *Brownfields* adalah sebarang tanah premis yang dibangunkan digunakan tetapi masih belum dieksploitasi secara sepenuhnya. Walaupun ia mempunyai kecenderungan digunakan atau didirikan bangunan ia juga merupakan tanah kosong atau tanah terbiar yang pernah dicemarkan tapi tapak *Brownfields* ini tidak semestinya dibangunkan dengan serta-merta atau tanpa kawalan *Brownfields* atau *Brownfields Re-Development* ini adalah kita nak mengexploitaskan secara sepenuhnya akan tanah-tanah atau pembangunan yang sedia ada. Di antara cadangan-cadangan atau tempat-tempat yang dikenal pasti adalah seperti di kawasan Pelabuhan Klang dan juga kuarters-kuarters lama Kerajaan yang boleh dibangunkan untuk dieksploitasi secara sepenuhnya kegunaan tanah tersebut dan pembangunan semula yang telah disentuh oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Menteri Besar dalam bajet atau pembangunan kawasan mengalami keburukan atau *urban decayed* dibangunkan lama tahun 1960an tetapi sekarang ini oleh kerana keadaan infrastrukturnya tidak cukup atau kaedah bangunan sudah usang ianya perlu di semula perparitan mungkin sudah tidak dapat menampung akan pendudukan atau yang sedia ada. Contoh-contohnya adalah seperti di kawasan di Seksyen 13 Petaling Jaya dan juga beberapa kawasan-kawasan lain. Faedah-faedah pelaksanaan pembangunan *Infill* dan pembangunan *Brownfields* atau pembangunan semula ini adalah kita dapat memaksimakan penggunaan tanah bandar dan mengeksploitasi sepenuhnya kawasan tersebut kita dapat mengurangkan risiko percubaan tanah kosong mengurangkan risiko masalah penjenayah penyusunan semula kawasan dan banyak lagilah perkara-perkara yang kita dapat selesaikan. Konsep pembangunan *Infill* pembangunan *Brownfields* dan pembangunan semula ke atas kawasan-kawasan yang strategik dan yang sesuai merupakan salah satu cara meningkatkan *efficiency* kawasan perbandaran di samping itu ianya berupaya memenuhi keperluan setempat dari segi meningkatkan kualiti kehidupan alam sekitar. Konsep-konsep ini juga kita perlulah integrasikan dengan pengangkutan awam yang baik disokong dengan kemudahan infrastruktur dan pengangkutan yang mencukupi. Tak guna kita membina pembangunan baru tetapi sistem pengangkutan awam diketepikan. Kesemuanya perlu kita fikirkan dan perlu kita perlu satu padukan pelan yang menyeluruh dan Jabatan Perancang Bandar Desa, Jabatan Perancang Bandar telah disediakan bajet di dalam bajet tahun ini dan akan melakukan kajian-kajian untuk melaksanakan perancangan ini. Walau bagaimana pun

sebarang perancangan perlulah selari dengan Agenda 21 pandangan penduduk akan dan perlu diambil kira dan mereka akan digalakkan ambil bahagian di dalam proses buat keputusan. Kita tak tahu membuat satu perancangan di mana kita menyetujui pandangan penduduk tetapi kita mahu aktif *involvement* dengan izin akan penduduk setempat tetapi Kerajaan Negeri mengakui terdapat kawasan-kawasan yang perlu di naik taraf dengan segera sama ada masalah lalu lintas, masalah perparitan atau sosial memerlukan perhatian segera Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri memahami keadaan ini dan bagi kawasan-kawasan seperti ini kerja-kerja bagi menaik taraf wajar dijalankan. Contohnya seperti di Taman Medan di kawasan PJS 1 dan kawasan PJS 2 perlu dilakukan kalau tidak dengan segera dengan berperingkat-peringkat dan saya difahamkan terdapat Ahli Yang Berhormat kita yang telah mengambil inisiatif untuk mengeluarkan bajet sendiri untuk melakukan kajian-kajian dan juga terdapat Majlis-Majlis Perbandaran yang telah memohon peruntukan untuk menaik taraf seperti sistem saliran, jalan raya dan sebagainya dan ini kita akan kaji dengan terperinci. Walau apa pun Kerajaan Negeri akan memastikan bahawa setiap Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor mematuhi manual panduan dan Perancangan Negeri Selangor akta-akta yang ada di dalam kita hendak melaksanakan perancangan ini. Soalan yang kedua adalah merujuk kepada pengubahsuaian yang melanggar syarat binaan dan bangunan. Ini kita tahu kalau kita merujuk kepada akta jalan parit dan bangunan dan banyak akta-akta yang lain bahawa sebarang struktur yang terletak di atas setiap jalan atau longkang dianggap sebagai halangan dan sepatutnya tidak boleh diluluskan. Walau pun begitu bangunan yang diubahsuai atau dibina di atas tanah persendirian boleh diambil tindakan merujuk kepada akta yang sama Seksyen 70 dengan cara berikut, iaitu pertama, apabila menerima maklumat kerja-kerja pembinaan yang tidak mengikut akta atau undang-undang kecil bangunan seragam 1986, majlis boleh mengeluarkan notis berhenti kerja serta-merta. Kemudian mengeluarkan *stage* kedua adalah mengeluarkan notis meroboh iaitu di bawah Seksyen 72(1) akta jalan parit dan bangunan, akta 133 ke atas bangunan struktur tersebut apabila didapati tidak mengikut pelan bangunan yang diluluskan. Dalam notis tersebut tercatat satu jangka masa untuk kerja-kerja merobohkan oleh pemilik. Sekiranya pemilik tidak merobohkan bangunan struktur yang tidak diluluskan dalam masa yang ditetapkan majlis boleh mengeluarkan notis mengosong kepada pemilik dan pemilik dikehendaki mengosongkan bangunan tersebut dan majlis boleh memasuki dan memindahkan sesiapa atau apa-apa harta alih pada bangunan tersebut di bawah Seksyen 72(6). Walaupun begitu Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, prosedur mengenai mengambil tindakan ke atas bangunan struktur tanpa kebenaran ini bergantung kepada '*urgency*' keadaan pada masa itu khususnya jangka masa notis yang ditetapkan.

Jadi untuk menjawab soalan yang ketiga, pemilik diberi 14 hari untuk meruntuhkan bangunan tanpa kebenaran setelah notis menceroboh dikeluarkan. Dalam masa yang sama pemilik diminta mengemukakan pelan bangunan dengan tujuan memastikan pengubahsuaian baru dibuat secara sah. Walau bagaimanapun Kerajaan mengakui bahawa kebanyakan pengubahsuaian ini telah berlaku sejak bertahun-tahun. Ada yang telah dibina sejak 20 tahun yang lepas, bukannya mudah untuk kita mengarahkan pemilik merobohkan rumah mereka atau sebahagian dari rumah mereka, kadangkala kalau kita membanci satu taman hampir separuh daripada rumah-rumah yang ada di situ telah membuat pengubahsuaian tidak menurut pelan atau tidak menurut undang-undang kecil bangunan dan apa-apa akta sekalipun. Jadi untuk kita menghadapi masalah ini atau di dalam hal ini, tindakan akan diambil ke atas premis yang benar-benar membawa kesan buruk kepada kesihatan kepada kebersihan dan keselamatan seperti menghalang lalu lintas dan menyebabkan sistem perparitan tidak berfungsi atau

mengganggu orang ramai. Walau bagaimanapun sebarang pengubahsuaian yang baru yang tidak mendapat sebarang kelulusan, itu saya yakin bahawa Majlis Perbandaran tidak akan bertolak ansur. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA** : Soalan Tambahan.

**TUAN SEPEKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya tidak mempersoalkan sekiranya pengubahsuaian tersebut dilakukan 20 tahun sebelum ini. Tapi apa yang saya lihat sekarang, mengapakah pengubahsuaian di kawasan perumahan khususnya di Taman Medan masih berlaku sehingga ke saat ini. Kedua, saya ingin tahu jangka masa pendek bagi program '*Redevelopment Brownfields* dan *Infill Development*' ini yang dilaporkan oleh Kerajaan Negeri ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD** : Soalan yang pertama kenapa ia dilakukan ini kita kena mengarahkan kepada Majlis Perbandaran untuk Majlis Bandaraya dalam kes ini untuk menjalankan tindakan dengan segera, sebab dalam banyak kes kita lihat orang ramai mengganggu lalu lintas dan juga ada yang mengganggu atau sistem perparitan, ini kita tidak boleh bertolak ansur dan Majlis Bandaraya perlu mengambil tindakan. Dan soalan kedua, adalah tentang bila ianya akan dilakukan. Bajet baru disediakan kepada pihak Jabatan Perancangan Bandar untuk kita membuat kajian dari segi kawasan-kawasan '*Urban Renewal Infill Development*' dan sebagainya tetapi ia memerlukan masa. Nombor satu, masanya kita terpaksa mengambil alih bangunan-bangunan dan kita terpaksa mendapatkan persetujuan daripada pemilik-pemilik sekiranya kita nak mengendalikan atau melaksanakan apa yang dipanggil sebagai '*Urban Renewal*' cara menyeluruh seperti yang dilakukan di Singapura tetapi saya rasa apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Taman Medan dari segi keperluan sosial, keperluan yang perlu disegerakan contohnya dari segi perparitan mungkin yang tidak cukup yang boleh mengakibatkan banjir atau sistem '*traffic*' yang mungkin boleh diselesaikan di peringkat Majlis Perbandaran, perparitan boleh diselesaikan di peringkat Majlis Perbandaran atau dengan bajetnya sedikit daripada Kerajaan Negeri. Saya bersetuju bahawa yang ini perlu dilakukan secepat mungkin.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI B NIK AHMAD** : Soalan Tambahan.

**TUAN SEPEKER** : Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI B NIK AHMAD** : Saya nak bertanya kepada Exco Perumahan mengenai bagaimana pula dengan projek-projek perumahan baru kos rendah yang kita lihat baru dibina tetapi dibina dengan kualiti yang cukup teruk. Adakah Kerajaan Negeri akan mengambil langkah untuk menaik taraf atau mempertimbangkan sebarang langkah untuk meningkatkan keadaan, contohnya di Seri Setia, di Desa Mentari yang dibina kurang daripada 10 tahun pemindahan kawasan setinggian kepadatan penduduknya terlalu tinggi rumah ibadat seperti surau, kuil tidak disediakan dengan baik dan di samping itu juga saya sering menerima laporan bahawa penduduk mengadu bangunan bergegar, jadi ini satu keadaan yang cukup serius dan saya ingin tahu apakah langkah yang dapat diambil bagi mempertingkatkan tempat-tempat seperti ini.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD** : Terima kasih kepada Yang Berhormat. Dari segi '*complaint*' dengan izin ataupun rungutan-rungutan daripada penduduk, dari segi

penempatan-penempatan rumah kos rendah yang sedia ada yang sedang dibina. Ada dua perkara yang perlu kita tangani yang kita lihat, yang pertamanya adalah dari segi kualiti, *'workmanship'* dengan izin atau dari segi dia punya *'finishing'* dengan izin dari segi kemasannya, dari segi macam mana kerja-kerja itu dilakukan, yang itu sebenarnya telah dilakukan oleh pihak kontraktor, apa yang kita boleh buat adalah kalau ia kurang daripada dua tahun maka ianya di bawah *'defect labourity period'* atau DLP tetapi kadangkala walaupun kita telah melepasi *'defect labourity period'* itu kadangkala penduduk telah membuat *complaint* atau membuat rungutan mereka telah menyampaikan rungutan mereka kepada pemaju dalam masa dua tahun tetapi ia masih tidak diambil perhatian oleh pemaju, walaupun selepas dua tahun itu. Kita mempunyai bukti dalam masa dua tahun itu telah ada rungutan tetapi tidak ada tindakan, maka tindakan masih boleh diambil ke atas pemaju. Sebab perkara-perkara yang dilakukan kesalahan itu masih dalam jangka masa dua tahun *'defect labourity period'*, dengan izin. Yang kedua adalah tentang kemudahan-kemudahan awam yang saya lihat banyak, saya telah pun turun dengan tempat yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, bahawa memang ada tempat-tempat yang kurang dari segi apa yang dipanggil sebagai kemudahan-kemudahan awam, yang ini mungkin kita perlu melakukan suatu kajian untuk seluruh negeri ataupun dari *'case by case basis'* dengan izin, daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang terlibat dan kita melihat apakah yang perlu atau yang mesti kita tambah atau memberi nilai tambah kepada kawasan-kawasan perumahan tersebut. Kadangkala kita nak lihat adakah benar-benar pemaju-pemaju itu telah mematuhi kehendak-kehendak perancangan sebab saya tahu ada tempat ada rumah kos rendah yang telah dibina dan sepatutnya dalam perancangan ada dewan, tak ada dewan, yang ini kita tidak akan berkompromi dan kita akan mengambil tindakan kalau ini berlaku. Tetapi dalam kes-kes yang tidak cukup oleh sebab memang ada sebab-sebab dari segi kepadatan penduduk yang bertambah dan sebagainya kita akan lihat dan kita akan perbaikilah, insya-Allahlah.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker Soalan No. 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PEMANTAUAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN SENSITIF ALAM  
SEKITAR**

17. Terdapat 16 lokasi projek pembangunan di Hulu Kelang yang berada dalam kelas 3 (>25' - <35') yang telah diluluskan Kebenaran Merancang sehingga siap diduduki sejak tahun 2000. Sementara itu sejak kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor ditubuhkan, semua pembangunan kelas 3 & 4 sudah tidak lagi diluluskan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan berapa banyakkah kelulusan yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat pemaju yang memohon pengecualian daripada membina rumah-rumah kos rendah, kos rendah sederhana dan kos sederhana setelah pelan asal diluluskan.

- b) Sila nyatakan bagaimana kerajaan menguatkuasakan dan memantau arahan bahawa tidak ada lagi pembangunan di kawasan kelas 3 & 4 dan juga memantau pembangunan yang telah diluluskan di kawasan-kawasan seperti itu agar mematuhi segala syarat baru yang ditetapkan.
- c) Bagaimana kerajaan menangani tekanan daripada syarikat-syarikat pemaju yang menyatakan bahawa syarat-syarat yang ditetapkan telah meningkatkan kos pembinaan lalu memohon pengecualian daripada syarat-syarat perancangan yang perlu bagi pembinaan beberapa unit rumah kos rendah dan kos sederhana dan seterusnya hanya membina rumah-rumah berharga RM2 juta hingga RM5 juta ke atas.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Klang berdasarkan permohonan yang diterima oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dari tahun 2006 hingga Mac 2008 sebanyak tujuh projek telah diluluskan pengecualian pembinaan rumah mampu milik manakala selepas Mac 2008 sebanyak tujuh projek lagi telah diluluskan pengecualian pembinaan rumah mampu milik. Beberapa faktor diambil kira dalam mempertimbangkan kelulusan pengecualian ini seperti berikut: Satu, kelulusan pengecualian diberikan sekiranya kawasan pembangunan mempunyai kecerunan kelas tiga dan empat. Berdasarkan keadaan semasa rumah-rumah mampu milik ini biasanya didirikan secara bertingkat iaitu melebihi lima tingkat sedangkan sebelum Mac 2008 Kerajaan Negeri telah mensyaratkan sebarang kawasan pembangunan yang mengandungi kelas tiga hanya membina rumah tidak melebihi tiga tingkat berdasarkan kepada topografi tanah yang dibangunkan yang kebiasaannya akan melibatkan pemotongan dan tambakan tanah yang boleh menyebabkan ketidakstabilan struktur tanah.

Faktor kedua, mengambil kira kegunaan tanah secara optimum dan ekonomi. Berdasarkan akta hak milik strata lot bagi pembinaan bertingkat jenis kos rendah tidak boleh dibina secara bercampur dengan rumah bertingkat jenis lain dalam satu lot yang sama. Keperluan ini tidak praktikal untuk mengoptimumkan kegunaan tanah kerana keluasan tanah yang boleh dibangunkan adalah sangat terhad selain perlu mengambil kira kemudahan awam yang perlu disediakan untuk penduduk rumah kos rendah, selain nilai tanah yang tinggi terutama di Lembah Klang. Pembinaan unit yang terhad ini secara tidak langsung akan membebankan bakal pembeli yang berpendapatan rendah dan sederhana kerana yuran penyelenggaraan dan perkhidmatan bulanan yang akan dikenakan adalah tinggi. Ketiga, kita perlu melihat corak penawaran dan permintaan semasa sesuatu kawasan yang mana pada masa ini berdasarkan kepada maklum balas yang diperolehi permintaan terhadap rumah bertingkat sangat berkurangan di kawasan seperti Kajang dan Gombak. Bagaimanapun bagi setiap pengecualian yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri pemaju diwajibkan untuk membayar wang sumbangan pengecualian berdasarkan kepada pengiraan berikut; harga jualan minima kali bilangan unit yang perlu disediakan.

Jawapan kepada bahagian kedua, soalan Yang Berhormat Hulu Klang adalah bagi memastikan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor mematuhi arahan yang telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri tersebut. Surat Pekeliling dan cabutan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 6/2008 yang bertarikh 2 April 2008 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Yang Ke 7/ 2008 pada 9 April 2008 telah diedarkan kepada semua PBT dan semua Jabatan Teknikal berkaitan untuk

dikuatkuasakan arahan tersebut serta-merta. Sehubungan dengan itu PBT akan mengambil tindakan dengan menolak sebarang cadangan permohonan yang melibatkan kawasan kelas tiga dan empat yang dikemukakan oleh pemaju. Penentuan dan pengesahan kelas kecerunan hanya dilakukan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Selangor (JMG) sama ada ia terletak dalam kelas tiga atau sebaliknya. Bagi pembangunan kelas tiga yang telah mendapat kelulusan kebenaran merancang oleh PBT dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebelum 8 Mac 2008 dibenarkan untuk diteruskan memandangkan ianya telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri terdahulu. Walau bagaimanapun pemaju dikehendaki memastikan ia mematuhi sepenuhnya syarat-syarat teknikal yang telah ditetapkan berdasarkan rekod sebanyak 99 projek di kawasan cerun dan tanah tinggi yang sedang dan akan berjalan di seluruh Negeri Selangor. Walau bagaimanapun projek-projek yang sedang dan akan berjalan ini akan dipantau pelaksanaan oleh PBT secara lebih kerap untuk memastikan pemaju mematuhi segala syarat-syarat kelulusan yang diberikan. Untuk itu Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melantik Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. Selaku Juru perunding Geo-Teknikal kepada PBT bagi menjalankan kerja-kerja pemantauan bagi pihak PBT. Semakan secara berkala di tapak akan dibuat dan pemaju-pemaju yang didapati yang melalukan kemungkiran akan dikenakan tindakan oleh PBT dan Kerajaan Negeri tidak teragak-agak untuk menyenarai hitamkan pemaju-pemaju, konsultan-konsultan terlibat dan juga Pengarah Syarikat serta diumumkan kepada orang ramai. Perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd kini di peringkat akhir rundingan sebelum ia diangkat ke Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Saya memang mengakui bahawa Kerajaan Negeri mengalami tekanan hebat daripada pemaju-pemaju dan juga rakyat. Apa yang Kerajaan Negeri telah buat adalah kita telah mengadakan satu mesyuarat awam yang berbentuk *'Town Hold Meeting'* dengan izin dan saya rasa Kerajaan Negeri berjaya membuat seperti satu perunding awam dengan semua sektor-sektor dan juga pihak-pihak yang terlibat. Dakwaan bahawa kos pembinaan akan meningkat saya rasa adalah sesuatu alasan sahaja kerana kebanyakan rumah-rumah yang dibina di kawasan cerun dan juga tanah tinggi telah dipasarkan berjuta-juta ringgit, ternyata kebanyakan projek-projek perumahan di kawasan sensitif alam sekitar adalah projek mewah, walau bagaimanapun Kerajaan Negeri Selangor tetap tegas. Dan Kerajaan Negeri Selangor di pandu oleh beberapa dasar yang sedia ada seperti *"Total Planning And Development Guideline"* (dengan izin) ataupun Garis Panduan Perancangan Dan Pembangunan Total, edisi satu dan edisi dua. Selain daripada itu kita ada Pelan Struktur Selangor yang ternyata bahawa pembinaan di kawasan kecerunan kelas 3 dan 4 hanya untuk pembinaan seperti infrastruktur yang kritikal, kedua: struktur-struktur yang tidak kekal (dengan izinnya) *impermanent instruction* dan pembangunan tapak pelancongan. Pada pendapat Kerajaan Negeri Selangor adalah lebih baik kalau kita berwaspada agar rakyat selamat pada akhirnya. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Soalan tambahan, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Silakan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Bagi surat-surat pekeliling yang dihantar oleh EXCO yang berkenaan tentang pemantauan kawasan sensitif alam sekitar, adakah ia dibuat salinan kepada ADUN-ADUN yang berkenaan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Hulu Kelang, saya rasa pada masa ini cabutan kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan surat pekeliling

tidak dihantar kepada ADUN-ADUN. Saya rasa ini mungkin satu kekurangan dan khasnya surat pekeliling kita akan hantar kepada semua ADUN yang berkenaan dengan serta-merta.

**TUAN SPEAKER** : Subang Jaya.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN** : Tuan Speaker, soalan 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
(SUBANG JAYA)**

**TAJUK : KOS LAWATAN LUAR NEGERI DAN NEGARA**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila berikan butir-butir kos bagi lawatan luar negeri dan negara dari tahun 2006 - 2007 seperti destinasi, tempoh lawatan, kos penginapan, kos tiket penerbangan, senarai nama rombongan, tujuan lawatan dan sebarang kos lain yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri ataupun anak syarikat Selangor.

**DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Subang Jaya. Untuk makluman mengenai butir-butir lawatan kos ke luar negeri dan negara dari tahun 2006 hingga 2007 dan destinasi serta tempat lawatan oleh Kerajaan Negeri dan anak syarikat. Di antara tahun 2004 sehingga 2007, dianggarkan sebanyak 150 lawatan diadakan yang melibatkan Jawatankuasa Tetap dan Jabatan Kerajaan. Daripada jumlah lawatan tersebut, kos yang terlibat sebanyak RM6,621,291.00. Untuk makluman jawatankuasa, yang terbanyak membuat lawatan di antara tahun 2004 dan 2007 ialah Jawatankuasa Perdagangan, Pelaburan dan Perindustrian, iaitu sebanyak lebih 45 lawatan. Dalam tahun 2004 sebanyak 14 lawatan, 2006 18 lawatan dengan perbelanjaan terbesar iaitu RM1.2 juta. Antara tempat-tempat yang dilawati, Bangkok, Thailand, Dubai, Shanghai China, Republik Korea, dan beberapa lawatan ke Jerman dan beberapa negeri. Saya ada mempunyai laporan-laporan tentang lawatan tersebut. Ada beberapa lawatan yang mempunyai kertas hasil lawatan dan ada juga lawatan yang tiada langsung penerangan selepas lawatan.

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Soalan nombor 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B DATO' SUBAHAN BIN KAMAL  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PELABURAN ASING (MENGENALPASTI JUMLAH PELABURAN  
ASING DI NEGERI SELANGOR)**

19. Memandangkan Negeri Selangor sebagai negeri maju, banyak pelabur-pelabur asing dikenal pasti.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah pelaburan asing yang dibuat oleh pelabur-pelabur asing setakat ini di Negeri Selangor dan pecahan pelaburan asing mengikut negara di Negeri Selangor.
- b) Apakah langkah-langkah yang sedang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pelaburan-pelaburan asing ini.
- c) Bagaimanakah strategi dan peranan kerajaan negeri bagi manfaat terus pelaburan asing kepada rakyat Negeri Selangor dari segi peluang ekonomi dan pekerjaan.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Terima kasih Dato'. Tuan Speaker, soalan yang ditanya kepada saya adalah mengenai pelaburan asing yang dilaburkan di negeri Selangor. Tentang jawapan ini saya ingin memberi dua angka iaitu satu adalah statistik yang dibekalkan oleh MIDA iaitu Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Mengikut MIDA daripada tempoh Januari hingga Julai 2008 sebanyak 155 projek perkilangan dengan nilai pelaburan berjumlah RM6.4 bilion telah diluluskan oleh Lesen Pengilangan oleh MIDA di Selangor. Dari jumlah ini RM1.3 bilion adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM3.1 bilion daripada pelaburan asing. Sementara itu kalau kita ingin ikut statistik daripada Kerajaan Negeri Selangor daripada Januari hingga Oktober tahun ini sebanyak 173 projek perkilangan dengan jumlah nilai pelaburan sebanyak 10.3 bilion telah diluluskan penempatan projeknya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Daripada jumlah ini, RM5.3 bilion adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM5.1 bilion adalah daripada pelaburan asing. Untuk makluman Yang Berhormat, saya juga ingin memberi pecahan beberapa pelabur asing yang ditempatkan di negeri Selangor untuk makluman dewan yang mulia. Jadi kalau mengikut perangkaan daripada Kerajaan Negeri Selangor pada Januari hingga Oktober tahun ini. Pelaburan, kalau kita ikut dari segi nilai pelaburan yang pertama adalah pelabur daripada Jerman yang jumlah pelaburannya adalah 3.1 bilion projek melibatkan 7 projek dan juga peluang pekerjaan 1032. Pelabur asing kedua yang terbesar adalah daripada Jepun, yang jumlah pelaburannya ialah RM892.2 juta yang melibatkan 14 projek dan mencipta peluang pekerjaan 4533. Pelaburan ketiga besar adalah United Kingdom jumlah nilai pelaburan adalah RM193 juta yang melibatkan 6 projek dan mencipta peluang pekerjaan 274. Pelabur asing keempat terbesar ialah Denmark. Jumlah nilai pelaburannya adalah RM 118.1 juta yang melibatkan 3 projek dan mencipta peluang pekerjaan 184. Pelabur asing yang kelima besar adalah dari Singapura nilai pelaburan RM111.8 juta yang melibatkan 12 projek dan mencipta peluang pekerjaan 1270. Yang keenam besar adalah dari *United State America*. Jumlah nilai pelaburan adalah RM108.3 Juta yang melibatkan 5 projek dan mencipta peluang pekerjaan 860.

Tuan Yang Dipertua, soalan yang satu lagi Taman Templer adalah “apakah langkah-langkah yang sedang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pelabur-pelabur asing ini”. Langkah-langkah yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pelaburan asing adalah seperti berikut:-

- i. Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
- ii. Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri ataupun pelabur di Selangor.
- iii. Menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti di Selangor *Science Park 2* dan *Science Park 1*.
- iv. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
- v. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti permohonan Sijil Layak Menduduki , Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri ataupun pelabur menerusi *One Stop Centre* (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
- vi. Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau pelaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
- vii. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- viii. Penambahbaikan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan dan sebagainya.

Dan mengenai strategik dan peranan Kerajaan Negeri dalam memainkan peranan manfaat terus pelaburan asing terus kepada rakyat negeri Selangor adalah dari segi peluang ekonomi kita akan menyediakan maklumat kepada penyedia-penyedia perkhidmatan untuk rujukan kepada para pelabur bagi mendapatkan khidmat profesional yang beroperasi di negeri Selangor dan kita juga menganjurkan program-program *networking* antara para pelabur yang berpotensi di Negeri Selangor bertujuan bagi menyediakan ruang untuk pelabur tempatan serta pelabur asing menjalin hubungan kerjasama perniagaan antara satu sama lain. Dari segi peluang pekerjaan pula, Kerajaan Negeri akan mengadakan sesi pertemuan antara institusi-institusi pengajian tinggi di negeri Selangor dengan syarikat multinasional bagi mewujudkan jaringan antara pihak industri dan institusi pengajian tinggi menepati kehendak industri serta pihak industri dapat berhubung terus dengan pihak institusi pengajian tinggi bagi mendapatkan tenaga kerja yang bersesuaian. Yang kedua adalah, dalam syarat-syarat lesen pengilang yang dikeluarkan oleh MIDA, pihak syarikat disyaratkan untuk melatih rakyat Malaysia supaya pemindahan teknologi dan kepakaran dapat disalurkan di semua peringkat jawatan. Sekian terima kasih.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Taman Templer, silakan.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, dimaklumkan sebentar tadi jumlah terbesar pelaburan negeri Selangor dari Januari hingga ke bulan sepuluh tahun ini adalah dari Jerman, saya ingin bertanya, setuju tak bahawa pelaburan Jerman ini adalah hasil usaha kerajaan Barisan Nasional. Kerana kita tidak mahu lembu punya susu sapi dapat nama. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Terima kasih. Sebenarnya kami modal pelaburan masuk sebelum bulan Mac dan ada juga sebelum dan selepas bulan Mac. Ini masuk sekiranya pihak pelabur tiada keyakinan terhadap Kerajaan Pakatan Rakyat, mereka boleh menarik keluar pelaburan tetapi apa yang kita lihat ialah sehingga hari ini, sehingga bulan Oktober kita sudah mempunyai pelaburan yang berdaftar dengan pihak Kerajaan Negeri lebih kurang tiga perpuluhan dua ringgit daripada pelaburan yang dimasukkan daripada pelabur asing daripada Germany, ia melibatkan tujuh projek, jadi kalau Y.B. nak rujuk kepada *Q-Sel* jadi ini bermaksud salah satu projek dan ada enam projek lagi kita belum pasti lagi mungkin kita boleh juga lihat sama ada ia masuk sebelum bulan Mac atau selepas bulan Mac. Jadi kalau kita nak *claim* kredit kita harus lihat berterusan, kita harus lihat dari segi pelaburan tetapi apa yang jelas dibentangkan ialah memang pelabur asing kelihatan mempunyai keyakinan yang lebih tinggi terhadap Kerajaan Pakatan Rakyat kerana kita ingin mengamalkan dasar yang telus dan juga lebih pro *bussines*. Terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Bolehkah Y.B. memberi penjelasan yang selanjutnya tentang yang itu perbezaan *main stop centre* sedia ada di PBT dan *one stop centre* yang dicadangkan oleh Kerajaan.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : *One Stop Centre* yang diadakan di Pihak Berkuasa Tempatan adalah dari segi kelulusan projek pengilangan yang dicadangkan oleh pihak pelabur. Misalnya kalau mereka ingin menubuhkan kilang jadi mereka perlu kelulusan CF dan sebagainya. Tetapi kalau kita lihat dari segi *One Stop Centre* yang diadakan di Selangor *State Investments Centre* (SSIC) ini, peranan mereka adalah membantu pelabur asing. Sekiranya ada pelabur asing mereka ingin melabur, mendirikan kilang mereka di Negeri Selangor mereka ingin tahu di manakah lokasi yang paling sesuai bagi mereka dan mungkin mereka perlu bantuan daripada berbagai segi kerana pelabur asing bila mereka datang di Malaysia, di Selangor mereka nak tahu siapakah profesional dan juga profesional teknikal yang boleh membantu mereka. Jadi dari segi masalah ini mereka boleh mendapat perkhidmatan *One Stop Centre* daripada SSIC kerana ia membekalkan perkhidmatan *One Stop Centre*. Setakat ini saya ingin juga menyampaikan kepada Dewan yang mulia ini bagi pelabur asing yang saya temui selama ini mereka amat berpuas hati terhadap perkhidmatan yang dibekalkan oleh *One Stop Centre* OSC kita, jadi kami percaya peranan yang dimainkan oleh OSC. Saya percaya dalam bulan-bulan yang akan datang negeri kita akan mendapat lebih pelaburan, keyakinan daripada lebih pelabur asing bahawa saya yakin juga pelaburan

asing yang di salur ke Negeri Selangor ini akan meningkat dalam bulan dan tahun yang akan datang.

**TUAN SPEAKER** : Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin mengemukakan soalan nombor dua puluh.

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK** : **SUMBANGAN UNTUK MANGSA TAUFAN NARGIS DI MYANMAR**

20. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah sebenar sumbangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada mangsa-mangsa taufan berkenaan?
- b) Adakah sumbangan yang diberi menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri, atau anak-anak syarikat Kerajaan Negeri atau Sumbangan dari Badan-badan Sukarela?
- c) Siapakah yang menjadi agensi pelaksana bagi menyelaraskan penyampaian sumbangan berkenaan kepada pihak Junta Myanmar?

**Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL** : Terima kasih. Y.B. Permatang. Tuan Speaker dan Y.B.-Y.B. sekalian. Menjawab soalan yang dikemukakan Kerajaan Negeri memang prihatin dengan musibah yang melanda di Negara jiran, yang kita tahu pada awal bulan Mei yang lalu bahawa satu bencana ataupun satu taufan ribut yang agak besar telah melanda apa ini *Nargis* atau pun di Myanmar itu sendiri. Atas dasar itu pada Mesyuarat EXCO yang diputuskan pada tujuh hari bulan Mei Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk memberi sumbangan sebanyak satu juta ringgit kepada mangsa bencana taufan *Nargis* di Myanmar. Dan serahan ini telah pun dibuat, cek serahan ini telah dibuat oleh Dato' Menteri Besar pada Yayasan Amal dan beberapa NGO yang telah diberikan amanah pada lapan hari bulan Mei, empat setengah petang di pejabat SUK. Bantuan tersebut tidak melibatkan bantuan berupa tidak sahaja merupakan bantuan kewangan bantuan ini merupakan bantuan pakaian, tempat tinggal, bantuan pam air, yang besarnya kepada perubatan dan untuk kesihatan. Walau bagaimana pun ingin saya tekankan di Dewan yang mulia ini bahawa pemergian rombongan ke sana bukanlah mudah kerana kita tahu Kerajaan Junta Myanmar tidak sewenang-wenangnya memberikan kemasukan ke sana. Walau bagaimana pun misi kemanusiaan ini telah berjaya pergi ke sana sebanyak dua kali walau pun dalam keadaan terhad Alhamdulillah dapat ke sana dengan sempurna dan beberapa sumbangan telah dihantar dengan baik.

Untuk soalan kedua, bantuan kepada Taufan *Nargis* di Myanmar disumbangkan melalui peruntukan Kerajaan Negeri, tidak melalui sumbangan anak-anak Syarikat, Sukarelawan dan juga Syarikat Anak Negeri. Jadi peruntukan khusus dan penuh

daripada Kerajaan Negeri tetapi walau bagaimana pun saya telah dimaklumkan oleh pihak Yayasan Amal dan juga daripada WIRDA bahawa ada sumbangan-sumbangan orang kata peribadi yang diberikan bukan kepada Kerajaan Negeri tetapi melalui NGO-NGO itu untuk disampaikan kepada pihak-pihak *Nargis*. Ingin juga saya maklumkan bahawa tentang soalan yang ketiga Kerajaan Negeri telah memutuskan Yayasan Amal ini dan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Wanita iaitu WIRDA yang merupakan Pertubuhan bukan Kerajaan yang terkenal dengan perkhidmatan kebajikan yang telah pun memberikan sumbangan mereka baik di dalam negeri atau pun di luar negeri bermula dari tahun 2001 yang mana sumbangan mereka ini agak besar dan berjaya sama ada di dalam negeri atau pun di luar negeri, pemberian kemanusiaan Tsunami di Kuala Kedah tetapi juga menjangkau ke luar negeri, di Aceh, Afghanistan, Pakistan dan sebagainya. Dan mereka telah ke sana sebanyak tiga kali minta maaf empat kali misi iaitu misi pertama pada 14 hari bulan Mei, misi kedua 5 hari bulan Jun, misi ketiga 25 hari bulan Mei, yang terakhir pada bulan September yang lepas. Ingin saya maklumkan di dalam dewan yang mulia ini, bahawa setakat ini empat misi ini telah dilengkapkan dan kemungkinan tidak ada lagi rombongan ke sana disebabkan Kerajaan Junta Myanmar tidak lagi membuka ruang kepada pihak antarabangsa untuk memberikan sumbangan atau pun memberikan bantuan-bantuan kemanusiaan tetapi hanya mereka perlukan urea dan diesel dan kita tahu ini adalah bercanggah daripada polisi Kerajaan Negeri. Sekian, Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Soalan Tambahan. Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Silakan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin mengucapkan tahniah dan juga menghargai apa yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri menyegerakan sumbangan mangsa-mangsa taufan *Nargis* di Myanmar. Soalan saya yang pertama kepada Y.B. EXCO Batu Tiga, pada waktu lebih kurang sama berlaku juga malapetaka yang besar terdiri daripada Gempa Bumi, tanah runtuh, banjir begitu besar di Negara China hampir kejadian sama di Taufan *Nargis*, saya tidak nampak ada satu tindakan yang segera juga daripada Kerajaan Negeri untuk membantu mangsa-mangsa di Negeri China. Sedangkan di Negeri China kita mempunyai hubungan yang baik dari segi diplomatik, dari segi dagangan, dari segi kebudayaan, hubungan yang lebih baik tidak ada satu pun tindakan yang dibuat untuk membantu mangsa di Negeri China satu.

Yang kedua dari segi sumber yang digunakan satu juta ialah menggunakan dana Kerajaan Negeri yang saya yakin dan percaya datang daripada duit pembayar-pembayar cukai, duit orang-orang miskin. Tetapi bagaimana pun usaha murni ini baiklah sedangkan dalam konteks Negara kita yang biasa kita lihat, kita buat banyak tabung Afghanistan, Iraq dan sebagainya. Semua hasil daripada sumbangan rakyat Malaysia, kita buat tabung. Jadi apakah wajar nak tanya kepada EXCO, apakah wajar menggunakan dana kerajaan terdiri duit-duit pembayar cukai atau lebih baik kita menyediakan tabung walaupun agak lewat tindakan itu tetapi melihatkan orang ramai yang boleh memberikan sumbangan dan melahirkan rasa simpati dua.

Yang ketiga apabila berlaku mangsa ribut dalam negeri terdiri daripada pembayar cukai, pengundi, rakyat tempatan yang berlaku di Kapar, Klang tindakan begitu *slow*, lambat, tindakan begitu lambat. Saya nak tanya juga Y.A.B. Menteri Besar mengeluarkan kenyataan di akhbar bahawa.

**TUAN SPEAKER** : Y.B. sekarang ini soalan tambahan kena berkaitan dengan kes ini. Soalan utamanya adalah sumbangan untuk mangsa taufan Nargis di Myanmar jangan pergi Kapar. Itu soal lain, kalau nak buat soal Kapar buat soalan lain. Jangan meleret sangat.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya maklum Tuan Speaker tetapi saya rasa hubungan ini berkaitan kerana menggunakan.

**TUAN SPEAKER** : tak berkaitan, saya kata tak berkaitan jelas jangan lagi sambung itu. Ada soalan lain.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Jadi saya rasa saya minta penjelasan daripada pihak EXCO. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL** : Terima kasih Permatang. Sebenarnya saya tidak perlu menjawab soalan juga untuk bantuan di China tetapi disebabkan berkaitan tentang kemanusiaan di luar negeri jadi saya ingin dinyatakan jawapan saya tadi khusus untuk taufan Nargis di Myanmar walau bagaimana pun pihak Kerajaan Negeri juga telah membuat keputusan dalam memberikan sumbangan kepada Kerajaan Negeri China pada gempa bumi Chin Chuan, pada 12 hari bulan lima yang lepas. Kita tahu bahawa ini dibuat disebabkan peruntukan satu juta yang telah dikhususkan kepada Kerajaan Negeri untuk bantuan di luar negeri tidak dapat diberikan sepenuhnya kepada mangsa taufan *Nargis* disebabkan polisi kerajaan itu menutup pintu untuk menerima bantuan yang kita sebenarnya rancang untuk memberikan sebanyak mungkin ataupun sebaik mungkin kepada pihak penduduk di Myanmar itu sendiri tetapi bila penutupan itu dan kita lihat bahawa banyak atau lebihan yang ada itu Dato' Menteri Besar dan juga EXCO telah pun menyatakan bahawa kita berikan juga kepada mangsa gempa bumi Chin Chuan di China. Jadi saya ingin menyatakan bahawa ada peruntukan tersebut di dalam peruntukan yang sama satu juta yang telah diberikan. Dan ingin saya nyatakan di dalam dewan yang mulia ini, kami kepimpinan Pakatan Rakyat amat berhemah dalam penggunaan kewangan walaupun diperuntukkan satu juta ringgit tetapi perbelanjaan sebenar ada di tangan saya dan akan saya berikan kemudian bahawa perbelanjaan sebenarnya melihatkan lima ratus lima puluh sembilan ribu tujuh ratus enam puluh satu ringgit tujuh puluh sen. Maknanya ada lagi lebihan dalam tangan lagi sebanyak empat ratus empat puluh sembilan ribu empat ratus empat puluh sembilan ringgit dan empat puluh empat sen, Maknanya menunjukkan walau pun sumbangan itu banyak tetapi disebabkan saluran itu tidak dapat disampaikan dengan sempurna di atas polisi pintu Kerajaan Myanmar dan Negeri China jadi lebihan itu ada dan kita akan serahkan semula kepada Kerajaan Negeri untuk faedah dan penggunaan kepada program-program misi yang lain. Jadi itu sahaja yang saya ingin nyatakan. Terika kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker Kampung Tunku ingin mengambil pertanyaan ini di bawah peraturan mesyuarat 24(2). Terima kasih

**TUAN SPEAKER** : Dibenarkan soalan 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK : PERTINDIHAN KERJA PENYELENGGARAAN DI KAWASAN BANDAR  
DAN KAMPUNG**

21. Peranan agensi kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Parit dan Saliran (JPS), dan Pejabat Daerah terhadap aspek penyelenggaraan infrastruktur di kawasan bandar dan kampung telah menimbulkan pertindihan kerja antara satu sama lain. Apabila timbul isu dan masalah seperti banjir dan ketidaksempurnaan penyelenggaraan, aduan tersebut telah ditujukan kepada PBT dan PBT pula dipertanggungjawabkan sepenuhnya atas segala kelemahan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Kenapakah skop penyelenggaraan ini bertindih dan mengelirukan rakyat dan bilakah kerajaan negeri akan melaksanakan perubahan bagi mengelakkan rakyat keliru dan menyalahkan PBT semata-mata
- b) Apakah wujud cadangan bagi aspek penyelenggaraan diletakkan sepenuhnya di bawah PBT termasuk pengurusannya sekali dan cadangan bagi pihak JKR dan JPS menguruskan aspek menaik taraf dan projek-projek besar sahaja disebabkan kepakaran yang ada di agensi tersebut.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih Sri Muda. Sebenarnya kita dari segi Pakatan Rakyat keseluruhan penyelarasan agensi-agensi di peringkat daerah, di peringkat negeri bolehlah dikatakan memuaskan hanya mungkin di beberapa tempat atas insiden-insiden yang terasing begitu, mungkin dapat ke tidak keselarasan. Dan ke tidak keselarasan ini pun tidak menjejaskan sebenarnya tentang pelaksanaan program-program pembangunan sama ada di peringkat daerah atau pun di peringkat negeri. Kalau-kalau pun ada yang tidak tercalar pun mungkin pegawai-pegawai baru tetapi yang jelasnya yang saya diberitahu oleh teman-teman yang berkhidmat di peringkat daerah dan di peringkat negeri kadang-kadang orang-orang UMNO di kacau pada zaman UMNO dahulu dia kata. Kontraktor-Kontraktor UMNO kadang-kadang lebih hebat daripada YDP-YDP dan sebagainya. Ini yang menyebabkan ada timbul kecelaruan dan ketidakselarasan di peringkat-peringkat pentadbiran tersebut. Di peringkat negeri pula Tuan Speaker saya telah mengambil inisiatif sebagaimana teman-teman yang lain juga mengadakan penyelarasan yang pertama sekali di peringkat STANCO, kita ada STANCO Komuniti yang menyelaraskan kerja-kerja JPS, JPT, JKR, dan kerja-kerja JAIS kerja-kerja daripada Muzium yang saya bertanggungjawab, LUAS dan sebagainya kita selaraskan di peringkat itu, dan pada saya lah secara peribadi tak nampak ada permasalahan antara kita dengan pegawai kerajaan kerana saya dapati kerajaan dan juga teman-teman daripada syarikat-syarikat yang inginkan kerjasama yang begitu padu dan mereka seronok sebenarnya dengan kerajaan baru ini. Apa mereka kata kerajaan baru ini terbuka dalam mesyuarat mereka diberi peluang seluas-luasnya untuk mengemukakan pendapat dan pandangan, kadang-kadang pendapat dan pandangan itu mengkritik kita, itu pun kita alu-alukan. budaya ini tidak ada dalam kerajaan yang lepas kata mereka. Dan kemudian itu yang soal PBT yang ada budaya yang kata Menteri Besar suruh, Menteri Besar suruh .....

**Y.B. DATO' ABDUL RAHMAN BIN PALIL** : Boleh bagi jalan .....

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Speaker, Tolong suruh senyap, tolong senyapkan ....

**TUAN SPEAKER** : Duduk, duduk, duduk, sila duduk dulu, sila tolong duduk, tolong duduk, tolong duduk Sementa bukan masa, Sementa duduk dulu , duduk dulu saya bagi amaran kalau tidak saya akan halau, kalau tidak saya akan halau, tolong duduk . (Sementa bangun)

**Y.B. DATO' ABDUL RAHMAN BIN PALIL** : Tuan Speaker .....

**TUAN SPEAKER** : Sementa kalau tidak saya akan halau, ya Sementa duduk Sementa duduk, kalau tidak saya akan menggunakan peraturan, ya nanti saya dah cakap ni, jangan cabar saya,

**Y.B. DATO' ABDUL RAHMAN BIN PALIL** : Gombak Setia..... (Sementa bangun)

**TUAN SPEAKER** : Sementa dah empat penggal di dalam dewan ini Sementa tahu pun, saya tengah cakap, saya tengah cakap, ini pun Sementa lawan lagi, ya Sementa baik Sementa nak cabar lagi, Sementa empat penggal ya dan Sementa pun tahu sepanjang enam bulan yang lalu dua kali mesyuarat ini, macam mana saya mengendalikan dewan saya adil kepada semua pihak, jadi kalau Sementa tak puas hati dengan kenyataan yang dibuat oleh Gombak Setia, Sementa boleh cabar kemudian tapi bangun minta, bangun minta saya bagi, sekarang belum mintak, belum mintak daripada Speaker pun cakap tengok, saya mintak duduk, tak bagi, baik-baik saya arahkan awak duduk.....( Sementa bangun)

Sementa, sebentar tadi jawapan diberikan oleh Gombak Setia ada kenyataan nak buat, kalau tidak puas hati bila habis jawapan dari Gombak Setia boleh bangun minta penjelasan kalau tak puas hati sekalipun masih boleh bangkit dalam perbahasan, perbahasan Sementa boleh cakap lagi tengok, saya cakap ni, kalau mengikut peraturan Speaker cakap semua ahli kena duduk, ha itu tengok nak cuba, nak cuba cabar lagi, nak cuba cabar lagi saya bagi peluang, saya kata saya adil ini saya sedang dan ya tahu, speaker tahu, sekarang nak cabar lagi. Itu lah yang dibuat oleh Seri Serdang...main-main dengan Speaker baru ni. Saya bagi amaran Sementa, saya bagi amaran terakhir kalau tidak saya akan mintak keluar, bukan soal demokrasi, cara ini bukan soal demokrasi,

**Y.B. TUAN LAUN WENG SAN** : Soalan tambahan Tuan Speaker, saya telah melihat bahawa...

**TUAN SPEAKER** : Belum habis...habiskan

**Y.B. DR. DATO' HASSAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Speaker, tak ambil tindakan ke.....

**TUAN SPEAKER** : Kita bagi peluang sebab kita kerajaan baru kita mempunyai hati yang cukup besar tak seperti dahulu halau sembarangan, kita mesti mempunyai hati yang cukup besar untuk memaafkan orang yang tidak tahu yang jahil dalam perkara yang tertentu, dipersilakan Gombak Setia

**Y.B. DATO' ABDUL RAHMAN BIN PALIL** : Siapa yang jahil Tuan Speaker...

**Y.B. DR. DATO' HASSAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih, terima kasih, dah empat penggal macam itu lah orang macam ni nak menyelaraskan tak adalah..... ni dah main kasar ni,

**Y.B. DATO' ABDUL RAHMAN BIN PALIL** : Siapa main kasar ni ?.....

**Y.B. DR. DATO' HASSAN BIN MOHAMED ALI** : Peribadi nama saja doktor dia kata, ini lah gambaran saya tak mahu, tapi Speaker saya meleraikan saya duduk .....

**TUAN SPEAKER** : Err... sebelum tu Gombak Setia sila duduk, Sementa saya bagi peluang yang terakhir, saya bagi amaran di bawah 44 (1) sila berhenti cakap lagi, kalau yang Berhormat Sementa teruskan lagi perbuatan seperti tadi, perbuatan tidak senonoh, saya akan gantung kerja, mengikut peraturan 44 (2), tolong baca dengan baik, dipersilakan Gombak Setia.

**Y.B. DR. DATO' HASSAN BIN MOHAMED ALI** : Saya ingin mengakhirkannya Tuan Speaker, bahawa di peringkat negeri misalnya penyelarasan dibuat begitu rapi terutamanya melalui STANCO yang kedua melalui Jawatankuasa-Jawatankuasa yang kita tubuhkan dan jawatankuasa itu terdapat jabatan-jabatan yang berada di bawah portfolio yang kebetulan ditanya jabatan-jabatan tersebut dan saya katakan penyelarasannya sangat baik dan yang akhirnya bagi saya pula portfolio di bawah saya jabatan-jabatan insya-Allah kita akan *initiate* Isnin ini, ketua-ketua jabatan akan diminta bertemu dengan saya bagi kita menyelaraskan minggu-minggu yang lepas dan minggu yang akan datang, cara ini saya fikir adalah cara yang terbaik dan sudah terbukti di kalangan teman-teman yang mempraktikkan cara ini penyelarasan kerja-kerja amat baik dan sangat memuaskan dan akhirnya kalau penyelarasan ini diserahkan kepada PBT sahaja mengikut soalan yang kedua saya kurang bersetuju kerana PBT kita pun dalam banyak-banyak hal banyak yang terhad dari segi perbelanjaan dari segi kewangan sangat terhad jadi untuk melaksanakan program-program besar, projek-projek besar misalnya projek jalan raya, projek longkang yang besar, projek pembersihan sungai besar yang melintasi di kawasan-kawasan PBT agaknya di atas terhadnya kebolehan kemampuan PBT maka PBT pada saya, cadangan yang dibuat itu saya tak berapa setuju PBT-PBT itu di beban tugaskan dengan tugas-tugas dengan mereka sendiri pun tak mampu dalam beberapa hal mengendalikan tugas-tugas tersebut, terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Baik tamat waktu pertanyaan, atur cara mesyuarat seterusnya.

### **III. RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2009, 2008 (Sambungan)**

**SETIUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, Rang Undang-Undang perbekalan 2009/2008 sambungan

**TUAN SPEAKER** : Dipersilakan Seri Muda untuk sambung ucapan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI** : Terima kasih Y. Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menyambung kembali untuk membahaskan membentangkan

perbahasan Belanjawan 2009 Negeri Selangor yang telah dikemukakan oleh YAB Menteri Besar Selangor. Saya ingin menyambung tempat di mana saya berhenti semalam, saya ingin menarik perhatian kerajaan negeri agar dalam pelaksanaan program-program tersebut hendaklah ditetapkan satu penanda aras atau *key performance indicator* dengan izin dan tempoh persaraan bagi menentukan keberkesanan program-program tersebut. Jika untuk program pembangunan usahawan Kerajaan Negeri mesti mempunyai sasaran berapa ramai usahawan, berapa nilai industri perniagaan penanda aras yang sama, yang menunjukkan kejayaan program dan pelan alternatif sekiranya sasaran tidak berjaya sepenuhnya kalau sebarang, kalau seberang sana sibuk dengan pelan peralihan biar kita sibuk di sini untuk rakyat. Saya amat tertarik dengan langkah berani Kerajaan Negeri dengan menaikkan pendapatan garis kemiskinan PJK kepada RM1500. Langkah ini saya katakan berani kerana kalau kerajaan dahulu biarpun beribu aduan yang dikemukakan oleh rakyat mengenai taraf kehidupan mereka yang terhimpit ekoran kenaikan kos hidup di Negeri Selangor namun pimpinan Negeri tetap menyatakan kadar kemiskinan di Selangor adalah rendah iaitu sekitar 1.1% dan miskin tegar 0.2%. ini jelas dengan izin *in the state of deny* yang diamalkan oleh kerajaan lama. Tuan Speaker langkah berani Kerajaan sedia ada hari ini melonjak kadar kemiskinan ke 30% ini memerlukan pelan tindakan untuk mengatasinya. Saya menyeru agar program-program keusahawanan yang dibuka dan diperluaskan secara menyeluruh kepada semua ibu tunggal, orang kurang upaya, pesara swasta dan juga kerajaan serta lain-lain golongan marhaen, langkah menubuhkan dana industri kecil sederhana IKS serta skim pinjaman untuk IKS akan membantu golongan kurang berkemampuan menceburkan diri dalam keusahawanan dan perniagaan bagi mempertingkatkan taraf kehidupan mereka.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa ke pertimbangan Kerajaan Negeri agar selain daripada dana dan Skim Pinjaman tersebut Kerajaan Negeri turut menyediakan satu Dana Khas seperti Dana Modal, atau dana harta bagi persediaan kemelesetan ekonomi yang melanda seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat yang mana mungkin memberikan kesan ke atas IKS di Negeri Selangor ini. Selain daripada itu kemudahan Mikro Kredit diwujudkan bagi *Enterprise* Mikro yang wujud di merata Selangor. Jika di India dan Amerika Syarikat wujud Jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab ke atas *Enterprise* Mikro ini maka saya cadangkan diwujudkan sebuah entiti kerajaan negeri bagi membantu kerajaan Usahawan-Usahawan Mikro mengembangkan potensi perniagaan mereka. Walaupun kewujudan pinjaman IKS amat dipuji namun harus juga difikirkan tentang perlunya kemudahan dengan izin *beginning loan*, bagi membolehkan IKS dan *Enterprise* Mikro jalankan perniagaan sementara menunggu kelulusan pinjaman mereka diluluskan. Saya juga berharap kerajaan Negeri dapat menetapkan satu tempoh yang munasabah untuk memproses meluluskan atau menyalurkan atau dengan izin *disburst* pinjaman untuk IKS dan *Enterprise* Mikro bagi membolehkan perniagaan mereka berlangsung tanpa terkendala. Kelewatan menerima pinjaman juga boleh membantutkan kemajuan sesebuah IKS dan *Enterprise* Mikro. Saya harap cadangan ini dapat pertimbangan yang sewajarnya dari Kerajaan Negeri untuk kebaikan rakyat Negeri Selangor seluruhnya. Tuan Speaker, bagi tahun 2009 Kerajaan Negeri mensasarkan hasil berjumlah 1400 bilion, bagaimanapun saya tertarik dengan kenyataan yang dibentangkan dalam Belanjawan ini iaitu untuk beberapa sumber hasil yang dicadangkan untuk tahun 2008 masih terdapat hasil belum terima 25hb September 2008 sebagai contoh hasil patut diterima oleh kerajaan negeri bagi tahun 2008 bagi hasil penerimaan pemberian pembinaan jalan raya dan lorong Kerajaan Persekutuan masih belum membuat pembayaran 10 juta sehingga 25 September 2008. Pemberian ini adalah satu

pemberian wajib Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan Perlembagaan Persekutuan memang lah jumlah 210 juta ini kecil dibandingkan dengan jumlah pembelian 12 unit helikopter sebanyak 2.13 bilion tetapi Tuan Speaker jumlah ini boleh menentukan kejayaan strategik belanjawan Kerajaan Negeri dan bagi tahun 2009 Kerajaan Negeri mensasarkan hasil sebanyak 250 juta daripada pembelian jalan raya dan lorong saya melihat ini dengan kebimbangan kerana kita memerlukan dana yang besar bagi memastikan dasar agenda merakyatkan ekonomi Selangor mencapai sasaran, saya menyeru agar perkara ini diberikan perhatian serius oleh kerajaan negeri dan tindakan-tindakan tegas harus diambil agar kerajaan Persekutuan yang didominasi oleh UMNO tidak memperlekehkan hak dan jaminan Kerajaan Negeri sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan persekutuan. Saya juga menyokong langkah untuk merampas tanah yang tidak dibayar notis dan premiumnya walaupun notis dan amaran telah dikeluarkan ini kerana walaupun daripada segi rekod hasil yang diterima dari cukai tanah menunjukkan peningkatan namun dalam masa yang sama tunggakan cukai tanah turut meningkat saban tahun. Saya menyeru agar kempen kesedaran dijalankan dengan agresif bagi menyedarkan rakyat negeri ini tentang jumlah tunggakan cukai tanah dan kaedah-kaedah yang boleh diguna pakai oleh kerajaan negeri untuk mendapatkan tunggakan hasil tersebut. Namun janganlah sampai kita dilabelkan sebagai zalim kerana merampas tanah orang. Semuanya biarlah dibuat dengan penuh hikmah dan berlandaskan peraturan-peraturan sedia ada. Berkaitan dengan merampas tanah ini, saya ingin menyeru supaya kerajaan negeri mempertimbangkan menaikkan kadar pampasan pada penghuni setinggian tanah yang mereka duduki di mana tanah mereka telah diambil oleh kerajaan dan juga pihak swasta. Ini adalah kerana sebagai satu contoh dalam DUN Sri Muda akibat daripada pembinaan prolintas, sebuah lebuh raya di mana mereka yang telah mendapat geran untuk duduk di tanah tersebut selama berpuluh tahun telah diberikan pampasan yang tidak setimpal dengan nilai semasa yang ada pada hari ini. Tuan Speaker memandangkan kerap kali pihak bank menolak permohonan pinjaman mereka yang mana mereka ini diberikan pampasan yang sedikit untuk membeli rumah dan sebagainya kita mengharapkan kerajaan akan menaikkan kadar pampasan ini yang mana ini akan membantu mereka untuk membeli rumah baru ataupun tanah baru. Menyentuh tentang tanah ini juga saya menyambut baik peruntukan berjumlah RM5 juta lebih bagi tujuan pembangunan kawasan hutan di negeri Selangor ini. Bagaimanapun saya berharap jumlah tersebut dapat ditingkatkan memandangkan kawasan hutan di negeri Selangor ini telah diteroka dengan rakusnya sewaktu kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional dahulu. Saya percaya jika peruntukan ditambah akan membolehkan kawasan-kawasan hutan di negeri Selangor ini dibaikpulih secara mampan dan bestari. Mungkin juga eko pelancongan akan dapat dipertingkatkan di negeri Selangor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, menyentuh mengenai alam sekitar sukalah saya mencadangkan kepada kerajaan negeri agar diwujudkan sebuah tabung pembangunan kecekapan pengurusan alam sekitar dan juga guna sumber yang bertujuan membolehkan kerajaan negeri menggantikan aset dan juga teknologi yang diguna pakai sedia ada kepada satu aset atau teknologi yang lebih mesra alam. Contohnya penyaman udara dan komputer yang rendah penggunaan tenaga dan kurang pencemaran radiasi. Selain itu, kerajaan negeri disarankan mempertingkatkan penggunaan sumber solar seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam pembentangan belanjawan dan juga angin sebagai sumber tenaga yang bersih dan cekap untuk kegunaan jabatan-jabatan dan agensi kerajaan. Langkah ini juga akan membantu mengurangkan bebanan utiliti kerajaan negeri. Saya turut menyeru kerajaan negeri mempunyai program berbentuk

penggalakan dan penyediaan insentif kepada pihak swasta menggunakan bahan dan teknologi mesra alam serta cekap penggunaan tenaga untuk mengurangkan pencemaran dan mengoptimumkan penggunaan. Kesan dari pencemaran alam sekitar dapat dirasai seperti kenaikan suhu dunia dan juga cuaca yang tidak menentu pada hari ini. Di kawasan saya hujan yang turun lewat waktu ini telah menenggelamkan banyak kawasan. Di DUN Sri Muda, Yang Berhormat Tuan Speaker terdapat lebih tujuh kampung yang tenggelam hingga ke paras tingkap, yakni lebih kurang dua hingga tiga kaki. Ini memerlukan satu tindakan segera terutamanya daripada mereka yang terlibat mengawasi banjir ataupun penyelenggaraan parit dan saliran. Saya ingin mengambil ruang ini untuk mengingatkan kepada pengarah-pengarah jabatan, pengarah-pengarah negeri yang berhubung kait dengan jabatan negeri seperti Jabatan Parit dan Saliran, JKR, Pihak Berkuasa Tempatan tidak boleh menuding jari di antara satu sama lain dan menyalahkan satu sama lain apabila berlaku sebarang bencana. Apa yang berlaku beberapa hari sudah cukup menggusarkan kita. Di mana pihak yang telah dipertanggungjawabkan untuk membersihkan sungai telah kehabisan dana mereka untuk membersihkan sungai. Saya fikir ini satu tindakan yang perlu kita halusi. EXCO yang terlibat mestilah menggunakan setiap ruang yang ada untuk memastikan semua pengarah-pengarah negeri ini memainkan peranan mereka secepat mungkin. Saya lihat ada kecenderungan, ada kelemahan, kalau perlu ditukar pengarah-pengarah ini kita tukar. Seperti yang Sungai Panjang sebut kita ada pisau, kita ada mentimun kenapa tidak gunakan. Yang ni ajalah yang saya dapat sokong kot. Jadi saya harap kerajaan negeri melalui kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar melihat perkara ini dengan serius. Ia memudaratkan bukan sahaja harta benda tetapi juga nyawa penduduk dan rakyat di negeri Selangor. Apabila banjir Yang Amat Berhormat Tuan Speaker, bantuan perlulah disalurkan secepat mungkin. Saya dukacita kerana apabila berlaku banjir di kawasan saya tiga empat hari yang sudah terutamanya di sekitar Kampung ..... , Kampung Kebun Baru Dua, Kampung Bukit Naga, Kampung Seri Gambut, Kampung Seri Nadi. Apabila kita meminta bantuan dari Jabatan Parit dan Saliran mereka memberikan alasan tiada peruntukan untuk digunakan bagi mengatasi banjir. Oleh kerana bantuan lambat tiba, kita perlu mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah ini. Malangnya, apabila kita mengarahkan pihak pejabat kita menggunakan setiap ruang yang ada dan kontraktor yang ada untuk membersihkan kawasan-kawasan ini pihak JKR pula menghalang alasannya hanyalah sekadar mereka baru menanam rumput di bahu jalan. Saya tidak faham bagaimana pihak JKR boleh mengeluarkan kenyataan seperti ini. Mereka lebih mementingkan rumput di tepi jalan daripada nyawa rakyat dan harta benda rakyat. Jadi saya fikir telah tiba masanya untuk kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan juga EXCO yang terlibat untuk memberikan arahan langsung, jelas dan tegas kepada pengarah-pengarah negeri. Sila pastikan yang kawasan mereka ini di bawah jagaan mereka ini mengikut mematuhi apa juga arahan yang telah dikeluarkan kerajaan negeri. Saya melihat adanya kenakalan di peringkat pegawai-pegawai kerajaan yang seolah-olahnya memperlekehkan kerajaan pakatan rakyat. Kita kerajaan negeri, kita berkuasa untuk menentukan arah tuju kerajaan negeri tetapi ada pengarah-pengarah negeri ini yang cuba bermain kongkalikung dengan izin. Yang Berhormat Tuan Speaker, oleh yang demikian saya mencadangkan agar sebuah tabung khas khusus untuk kegunaan bencana dan banjir boleh digunakan ataupun boleh diperuntukkan untuk kegunaan ketua-ketua kampung dari peruntukan luar jangka bagi membolehkan mereka yang terlibat dalam bencana banjir dan kecelakaan ini dibantu oleh ketua-ketua kampung bagi kampung yang mengalami bencana banjir.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain itu saya mencadangkan sebuah tabung kebajikan diwujudkan untuk ketua-ketua kampung membantu rakyat yang memerlukan baik secara berkala ataupun bulanan. Tidak dapat dinafikan peranan ketua-ketua kampung amat penting sebagai penghubung antara rakyat dan kerajaan negeri serta sebagai penyalur maklumat untuk tindakan pihak yang berwajib. Di sini saya mencadangkan agar rukun tetangga majlis perwakilan penduduk, Jawatankuasa JKK Kampung dieratkan melalui gabungan antara keduanya, ketiga-tiganya supaya mereka ini dapat bersama-sama menangani permasalahan rakyat. Mereka ini tidak boleh terlibat atau sama sekali mengambil kesempatan daripada kewujudan gabungan ini untuk dikaitkan dengan sebarang ideologi politik. Saya bertegas di mana dalam setiap DUN, dalam setiap kawasan supaya perkara-perkara yang berkaitan dengan kesihatan rakyat, pendidikan dan keselamatan kita hendaklah beri keutamaan tanpa mengira sebarang ideologi politik. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya merujuk kepada pernyataan belanjawan 2009 kerajaan negeri yang mensasarkan nilai tambah sektor pertanian sebanyak RM3.5 bilion. Jumlah ini jika dibandingkan dengan peruntukan sebanyak RM9juta lebih untuk belanja mengurus dan RM15juta untuk pembangunan adalah satu pelaburan yang terlalu kecil yang dibuat oleh kerajaan negeri. Jika sektor pertanian hendak dijadikan sebagai satu sumber pendapatan rakyat dan negeri yang utama selain dari menyediakan dana kawasan dan juga kemudahan teknologi kerajaan negeri juga hendaklah menyediakan latihan berkala dan pendedahan kepada petani, penternak dan nelayan mengenai kaedah-kaedah baru pertanian serta bantuan kepakaran. Dan ini juga memerlukan kos yang lebih besar daripada yang dicadangkan oleh belanjawan ini. Saya yakin jika kerajaan negeri berupaya melaksanakan ini sasaran untuk memperbaiki taraf kehidupan rakyat melalui pertanian akan dapat dicapai. Sebagai penutup saya berharap kerajaan negeri akan dapat mempertimbangkan saranan-saranan dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dan dengan itu Yang Berhormat Tuan Speaker saya menyokong belanjawan yang dikemukakan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya mengucapkan salam hormat kepada Tuan Speaker, yang memberikan kesempatan ini untuk saya berbahas berhubung bajet 2009 Negeri Selangor. Saya ingin menyatakan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di atas usaha beliau untuk membentangkan satu belanjawan dalam keadaan negara dan negeri sedang menghadapi satu krisis ekonomi yang cukup parah dan hari ini ianya mula terkesan di negeri-negeri dan tidak terkecuali untuk negeri Selangor. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Pegawai Kewangan Negeri dan ketua-ketua jabatan yang telah memberikan sokongan dan dokongan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam menyediakan bajet 2009. Tuan Speaker saya berkesempatan untuk mendengar, meneliti dan menghayati dan membahaskan bajet 2009 di Dewan Rakyat dan hari ini di Dewan Undangan Negeri. Dalam kesempatan ini saya mendapati ada dua watak yang berbeza. Watak pertama ialah watak kerajaan pusat yang masih berdegil dan bertahan dengan angka, data, unjuran yang sudah tidak lagi relevan dalam membahaskan bajet di peringkat pusat. Sebagai contoh, pada 14 Oktober yang lalu dan dilaporkan dalam akhbar utusan Malaysia hari berikutnya, Menteri Kewangan yang baru dengan angkuh, sombong menyatakan program-program yang terkandung dalam bajet 2009 akan dapat dilaksanakan mengikut jadual. Saya bersetuju bahawa dalam membentangkan bajet sama ada dalam peringkat pusat mahupun di peringkat negeri kita bersandarkan kepada angka, data dan unjuran tetapi kalau jurang angka, data dan

juga unjuran yang kita buat dua bulan yang lalu dibandingkan dengan angka dan data pada hari ini, apabila jurang itu terlalu besar kita mestilah ada *humility*, tawaduk untuk menerima hakikat ini dan membentangkan sekali lagi sama ada di dalam Dewan Rakyat mahupun Dewan Undangan Negeri belanjawan baru dengan angka baru, data baru dan juga unjuran baru. Sebagai contoh Dato' Yang Dipertua, maaf Tuan Speaker, saya baru balik dari Parlimen. Sebagai contoh ketika Perdana Menteri membentangkan Bajet 2009 pada 29 Ogos yang lalu, Kerajaan menjangkakan pendapatan disumbangkan daripada sektor petroleum berjumlah 76 bilion ringgit, iaitu mewakili 43%. Pada ketika itu unjuran pendapatan ini disandarkan kepada harga minyak mentah pada ketika itu 125 dolar satu tong. Namun pada hari ini harga minyak mentah sudah merudum daripada 125 dolar satu tong kepada sekitar 71 dolar satu tong iaitu penurunan sebanyak 41.6% dan sudah tentulah dengan penurunan harga minyak mentah ini di mana kerajaan pusat bersandarkan pendapatan daripada petroleum dengan sumbangan 43%. Ianya akan memberi kesan yang besar kepada pendapatan negara khususnya di peringkat kerajaan pusat.

Begitu juga dengan harga kelapa minyak sawit mentah CPO ketika Perdana Menteri membentangkan Belanjawan pada 29 Ogos yang lalu harga minyak mentah pada ketika itu harga minyak kelapa minyak sawit mentah pada ketika itu ialah 3,000 ringgit. Hari ini Tuan Speaker harganya sudah merudum kepada 1,777 ringgit. Sekali lagi pendapatan negara akan terus merosot. Pendapatan yang diunjurkan oleh Perdana Menteri berjumlah 176 bilion pada ketika itu pastinya akan jauh berkurangan dan mengikut statistik yang dianjurkan oleh beberapa pakar ekonomi, kesan daripada penurunan harga minyak dan juga *crisis economy* yang melanda dunia dan juga mula terkesan di negara kita penurunan pendapatan negara akan merosot sekitar 20 hingga 25 peratus. Malangnya Tuan Speaker, Kerajaan Pusat masih enggan dan berdegil dengan angka yang sudah tidak *relevan* dan tidak mahu mengemukakan belanjawan baru atau sekurang-kurangnya *revise budget* yang pernah dilakukan oleh Menteri Kewangan dulu pada tahun 1997 apabila negara dilanda *crisis* kewangan yang hampir sama yang melanda pada hari ini. Datuk Sri Anwar Ibrahim tampil dengan berani dengan penuh tawaduk dalam Dewan Rakyat untuk mengemukakan dua kali *revise budget* dengan angka yang terkini dan unjuran terbaru supaya pendapatan negara dapat kita bahaskan secara jujur dan amanah dan kita dapat belanja secara berhemah.

Tuan Speaker sebab itu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana beliau telah tampil dalam Dewan Undangan Negeri untuk mengemukakan satu Bajet 2009 yang berimbang. Pendapatan 1.4 bilion ringgit belanja juga pada jumlah yang sama dengan penuh kebijaksanaan dan berhemah menghalusi angka dan data dengan cermat dan rapi dan hari ini kita dapat membahaskan satu bajet yang berimbang 2009 di Negeri Selangor.

Tuan Speaker saya ingin menyentuh sedikit soal urus tadbir GLC yang disentuh oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dalam pembentangan Belanjawan Bajet 2009 Negeri Selangor, Datuk Menteri Besar ada menyebut disebabkan terdapat penyelewengan di dalam projek usaha sama hartanah di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri sebelum ini mungkin sudah kehilangan 30 bilion ringgit dalam tempoh 30 tahun. Saya percaya angka ini setelah dibuat kajian dengan teliti dengan dibantu oleh ketua-ketua Jabatan dan ini adalah satu yang cukup serius dan mereka yang bertanggungjawab tidak boleh terlepas begitu sahaja.

Saya bersetuju dengan cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya dalam konteks ini kerajaan mengekalkan ketua-ketua eksekutif kerana mahu mereka menebus kesalahan lalu dengan mendapatkan kembali wang yang hilang akibat penyelewengan. Namun Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar, tsunami politik yang berlaku pada Mac 2008 dan disusuli dengan satu lagi tsunami ketika Pilihan raya Kecil Parlimen Permatang Pauh. Adalah bukti yang jelas bahawa rakyat mahukan perubahan. Rakyat meletakkan harapan yang cukup tinggi kepada Kerajaan-kerajaan baru yang dibentuk khususnya di lima buah negeri termasuk Negeri Selangor untuk dengan berani dan tegas membuat perubahan *without feel or favour*. Dalam konteks ini sebagai contoh apabila dinyatakan ada perkongsian keuntungan atau usaha sama pada nisbah 70 : 30 dalam projek hartanah yang diamalkan oleh Kerajaan terdahulu sememangnya wajar dihentikan perlu mendapat dukungan daripada semua pihak, kerana kalau kita tengok perkongsian keuntungan 70 : 30 ini ianya bersandarkan kepada jumlah keuntungan. Sudah tentulah keuntungan yang dizahirkan yang diisytiharkan setelah ditolak semua kos yang mungkin sudah di manipulasi. Bagaimana mungkin perkongsian keuntungan ini 70 : 30 di mana perjanjiannya lebih berpihak kepada syarikat-syarikat gergasi dan syarikat-syarikat swasta. Kerajaan Negeri hanya memperoleh 30% itu pun setelah ditolak, ditolak dan ditolak kos yang telah di manipulasi oleh syarikat-syarikat berkenaan. Bagaimana pula terma-terma dalam perjanjian tersebut adakah pertimbangan diambil kira soal *risk management* yang sudah tentu tidak diberikan perhatian sehingga merugikan Kerajaan Negeri.

Sebab itu Tuan Speaker, Pakatan Rakyat hari ini kita mempunyai *different value to measures success* dengan izin. Kita berpegang teguh kepada prinsip ketulusan, *accountability* dan *competency*. Saya tidak mahu sekadar kita *express* tapi saya menuntut Kerajaan Negeri supaya kita *proses* apa yang kita zahirkan. Kita mahu maju ke depan sementara kita rungkai kemungkaran dan kezaliman UMNO dan Barisan Nasional yang tidak dapat diselindungi lagi. Tak apalah apa yang dikatakan oleh Sg. Panjang dengan dibantu oleh TV3 dan Utusan Malaysia, yang penting mandat yang diberikan oleh rakyat kita harus teruskan dengan penuh kebijaksanaan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar, soal GLC ini saya kira pada pandangan saya tidak cukup sekadar mengekalkan ketua-ketua eksekutif semata-mata untuk menebus kesalahan lalu dengan mendapatkan kembali wang yang hilang. Saya pohon supaya kita harus menetapkan satu *time frame* bila perkara ini mesti dilakukan? Siapa yang memantau? *Apakah ada keperluan untuk membentuk satu taskforce ataupun.... side committee* untuk memastikan ketua-ketua eksekutif ini dipertanggungjawab di atas kesilapan dan penyelewengan yang telah mereka lakukan. Kita harus menetapkan KPI ataupun *Key Performance Index* untuk memastikan mereka ini benar-benar bertanggungjawab terhadap kezaliman dan kemungkaran yang telah mereka lakukan.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar, saya percaya ramai anak-anak Selangor mampu yang *competed* yang profesional, yang ada prinsip yang dapat mengurus GLC ini dengan bertanggungjawab lagi. Kalau kita lihat senarai Lembaga Pengarah dan Pengurusan GLC di Negeri Selangor amat membimbangkan sementara ada dikalangan mereka yang tidak langsung mempunyai latar belakang *finance* ataupun *corporate background at all* tetapi diletakkan kerana kepentingan politik pentadbiran yang lalu. Kalau kita teliti masih ada Lembaga Pengarah syarikat-syarikat ini yang dikuasai oleh tokoh-tokoh politik. Masih ada Ketua Puteri UMNO yang memegang jawatan Lembaga Pengarah Anak Syarikat di Negeri Selangor. Saya bukan tujuan untuk bermusuhan dengan teman-teman saya daripada UMNO dan Barisan Nasional. Sekiranya mereka ada kemampuan

keterampilan menunjukkan sikap *profesionalisme* yang lebih tinggi saya tidak ada masalah. Tetapi kita lihat prestasi syarikat-syarikat di Negeri Selangor ini masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan syarikat-syarikat yang lain.

Maka Tuan Speaker saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri tidak lagi melengahkan rombakan secara besar-besaran untuk memastikan anak syarikat di Negeri Selangor ini dapat terus maju ke depan demi kepentingan rakyat Negeri Selangor. Pada peringkat awal Y.A.B. Dato' Menteri Besar ada menyatakan bahawa Badan-badan Audit dilantik untuk mengaudit syarikat-syarikat ini. Tindakan ini disambut baik oleh seluruh rakyat Selangor untuk memastikan urusan syarikat-syarikat ini dipertanggungjawabkan kepada pengurus-pengurus sebelumnya. Saya ingin bertanya apakah hasil daripada audit yang telah dijalankan ke atas GLC ini. Sudah hampir 7 bulan rakyat memberikan amanah dan mandat kepada kita. Audit telah dijalankan, saya berharap Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan yang tegas berdasarkan laporan yang telah disiapkan oleh Badan-badan Audit bebas yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker saya ingin beralih kepada perkara yang telah juga disentuh oleh Datuk Menteri Besar iaitu berhubung soal sisa pelupusan pepejal.

Dalam ucapan Y.A.B. Menteri Besar telah pun diberikan beberapa cadangan yang cukup terperinci untuk memastikan soal pelupusan sisa pepejal ini mendapat perhatian yang serius. Kita sedia maklum Tuan Speaker bahawa penduduk yang semakin bertambah pastinya akan meningkatkan jumlah sisa pepejal di Negeri Selangor. Sebagai contoh, jumlah sisa pepejal yang dihasilkan di Kuala Lumpur sebagai contoh ialah 2,500 tan sehari dan kira-kira 1.7 kilogram seorang sehari. Ini kajian yang dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kalau kita menggunakan angka yang sama di Negeri Selangor dengan penduduk seramai 5.1 juta dan pertumbuhan tahunan penduduk sebanyak 1.96 peratus, maka dalam satu hari kita akan menerima sebanyak 8,670 tan sisa pepejal. Satu lagi contoh, Majlis Perbandaran (MPAJ) Ampang Jaya membelanjakan RM1.44 juta dalam menguruskan masalah sisa pepejal kepada Alam Flora untuk memungut dan menghantar sisa pepejal ke *Land Field*. Dan perbelanjaan ini Tuan Speaker, mewakili kira-kira 60 peratus daripada bajet Majlis Tempatan yang berkenaan. Lantaran ketidakcekapan dalam menguruskan sisa pepejal ini menyebabkan MPAJ terpaksa memperuntukkan sejumlah peruntukan yang agak besar dalam bajet tahunan. Kita harus sedar Tuan Speaker bahawa salah satu kelemahan dalam mengendalikan sistem pengurusan sisa pepejal yang sedia ada hari ini ialah kerana sisa pepejal dalam negara kita ini mempunyai *moisture content* yang agak tinggi. Apabila kita hantar sisa pepejal ini untuk diproses sama ada melalui mini insinerator ataupun insinerator yang lain. Kerajaan Pusat mengaku minggu yang lepas dalam Dewan Rakyat, mereka telah memperolehi 7 insinerator tetapi setelah beberapa waktu kesemuanya tidak berfungsi. Mengapa? Salah satu sebab utama ialah *moisture content* ini terlalu tinggi dan untuk membakar sisa pepejal ini, ia memerlukan bahan bakar yang agak tinggi maka kosnya juga akan meningkat. Selain daripada itu, ia juga memberikan masalah yang agak besar kalau kita gunakan sistem yang sedia ada. Alam Flora, Alam Flora memungut sampah dan sisa pepejal ini dan sekadar campak ke dalam *Land Field* dan ini menyebabkan tempoh hayat *Land Field* ini semakin hari semakin pendek tanpa ada proses ataupun usaha untuk kitar semula sisa pepejal yang berkenaan. Akhirnya ianya akan memberikan masalah kepada Negeri Selangor soal pencemaran sungai, sumber air bawah tanah, *Land Field* yang berbau dan kerugian juga akan meningkat sebab kita tidak menggunakan *economics benefit* yang ada dan kita tidak memanfaatkan sisa pepejal itu sendiri melalui kitar semula dan juga

menggunakannya dalam bentuk sumber tenaga. Hari ini Tuan Speaker sebenarnya di Negeri Selangor ada syarikat tempatan yang saya dimaklumkan Majlis Perbandaran Kajang sedia maklum, syarikat tempatan tak perlu kita pergi ke luar negara. Syarikat tempatan yang mampu memproses sisa pepejal ini dengan cukup sistematik di mana mereka boleh mengasingkan bahan-bahan sisa pepejal ini dan diproses di mana akhirnya hanya 20 peratus daripada sisa pepejal ini akan dibenamkan ke dalam *Land Field* ke satu *Land Field*. Manakala 80 peratus daripada sisa pepejal yang dikutip akan di kitar semula dan ditukar menjadi bahan bakar, kompos dan air bersih. Dengan teknologi yang sebegini kalau kita dapat teliti dengan lebih terperinci ianya akan dapat memastikan *Land Field* yang ada di Negeri Selangor ini tempoh hayatnya lima kali lebih panjang daripada apa yang kita nikmati sekarang sebab hanya 20 peratus daripada sisa pepejal itu akan kita benamkan dalam *Land Field* yang berkenaan. Tuan Speaker, saya ingin beralih kepada masalah Sekolah Agama Rakyat juga disentuh oleh Dato' Menteri Besar di mana hasrat Kerajaan Negeri yang baru hendak memperkasakan Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Rendah Agama bagi membolehkan setiap pelajar melaksanakan aktiviti yang dapat membina anggota masyarakat yang berpegang teguh kepada prinsip agama, nilai murni dan mengamalkannya dalam kehidupan bermasyarakat. Tuan Speaker, kalau kita lihat kepada statistik yang sedia ada pada hari ini jumlah guru KAFA di Negeri Selangor ialah seramai 6,099 orang. Tempoh mereka bekerja di antara tiga hingga lima jam sehari. Malangnya Tuan Speaker, gaji guru-guru KAFA di Negeri Selangor ini hanya RM738 sebulan iaitu di bawah garis kemiskinan. Saya berharap kalau benar Kerajaan Negeri serius untuk membentuk anak bangsa kita menjadi anak-anak yang berilmu, memiliki sahsiah dan keperibadian yang mulia, membentuk masyarakat madani, kita harus menghormati pengorbanan dan sumbangan yang diberikan oleh guru-guru KAFA ini termasuk juga guru-guru di Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Rendah Agama. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya dalam tempoh dan sesi dewan mesyuarat persidangan Dewan Undangan Negeri pada kali ini, saya ingin mencadangkan gaji guru-guru KAFA ini dinaikkan kepada RM1,500 sebulan sebagai penghormatan kepada sumbangan mereka.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Sebenarnya saya amat bersetuju dengan cadangan daripada Y.B. Bukit Antarabangsa dan saya ingin bertanya kepada Y.B. sama ada Y.B. bersetuju ke tidak supaya dalam dasar kita menjadikan Selangor hab pendidikan, kita juga memperkasakan membantu sekolah-sekolah seperti sekolah SJKC, SJKT, Sekolah Menengah SUA bersama-sama dengan SAR dan SRA. Adakah Y.B. bersetuju nak menambahkan peruntukan untuk sekolah-sekolah ini?

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih Kampung Tunku. Pada prinsipnya saya tidak ada masalah sebab kalau kita melihat statistik

**TUAN SPEAKER** : Tiga minit lagi.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tiga minit lagi.

**TUAN SPEAKER** : Ketukan pertama tiga minit lagi.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya ingat dah masuk belah Kerajaan ni panjang sedikit. Saya setuju pada prinsipnya kerana kita harus memperkasakan selain daripada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Rendah Agama juga sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, tidak ada masalah. Apa masalahnya kalau anak-anak kita sama ada orang Melayu boleh belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Kalau kita tengok statistik beberapa tahun yang lalu, lebih 80,000 anak Melayu belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Kerana apa? Kualiti pendidikannya baik, disiplinnya tinggi dan ada baiknya kalau anak Melayu kita dapat menguasai bahasa Mandarin dengan baik. Sebab kalau lima tahun yang akan datang, kita bukan lagi bersaing dengan Amerika Syarikat atau Eropah. Kita akan bersaing dengan Negeri China, kita akan bersaing dengan India. Kalau negara dan Negeri Selangor ini mahu mampu bersaing dengan dunia pada ketika itu, maka kita harus menyediakan anak-anak kita bukan sahaja menguasai bahasa Melayu dengan cukup baik tetapi juga ada kemampuan untuk menguasai bahasa-bahasa lain dengan cukup baik. Tuan Speaker,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta laluan sikit.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Masa sudah habis.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Sikit. Satu minit.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : *Injury time.*

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : *Injury time.* Saya minta penjelasan, pandangan daripada Y.B. Bukit Antarabangsa. Seperti apa yang dikatakan oleh Y.B. tadi, sekolah aliran cina ini disiplinnya tinggi, kualiti dia bagus. Tapi saya nak tahu kenapa Kerajaan Pusat tidak mengizinkan sekolah baru ditambah mengikut keperluan komuniti? Apa sebab utamanya? Adakah Y.B. kenal pasti? Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih Sekinchan. Sebabnya mudah. Sebab Menteri Pelajaran sekarang dia sibuk bermain keris sahaja. Akhirnya Tuan Speaker, saya ingin menyentuh sedikit soal usaha Kerajaan Negeri untuk melahirkan usahawan baru dari golongan miskin di Negeri Selangor. Dato' Menteri Besar menyentuh dengan panjang lebar usaha Kerajaan Negeri (Pakatan Rakyat) untuk memastikan belia, golongan *urban* miskin ini ataupun golongan *novo* ini miskin baru ini dapat diperkasakan. Saya ingin mencadangkan supaya satu skim mikro kredit dapat bukan sahaja diperkenalkan tetapi diperluaskan di kawasan-kawasan luar bandar bagi memastikan wujudnya pertumbuhan ekonomi masyarakat di luar bandar. Dan mereka ini haruslah diberi peluang dan dibantu oleh Kerajaan Negeri melalui satu proses pemilihan yang ketat dan benar-benar berkesan. Dan skim mikro kredit ini bukanlah satu perkara baru. Kalau kita lihat, ianya terbukti berkesan apabila ianya diperkenalkan oleh Profesor Muhammad Yunus sehingga beliau dianugerahkan '*Nobel Price 2006*' yang juga pengasas kepada Grameen Bank. Dan untuk makluman Dewan Undangan Negeri, semenjak ditubuhkan 1974, Profesor Yunus telah berjaya membuat bantuan pinjaman sebanyak 6 bilion US dolar dalam bentuk pinjaman mikro kredit kepada 7.4 juta peniaga kecil dan sederhana di Bangladesh. Dan kalau kita mengkaji kejayaan bank ini membantu golongan miskin, ada di antara mereka yang hari ini sudah pun mampu menjadi usahawan yang berjaya dan keuntungan yang dicatat dalam tahun kewangan 2007 ialah sebanyak 1.56 bilion US dolar oleh Grameen Bank dan ini menjelaskan bahawa kejayaan skim mikro kredit yang diperkenalkan di Bangladesh. Tuan Speaker, hasrat Kerajaan Negeri untuk mengurus konsesi air di Selangor ini

melalui *migration* skim ataupun pengambilalihan semula empat syarikat seperti Puncak Niaga, Konsortium ABASS Sdn. Bhd., SPLASH dan Syarikat Bekalan Air Selangor merupakan satu tindakan jangka panjang yang baik untuk menjaga kepentingan rakyat di Negeri Selangor. Industri air ini merupakan satu industri yang cukup *lucrative*. Sebagai contoh, apabila Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil keputusan untuk memberikan 20 *cubic* meter percuma kepada rakyat Selangor. Kita membelanjakan sebanyak RM12 juta sebulan bersamaan RM144 juta setahun. Satu jumlah yang besar. Bayangkan kalau sekarang konsesi ini dikuasai, diuruskan oleh Kerajaan Negeri, sudah tentulah pulangnya lebih besar. Apatah lagi kalau kita dapat menangani masalah *non revenue water*, soal *leakages*, kebocoran, kecurian dapat ditangani dengan baik, sudah tentu pulangnya lebih tinggi untuk Kerajaan Negeri dan dengan tindakan Kerajaan Negeri, Pakatan Rakyat mengambil alih melalui *migration scheme* ini. Saya ingin mencadangkan supaya rakyat Selangor juga dapat manfaat dari usaha ini. Pada umumnya, ada yang mencadangkan supaya dibenarkan rakyat Selangor membeli saham dalam *vehicle* yang baru ini tetapi kebimbangan saya ialah sekiranya saham diberikan secara begitu, ia akan beralih tangan dalam jangka masa yang pendek.

Saya ingin mencadangkan apabila pengurusan baru yang ditadbir oleh Kerajaan Negeri melalui SPV yang baru ini dapat memastikan masalah NRW ataupun *non revenue water* ini ditangani dengan baik, kebocoran, kecurian dapat diselesaikan, tidak ada rasuah dan penyelewengan. Setiap tahun dividen yang diperolehi oleh syarikat yang dikuasai oleh Kerajaan Negeri ini haruslah disalurkan sebahagiannya terus kepada akaun pemegang air di Negeri Selangor iaitu rakyat di Negeri Selangor itu sendiri. Maka secara tidak langsung, setiap rakyat Selangor ini tak kiralah orang Sungai Panjang pun dapat, orang Ijok pun dapat, seluruh rakyat dapat kerana Kerajaan Pakatan Rakyat adalah Kerajaan yang adil kepada semua rakyat di Negeri Selangor ini.

**TUAN SPEAKER** : Y.B., waktu sudah sampai sebab semalam saya mengarahkan 30 minit. Jadi untuk membolehkan... sekarang dah bagi *injury* tambah 5 minit dah.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : O.K. Tuan Speaker saya akur dengan arahan Tuan Speaker, saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan saya berharap Kerajaan Pakatan Rakyat di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dapat terus memperkasa ekonomi Negeri Selangor demi kesejahteraan rakyat di negeri ini. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih Kampung Tunku. Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wata'ala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Speaker, Sungai Burong berterima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan belanjawan 2009. Belanjawan 2009 adalah merupakan bajet seimbang yang berjumlah RM1.4 billion yang bermatlamatkan untuk merakyatkan ekonomi Selangor dengan menjanjikan pemerintahan yang telus, berhemah dan berhemat. Nampaknya, Kerajaan Pakatan Rakyat telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menunaikan janji-janji Pilihan Raya walaupun sebahagiannya masih belum dapat ditunaikan lagi. Walau bagaimanapun, Sungai Burong sangat berharap bahawa janji-janji Pilihan Raya yang hendak ditunaikan ini hendaklah dilaksanakan dengan sepenuh ikhlas, jujur dengan penuh amanah dan telus serta adil. Ketelusan dan keadilan ini bukan sahaja disebut

dan dicakap-cakapkan tetapi hendaklah dilihat sebagai keadilan dan ketulusan yang sebenar. Oleh itu, saya ingin melihat bahawa dalam melaksanakan janji-janji Pilihan Raya ini, keadilan itu hendaklah dilaksanakan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, Sungai Burong memerhatikan bahawa kita belum nampak lagi sepenuhnya keadilan ini dilaksanakan. Beberapa contoh dalam pengagihan sumbangan-sumbangan yang diberikan, masih terdapat keadaan pilih kasih, diskriminasi kepada golongan yang menerima ini. Saya bagi contoh yang mudah, dalam penyampaian sumbangan kepada warga emas di kawasan Sungai Burong hanya mereka-mereka yang terdiri daripada orang-orang PAS sahaja yang menerima sumbangan-sumbangan tersebut.

Yang kedua, Tuan Speaker, kita juga mahu melihat bahawa keadilan ini hendaklah ditunjukkan sebenar di dalam pelantikan Ketua-Ketua Kampung. Pelantikan Ketua-Ketua Kampung di Negeri Selangor telah dijanjikan akan dilaksanakan dengan adil, dengan penuh ketelusan, dengan menjanjikan proses yang benar-benar akan memilih mereka yang layak. Akan tetapi dalam pelaksanaan, pelantikan Ketua-Ketua Kampung yang baru, proses yang sebenarnya dijanjikan semasa baru-baru Pilihan Raya diucapkan hari itu dan di dalam Mesyuarat Dewan yang lepas, telah tidak dilaksanakan. Pemilihan tidak di bawa kepada kampung-kampung, tidak rujuk kepada penduduk-penduduk kampung, tidak rujuk kepada pemimpin-pemimpin, NGO's di kampung, masyarakat di kampung, tetapi yang jelas, hasil daripada pemilihan ini, pelantikan ini, ialah mereka yang terdiri daripada orang-orang daripada Parti Pakatan Rakyat. Ini jelas, dan saya ingin mengesahkan ya, bahawa dalam kawasan DUN Sungai Burong, semua Ketua-Ketua Kampung yang dilantik adalah terdiri daripada pemimpin-pemimpin ataupun orang-orang daripada Parti PAS. Jadi, inilah contoh keadilan ataupun kesaksamaan yang cuba diberikan contoh yang baik oleh Parti Pakatan Rakyat.

Saya ingin mengingatkan bahawa Pakatan Rakyat baru memerintah enam (6) bulan lebih berlalu, kalau benar-benar kita secara ikhlas dan jujur mahu melaksanakan keadilan yang sepenuhnya secara total dan menyeluruh, maka kita hendaklah melaksanakan tanpa rasa kebimbangan dengan izin *without fear and favor* kepada pelaksanaan yang sebenar. Satu lagi perkara yang memperlihatkan bahawa perkara keadilan yang merupakan satu manifesto yang sangat dicanang-canangkan oleh Parti Pakatan Rakyat ini tidak dilaksanakan dalam pelantikan ahli-ahli dalam Pihak Berkuasa Tempatan. Sewajarnya, ahli-ahli yang dipilih sebagai Ahli Majlis-Ahli Majlis ini terdiri daripada sekurang-kurangnya merangkumi daripada golongan wakil Rakyat yang sudah jelas dipilih oleh rakyat untuk mewakili kawasan-kawasan Majlis atau Pihak Berkuasa berkenaan. Tambahan pula dalam sistem di mana tidak ada pemilihan di kawasan Kerajaan-Kerajaan Tempatan atau Pihak Berkuasa Tempatan. Maka, orang-orang yang benar-benar mewakili rakyat adalah mereka yang dipilih oleh rakyat dan dalam konteks ini wakil Rakyat adalah merupakan orang-orang yang berhak sepatutnya untuk diletakkan di dalam Majlis, Pihak Berkuasa Tempatan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Kampung Tunku minta penjelasan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Izinkan saya habiskan, nanti saya bagi laluan.

**TUAN SPEAKER** : Nanti ya, nanti.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Kita tau, Pihak Berkuasa Tempatan sebagai, dengan izin *the creator of the state* yang di peruntukan dalam Perlembagaan

merupakan hak Kerajaan Negeri untuk melantik Ahli-Ahli Majlis mereka. Akan tetapi, tanggungjawab amat besar, Majlis-Majlis di bawah Pihak Berkuasa Tempatan ini mempunyai tanggungjawab yang besar untuk melaksanakan dasar-dasar, perancangan, pemantauan dan perlu dikendalikan dengan sepenuhnya bagi memastikan rakyat akan mendapat kesejahteraan dan manfaat dengan sepenuhnya. Tetapi yang agak menghairankan ahli-ahli yang dilantik ialah terdiri daripada rakan-rakan Parti Pakatan Rakyat yang terdiri daripada badan-badan NGO's yang dari segi hak rakyat, mereka tidak dipilih. Wakil-wakil rakyat ini berjuang bermati-matian di dalam Pilihan Raya untuk memenangi termasuklah wakil-wakil rakyat dalam Pakatan Rakyat tetapi pintu ditutup bagi mereka untuk memberikan hak-hak mereka dalam membuat keputusan di dalam Majlis-Majlis ataupun Pihak Berkuasa Tempatan. Kerana itu, tidak hairanlah kalau kita dapat rungutan wakil daripada Bangi yang saya pastikan memang sepatut dan wajar. Saya bukanlah maknanya....

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Tuan Speaker, boleh saya mengemukakan soalan? Pasal dibangkitkan Bangi.

**TUAN SPEAKER :** Bagaimana Sungai Burong? Boleh bagi laluan?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tapi saya nak bagi laluan dulu kepada Cempaka.

**TUAN SPEAKER :** Cempaka tak minta. Tak boleh bagi kepada orang yang tak minta. OK. Kira hapus kira, kita serah kepada Bangi.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Saya akur dengan Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Saya fikir pengalaman kita semasa jadi pembangkang dulu pun, tidak ada dipilih daripada kita daripada PAS baik dalam Majlis Perbandaran dan JKK. Jadi apakah pihak Sungai Burong memikirkan dulu adil pihak UMNO, BN lakukan terhadap kita?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih. Ini soal keadilan ye. Kalau kita benar-benar mahu melaksanakan keadilan ye, kalau katalah dulu perangai buruk, kita jangan ikut ye. Kalau itulah, ye...Kalau itulah perangai buruk, dan betul saya nak kata kalau wakil rakyat Pakatan Rakyat betul-betul. Kalau tidak sama sahaja, ataupun mungkin lebih teruk sebab ini baru permulaan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Ya, Sungai Burong...

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ya, tapi saya nak jawab soalan itu.

**Y.B. TUAN LIM KIN SIN :** Tapi di MPKJ kita ada wakil-wakil UMNO. Ada yang UMNO di MPKJ yang dipilih.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Speaker, saya tak bagi laluan dia. Saya nak jawab dulu soalan dia tu. Soalan daripada Bangi tu belum berjawab. Sebenarnya kita daripada pakatan pembangkang, walaupun kita tidak dilantik dalam Majlis Daerah ataupun Pihak Berkuasa Tempatan, tidak apa. Yang penting kita perkatikan hak wakil rakyat yang dipilih rakyat sama ada dia ni ADUN ataupun Ahli Parlimen, patut diberi hak untuk duduk dalam Pihak Berkuasa Tempatan yang sangat

penting yang merupakan 80% daripada kawasan di Negeri Selangor ini, itu yang saya nak bahaskan pada hari ini dan saya ingin mengesyorkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya keadilan yang sebenar dapat kita junjung. Ha, itu dia jawapan sayalah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan Tuan Speaker?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Boleh saya teruskan?

**TUAN SPEAKER** : Boleh teruskan, tapi ada orang minta laluan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Kampung Tunku minta penjelasan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : OK, kita bagi Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Kampung Tunku?

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih, Sungai Burong dan Tuan Speaker. Ada dua perkara yang saya nak tanyalah, mohon penjelasan. Saya setuju bahawa ini hak wakil Rakyat untuk diwakili dalam Majlis, Kerajaan Tempatan ataupun dalam mana-mana pelantikan. Tapi, saya nak tanya apakah Sungai Burong setuju bahawa kemenangan wakil Rakyat UMNO dan Barisan Nasional ini juga harus dipertikaikan melalui penipuan, rasuah, pengundi hantu. Kalau tak kerana pengundi hantu dah lama UMNO ni dihantar ke Muzium, lama dah....Sebagai contoh,

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Tuan Speaker?

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Ini *floor* saya, sebagai contoh sebelum 8 Mac, habis peruntukan ADUN dibelanjakan oleh wakil-wakil Rakyat UMNO dan Menteri Besar Selangor sebelum ini. Hangus, disalahgunakan, peruntukan sepatutnya dipergunakan dalam tempoh.... Nanti dulu, Sungai Burong? Sungai Panjang, faham tak prosedur? Prosedur? Dah lama tak jadi Menteri Besar, dah lupa prosedur Dewan, macam mana? Peruntukan yang sepatutnya digunakan dalam tempoh 12 bulan hangus dalam tempoh tiga (3) bulan tapi dua (2) bulan, saya nak *check* sama ada EXCO tidur atau tidak? Alhamdulillah tak tidur, dua (2) bulan. Di mana penyelewengan? Gunakan *tax payers money*?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Penjelasan Tuan Speaker? Kena tanya soalan? Tuan Speaker, lupa nak tegur-tegur dia?

**TUAN SPEAKER** : Memang Bukit Antarabangsa tanya kenapa dibelanjakan habis?

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih Tuan Speaker. Sila, sila...

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terima kasih Tuan Speaker ye. Saya yang pertama tu pasal.....terima kasihlah Antarabangsa sebab sebut pasal rasuah. Dia kata kita rasuah kerana membelanjakan peruntukan. Tapi saya belajarlah dalam pentadbiran ini, perbelanjaan ini dilaksanakan dalam tempoh setahun. Kita tahu sistem birokrasi Kerajaan, pengeluaran waran, pelaksanaan peruntukan, ini kadang-kadang melampaui sampai bulan enam (6), sampai akhir bulan. Pada peringkat awal dulu, perkara sebenarnya berbangkit di peringkat Kerajaan ye. Masalah kelewatan untuk

membelanjakan peruntukan-peruntukan diluluskan dan kerana itu arahan-arahan dibuat supaya mengeluarkan waran itu dengan segera. Jadi bila waran di segera, kita sebagai pelaksana mestilah kita akan melaksanakan. Yang penting apakah yang dilaksanakan? Kalau yang dilaksanakan untuk perkara yang memberi manfaat kepada rakyat, saya rasa itu tidak ada masalah.

Kita bercakap soal rasuah dalam pilihan raya, kita tengok baru-baru ini Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim terang-terang telah menawarkan rasuah untuk memelompat tiga puluh bagi memenangi, ya! Untuk memastikan kemenangan, janji, janji untuk memastikan kemenangan memerintah di Kerajaan Persekutuan, yang tidak menjadi...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Peraturan Mesyuarat 36.

**TUAN SPEAKER** : Sg. Burung! Sg. Burung! Tunggu sebentar. Ada Peraturan. Sila duduk. Ada peraturan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : (Tidak kedengaran)

**TUAN SPEAKER** : Ah! Kg. Tunku, tak dengar, tadi tak pasang *mic*. Tolong pasang *mic*. Tolong ulang.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Maaf, maaf. Peraturan Mesyuarat 36 (6) Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas mana-mana Ahli lain. Ini adalah tidak mengikut Peraturan Tetap mesyuarat kita ini. Kalau kita mengatakan bahawa seseorang itu ....

**TUAN SPEAKER** : Tiga Puluh Enam. Enam

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tiga Puluh Enam. Enam.

**TUAN SPEAKER** : Tiga Puluh Enam tu, terhadap Ahli di dalam Dewan ini. Kalau terhadap Ahli Parlimen, tidak termasuk. (Dewan Ketawa).

**TUAN SPEAKER** : Itu kena jaga.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terima kasih, Tuan Speaker. Membetulkan Ahli-ahli yang baru. Ah! Cuma saya hendak minta kepada Tuan Speaker, bagi masa *injury time* saya tu jangan ditolak. Ya! Sebab menjawab soalan inilah kalau boleh. Kalau tidak saya hendak terus ni kepada perkara tu. Ya. Izinkan.

**TUAN SPEAKER** : Saya tidak izinkan.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tidak izinkan. Oleh kerana itu, saya kena laju sikitlah hendak menjawab. Ini soal rasuah ni. Soal rasuah itu yang kedua. Itu kita boleh sebutkan sebagai rasuah. Dan untuk menjawab, saya memang tidak ada sangkaan jahat. Kemudian, soal pilihan raya. Dia katakan pilihan raya, Kerajaan Barisan Nasional ..

**TUAN SPEAKER** : Sg. Burung, Bukit Antarabangsa hendak minta laluan.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Saya hendak jawab, tak habis lagi jawab.

**TUAN SPEAKER** : Tak habis lagi jawab.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tak habis lagi jawab.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Yang pertama dah habis.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Belum. Pasal undi hantu.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tak! Tak! Ini soal tuduhan dan sangkaan jahat terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Dah, dah dijawab oleh Tuan Speaker. Tadi, dia tolong tadi.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya, saya tidak menggunakan Peraturan Mesyuarat.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Saya tak beri laluan ya.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya cabar Sg. Burung, ulang di luar Dewan kalau berani. Kalau berani. Dewan bertepuk.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tak perlulah, cabar mencabar.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya cabar Sg. Burung, berani ulang di luar Dewan, saya akan saman Sg. Burung serta-merta.

Dewan bertepuk.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Sebab ini tuduhan yang jahat yang tidak berasas Tuan Speaker. Kalau berani, ulang petang ini.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Saya terang, terang. Ini jelas. Ini fakta. Kalau boleh saya cakap ini fakta. Jelas.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Beri fakta di luar kalau berani. Siapa penerima, berapa jumlah penerima jangan buat tuduhan jahat dalam Dewan ini. Kalau berani, buat di luar. Supaya saya boleh ambil tindakan Undang-Undang.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ini. Terang, terang menjanjikan, bukankah rasuah kalau kita janji kemenangan melompat kepada tiga puluh, apa ni, kerusi. Ah! Kemudian, yang ini undi hantu pun dikatanya rasuah. Pada hal kalau kita tengok Parti Pembangkang menang pun dia diam sahaja. Dia tak kata undi hantu. Ah! Ah! Tapi, bila dia kalah dia katalah undi hantu macam-macam. Yang pentingnya Pilihan raya telah dilaksanakan. Kemenangan telah diberi sama ada pihak Barisan Nasional kepada pihak Pakatan Rakyat. Itu yang penting. Dan kita melakukan peraturan yang sama. Ah! Tak perlu hendak mempersalahkan bila kita kalah. Ah! Itu jawapan sayalah.

Ya, Ah! Kalau boleh saya teruskan ya. Di mana saya tadi mintakan ahli, soalan keadilan tadi. Ini saya ingin mencadangkan..

**TUAN SPEAKER** : Ya! Yang Berhormat, Permatang juga minta laluan. Ya. Permatang.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Permatang.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Boleh Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima Kasih Tuan Speaker, dan Y.B. Sg. Burung. Saya rasalah, saya pun dah dengan dua kali sidang Dewan mengenai Bukit Antarabangsa menyebut rasuah dalam Dewan yang mulia inilah, dan retorik rasuah inilah diulang berkali-kali, disebut berkali-kali, tuduhan-tuduhan ini dah banyak kali. Cuma saya hendak minta pandangan Sg. Burung, bersetuju ke Sg. Burung bahawa sebenarnya dalam isu rasuah ini yang sudah terbukti dan duduk dalam penjara enam tahun ialah ketua umum Pakatan Rakyat. Setuju, atau tidak Sg. Burung. Itu sudah terbukti oleh Mahkamah. Terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tolong beri jawapan ya, jelas ya. Saya ingat itu jelas. Tapi soal rasuah ini, Cuma saya hendak memperingatkan, saya hendak memperingatkan Parti Pakatan Rakyat, kalau kita terus terang memperjuangkan rasuah. Saya akan sokong.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Sg. Burung, Bukit Antarabangsa minta laluan.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Saya pasal *injury time* saya tak diberi inilah hendak kena habiskan dulu. Ada masa nanti akan saya beri laluan. Insyaa-Allah.

**TUAN SPEAKER** : Janji.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ah! Sebentar ya. Tak boleh, boleh tanya, lepas ini ya. Saya hendak jawab, mana tadi. Rasuah ya. Saya menyokong kalau usul-usul untuk membersihkan rasuah, tetapi saya, saya setuju dengan tindakan Yang Amat Berhormat pihak Menteri Besar memecat dia punya pegawainya, yang bertindak rasuah. Ini satu usaha yang baik. Yang perlu kita sokong. Ah! Tapi bukan maknanya gejala rasuah ini di dalam UMNO sahaja. Dalam Pakatan Rakyat pun ada. Dalam Barisan Nasional ada. Semua ada orang yang memberi, ada orang yang menerima. Adalah rasuah. Ini yang berlaku. Di Perak. Kerajaan Perak rasuah, Ahli Majlis Daerah, ya! Daripada Kerajaan Pakatan Rakyat ah! Sampai pulak melakukan kemungkaran. *Admit by himself* dengan izin. Ya! Mengaku melakukan perzinaan. Seks, ini satu perkara yang terkutuk. Ini perlu dibersihkan. Rasuah, kita pun cakap rasuah. Kita harus memerangi rasuah. Bolehlah nak cakap ...

**TUAN SPEAKER** : Sg. Burung, Seri Setia, minta laluan.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Alamak, Okey.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Adakah Sg. Burung bersetuju, bahawa berbezanya Kerajaan Pakatan Rakyat ini apabila ada tuduhan rasuah. Kita siasat dan kita ambil tindakan tegas berbeza dengan Barisan Nasional yang langsung tidak ambil tindakan.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Yang ini, saya tak pasti. Saya nampak di Kerajaan Perak tu lagi teruk. Mempertahankan pula. Ya! Jadi, kita tengoklah nanti. Kerajaan baru memerintah enam bulan. Ya, kita tengok. Saya cuma berharap, saya sama berharap..

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tuan Speaker, minta laluan.

**TUAN SPEAKER** : Sg. Burung, Bukit Antarabangsa minta laluan.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Dua kali dah Tuan Speaker.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ayat saya pun tak habis Tuan Speaker. Habiskan ayat saya dahulu. Saya, saya hanya sangat berharap, ya! bahawa usaha-usaha yang hendak dilaksanakan untuk memastikan Kerajaan Pakatan Rakyat ini hendaklah bersih, benar-benar bersih daripada elemen rasuah. Sekarang ini pun saya dah perhatikan, sebenarnya ada kelompok-kelompok tertentu yang mendampingi pemimpin-pemimpin daripada Pakatan Rakyat berkaitan dengan projek-projek dan sebagainya. Saya sangat berharap kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kena pastikan betul-betul ya! Mereka ini tidak ya membuat sogokkan atau percubaan untuk ya! Membuat sogokkan supaya jangan timbul nanti rakyat akan melihat, rakyat akan melihat dan menghakimkan pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat pada pilihan raya yang ke tiga belas.

**TUAN SPEAKER** : Sg. Burung, Bukit Antarabangsa minta laluan.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Adoi, ada beberapa masa lagi.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih, Sg. Burung.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ya! Okey.

Dewan Ketawa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Ayat dia panjang. Dia kata ayat habis, nak bagi laluan. Ini, Tuan Speaker. Saya hendak tegaskan di sini. Saya setuju dengan Sg. Burung. Pada prinsipnya, soal rasuah kita tidak kompromi. Ada bukti, dakwa dalam mahkamah, serahkan kepada mahkamah untuk membuat keputusan. Saya setuju dengan Sg. Burung. Tak ada masalah. Walau sistem kehakiman kita boleh dipertikaikan. Tapi kita melalui proses itu. Di Perak Sg. Burung kalau saya hendak..

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Soalan ya, bukan penjelasan ya?

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Ya! Soalan, soalanlah.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Apa soalan dia.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Sebelum soalan, kita kena beri latar belakang dulu. Jangan jadi macam UMNO. Belum tanya soalan dia dah setuju dulu.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Bukan, Tuan Speaker, sebab masa minta pendekkan, *summarizekan*. *Executive Summary* dengan izin.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Jangan kacau, kalau kacau panjang ceritanya. Di Perak, kita ambil tindakan tegas kepada Ahli Majlis tersebut. Apabila dia membuat pengakuan dan ada bukti Menteri Besar dan Kerajaan Negeri dengan tegas memecat beliau. Ini pendirian kita. Tetapi dalam soal EXCO Kerajaan Negeri Perak, yang didakwa Sg. Burung kita ada bukti yang kukuh bahawa ini adalah tindakan UMNO memperkudakan Badan Pencegah Rasuah menjelang Pilihan Raya Kecil Permatang Pauh. Dewan bertepuk. Orang. Orang yang...

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Soalan, soalnya.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Nanti, nanti, nak soalan. Ini soalan saya. Bila saya bercakap kena duduk. Itu peraturan. Tidak peraturan Tuan Speaker.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Speaker. Saya, boleh tak tolong ni, soalan, tak tolong soalnya ini.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Antarabangsa, terus pada soalan.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Ya!

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Masa, masa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Soalan saya ialah, orang yang menyogok rasuah kepada dua EXCO ini diatur dan disusun dengan percaturan UMNO dan Badan Pencegah Rasuah. Kita ada bukti yang kukuh. Sebab itu apa juga tindakan propaganda politik UMNO dan Barisan Nasional, kita tidak akan kompromi. Apa yang kita buat Sg. Burung, kita buat *civil suit against* BPR dan kita serah kepada mahkamah.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Soalan, soalnya dia Tuan Speaker. Soalnya tak ni.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Soalan saya ialah.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Soalan.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Apakah Sg. Burung faham dan ada ilmu yang boleh faham bahawa tindakan kita membuat saman terhadap Badan Pencegah Rasuah kerana kita ada bukti yang kukuh dan kita serahkan kepada mahkamah untuk putuskan. Kita tidak mendahului hukuman yang akan dibuat dalam mahkamah.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terima Kasih. Saya faham, saya faham amat faham. Walau pun ilmu saya cetek, ya! Soal rasuah ini senang. Apa pun diatur oleh orang. Kalau ada orang memberi, orang menerima, ini adalah perkara kalau kita menerima habuan ini sogokkan, suapan ya! Apa lagi dia punya istilah tu, ini adalah perkara yang menjijikkan rasuah ya. Tak kiralah sapa-sapa yang mengaturkan. Ya.

Sama ada BPR yang mengatur ke, yang ambil buat apa? yang buat, buat apa? Ini adalah rasuah. Bila kita cakap rasuah, soal amalan. Penghayatan. EXCO Pendidikan menyatakan ya! Tambah 3M kepada kita berfikir ya, sesungguhnya manusia ini diberikan akal untuk berfikir oleh Allah Subhanahu Wataalla. Kita fikir mana yang batil mana yang baik. Kita boleh memilih. Masa itu, ini duit setepok ya, ini perempuan ya, setengah bogel di depan kita. Tengok kita. Dia ambil tak ambil. Iman kita macam mana. Kalau kita benda ni rasuah, kita tolak. Tak kiralah siapa yang merancang di belakangnya. Perbuatan inilah yang perlu kita kecam. Ah! Inilah jawapan saya Tuan Speaker. Saya ingin meneruskan ucapan saya perbahasan saya ini saya teruslah kepada isu yang saya ingin perkatakan ialah tentang bajet. Bajet Pertanian. Pertanian ini melibatkan saya sebagai Ahli Dewan yang meliputi kawasan pertanian. Peruntukan Pertanian saya bersetuju dengan pendapat sahabat saya tadi bahawa peruntukan untuk pertanian ini masih kecil. Ia hanya 2.1 daripada KDNK Kerajaan Negeri Selangor atau pun 30.3% jika kita mengambil kira termasuk perlombongan. Dan peruntukan bajet yang disediakan sebanyak 30 juta. Ya, adalah masih kecil dibandingkan dengan keutamaan yang patut diberikan kepada kawasan luar bandar. Kita melihat bahawa kawasan luar bandar ini, adalah sektor yang terdiri daripada pekebun-pekebun kecil, nelayan, petani, pesawah, penternak yang rata-ratanya adalah dalam lingkungan kemiskinan dan kerana itu saya sangat berharap kepada Kerajaan Pakatan Rakyat ini dapat menambahkan ya, peruntukan terutamanya untuk mengatasi masalah-masalah bagi meningkatkan pendapatan petani, nelayan, pesawah, penternak ini yang hari ini akibat keadaan kenaikan harga yang tidak dapat kita jangkakan telah menyebabkan kenaikan kos hidup dan menjejaskan taraf hidup rakyat. Okey, saya ada berapa minit, tiga minit lagi. Terima kasih. Ah! Dalam perkara ini, saya ingin pertama sekali berhubung dengan masalah meningkatkan untuk memastikan bahawa pesawah-pesawah di Tanjung Karang khususnya, ya, tidak dapat mengurangkan bebanan daripada kenaikan kos terutamanya kos input. Ini saya sangat berharap supaya dapat diwujudkan peruntukan bagi memberikan subsidi kepada mereka dalam penyediaan itu. Walau pun Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan telah memperuntukkan penjumlahan yang besar iaitu 2600 bagi petani dalam bentuk subsidi sahaja bagi petani per hektar tetapi saya sangat berharap sebagai Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab juga mengambil peranan untuk membantu petani-petani berkenaan. Yang keduanya, masalah pencerobohan hutan simpan Raja Musa yang telah menjejaskan pengairan di kawasan sawah padi Tanjung Karang ini telah menjejaskan pertama penjadualan semula tanaman. Dan ini sudah tentulah akan menjejaskan hasil pendapatan yang diperolehi oleh pesawah-pesawah berkenaan. Kerana itu saya sangat berharap pertama sekali supaya tindakan tegas diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan bahawa pencerobohan ini dapat dibanteras dengan seberapa segera yang boleh. Dalam mesyuarat yang lepas perkara ini telah pun dibangkitkan, ya, tapi hari ini tindakan yang berkesan belum lagi dilihat. Saya ingin mencadangkan supaya kawasan-kawasan pencerobohan yang telah dicerobohi secara haram ini dibaikpulih semula. Untuk itu saya ingin mengesyorkan, Sg. Burung ingin mengesyorkan supaya peruntukan disediakan kepada Jabatan Perhutanan bagi menanam semula pokok-pokok hutan yang boleh menjadikan kawasan itu dapat dipulihkan sebagai kawasan tadahan. Kawasan Tadahan kawasan simpan di Tanjung Karang ini adalah sesungguhnya sangat penting kepada pengeluaran padi di Negeri Selangor yang merupakan pengeluar padi yang terbesar dan merupakan pengeluar padi yang terbaik di Malaysia pada hari ini. Yang ketiga Tuan Speaker saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mohon peruntukan ini ditambah peruntukan bagi projek-projek yang telah pun dilaksanakan. Yang pertama di kawasan-kawasan pertanian ini seperti projek untuk menambahkan hasil atau pendapatan sampingan kepada penduduk-penduduk di luar bandar tersebut.

Yang seterusnya Tuan Speaker saya memohon supaya pengurusan berpusat yang telah dilaksanakan di bawah Kerajaan Barisan lama supaya ditambah peruntukan bagi mempertingkatkan daya keluaran pesawah-pesawah supaya mereka dapat menghasilkan sasaran melebihi kepada 10 tan hektar. Dan dengan cara ini ia dapat menaikkan hasil dan terusna meningkatkan pendapatan dan dapat menyerap daripada kenaikan kos input tersebut. Habis ok. Terima kasih Sg. Burung .

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih

**TUAN SPEAKER** : Teratai

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Selamat sejahtera diucapkan kepada Tuan Speaker ADUN-ADUN di Dewan yang mulia ini. Sebelum saya meneruskan ucapan saya pada pagi ini. Saya ingin menyampaikan ribuan terima kasih kepada dewan ini atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahar dalam Bajet 2009. Saya juga hendak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana membentangkan Bajet yang begitu prihatin kepada penduduk-penduduk di Negeri Selangor. Berbanding dengan Kerajaan Pusat yang mana Kerajaan Pusat telah melaburkan berbilion-bilion untuk menyelamatkan bursa saham tetapi nampaknya tidak berkesan langsung. Hari ini kita boleh nampak bursa saham semua harga saham telah turun 5 bilion dihabiskan ini saja. Terlebih dahulu saya ingin menarik perhatian Dewan ini terhadap isu peluang pekerjaan di Selangor Darul Ehsan khususnya bagi golongan ibu tunggal dan golongan miskin. Apa yang kita nampak sekarang adalah majoriti pekerja-pekerja yang membuat kerja pembersihan dan mencuci longkang atau menyapu jalan raya adalah bukan rakyat Malaysia. Sementara itu ramai ibu tunggal dan golongan miskin tidak mempunyai sebarang pekerjaan yang tetap dan gajinya cukup untuk menyara kehidupan keluarga mereka. Justeru saya ingin mencadangkan kod amalan *code of conduct* (dengan izin) yang bertujuan menjaga kebajikan pekerja-pekerja tempatan dan memberi peluang pekerjaan kepada golongan wanita atau golongan yang miskin secara langsung dan tidak langsung. Di bawah kod amalan yang dicadangkan ini kita haruslah kita tidak harus bertolak ansur dalam perkara-perkara berikut:

1. Semua kontraktor kerajaan tempatan dan negeri tidak dibenarkan mengupah lebih daripada 30% pekerja-pekerja asing. Ini adalah bertujuan mempertahankan peluang pekerjaan kepada orang tempatan.
2. Kadar gaji atau upah tidak boleh kurang daripada RM 900.00 sebulan dan elaun RM 300.00 pekerja yang tinggal di kawasan luar bandar. Pekerja-pekerja juga hendaklah dibayar SOCSO dan KWSP. Mengikut pandangan MTUC Persatuan Pekerja pendapatan minimum seseorang penghuni bandar hendaklah di antara RM1,200.00 sampai RM1,500.00 setelah mengambil kira faktor inflasi.
3. Syarikat pemegang projek kerajaan yang gagal membayar upah pekerja hendaklah didenda ataupun diberhentikan kontraknya.
4. Syarikat yang menyertai tender kontrak kerajaan dihendaki sekurang-kurangnya 30% pekerja wanita dan 10% daripadanya mestilah berada di peringkat pengurus. Syarat ini diadakan supaya mencapai matlamat keseimbangan jantina dalam semua bidang. Jikalau kontrak merasa mereka tidak mendapat keuntungan disebabkan kod amalan ini biarlah kita memberikan projek-projek kerajaan kepada syarikat-syarikat yang mampu menjaga kebajikan pekerja-

pekerja. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan syarikat-syarikat *mengintrosikan* pekerja kita.

Tuan Speaker dalam Bajet yang dibentangkan oleh Dato Menteri Besar Kerajaan Pakatan Rakyat peruntukan-peruntukan kepada pertubuhan-pertubuhan agama. Tetapi saya rasa kita melakukan lebih baik dari segi menghulurkan bantuan ini kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Persendirian Cina . Di era pemerintah Barisan Nasional. Sekolah tersebut langsung tidak diberi perhatian dan diendahkan pembangunan ini. Pihak sekolah dan pelajar perlu mengutip derma dari masyarakat untuk teruskan pembangunan dan perbelanjaan harian sekolah. Sejak kemerdekaan sekolah-sekolah yang disebutkan tadi telah memberi sumbangan yang amat besar dalam melahirkan bakat serta menyumbangkan kepada kemajuan dan pembangunan negara. Dalam Dewan yang mulia ini terdapat 3 orang wakil lepasan Sekolah Menengah Persendirian Cina beliau adalah Y.B. Seri Kembangan juga merangkap Exco dan Y.B. Kinrara juga Exco dan saya sendiri. Sebenarnya banyak faedah boleh melakukan untuk membantu sekolah-sekolah yang saya sebutkan tadi. Baru-baru ini kerajaan Perak dan kerajaan Penang telah memberi sebidang tanah dan sumbangan kepada sekolah-sekolah. Kerajaan Perak memberikan sebidang tanah dan Penang memberi sumbangan kepada sekolah-sekolah persendirian Cina untuk menjadikan sumber pendapatan kewangan mereka. Justeru itu, saya menyeru kepada Menteri Besar mempertimbangkan lagi supaya memberi peruntukan sebanyak RM10 juta kepada semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, Cina dan Sekolah Menengah Persendirian Cina di Negeri Selangor secara *sistematik* (dengan izin) supaya menyelesaikan masalah-malalah kewangan mereka. Tuan Speaker bahasa pengantaraan adalah penting untuk komunikasi dengan penduduk-penduduk di Negeri Selangor. Saya pernah tanya satu soalan di sesi persidangan dewan yang lepas. Iaitu berapakah jumlah bilangan kakitangan di setiap pejabat PBT boleh komunikasi dengan orang ramai dalam bahasa Tamil atau bahasa Mandarin. Tetapi saya amat mengecewakan nampaknya ada 5 PBT tidak ada langsung yang boleh komunikasi dalam bahasa Tamil dan Mandarin iaitu MBSA, MPSJ, MPKj, MPKS dan MPHS. Walaupun saya nampak contohnya MPAJ ada 8 orang yang boleh komunikasi dalam bahasa Tamil dan 5 orang boleh komunikasi dalam bahasa Mandarin. Tapi saya rasa tata ini haruslah disemak lagi sebab saya dimaklumkan oleh Ahli Majlis MPAJ bahawa langsung tidak seorang yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Mandarin di MPAJ. Walaupun dalam temu duga dalam pengambilan kakitangan kerajaan calon-calon yang fasih dalam bahasa lain boleh mendapat markah tambahan. Akan tetapi hanya 4 markah dari jumlah peratus diberikan. Selain daripada itu iklan-iklan pengambilan berkenaan hendaklah di masuk ke dalam surat akhbar selain surat akhbar Malaysia. Tuan Speaker negara kita terdiri daripada berbilang kaum. Akan tetapi nampaknya semua kakitangan pejabat PBT, institusi-institusi kerajaan hanya boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia sebahagian kecil dalam Bahasa Inggeris. Saya merasa keadaan ini perlu dikaji semula memandangkan penduduk-penduduk yang tidak fasih dalam Bahasa Malaysia juga merupakan pembayar cukai sama ada cukai pintu atau cukai tanah. Dan mereka memang berhak untuk membuat aduan dalam bahasa yang mereka fasih supaya masalah-masalah mereka dapat diterangkan dengan jelas. Justeru itu saya ingin mengesyorkan kerajaan Selangor agar mengambil sebahagian kakitangan kerajaan yang boleh berkomunikasi dalam Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil dan dialek-dialek tempatan demi memastikan hak-hak penduduk tersebut tidak diabaikan. Tuan Speaker saya telah difahamkan bahawa terdapat pihak kerajaan yang mengeluarkan pekeliling yang membenarkan kerusi meja restoran diletakan di tepi jalan raya saya merasa hairan sebab jalan raya dan lot letak kereta adalah untuk tujuan lalu

lintas serta meletak kereta. Peraturan tersebut pasti akan mendatangkan masalah keselamatan di mana pelanggan-pelanggan restoran berkenaan di mana besar kemungkinan dilanggar oleh kereta. Pada hakikatnya sudah berlaku beberapa kes kemalangan maut yang membabitkan orang awam yang duduk di tepi jalan. Walaupun pekeliling tersebut menyatakan bahawa hanya jalan yang tidak sibuk dibenarkan meletakkan kerusi dan meja. Akan tetapi masuk jalan raya yang tidak sibuk tidak ada satu *definasi* tetap. Kita boleh membayangkan apa yang akan berlaku jikalau PBT membenarkan kaki lima tempat meletak kereta depan kedai dipenuhi kerusi dan meja restoran. Orang biasa nak lalu pun susah apa lagi orang kurang upaya (OKU) yang menggunakan kerusi roda. Saya mengharap pihak Exco mengkaji keputusan tersebut bagi menjaga kepentingan orang ramai terutamanya orang kurang upaya (OKU). Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat saya difahamkan bahawa PBT-PBT seperti Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah mengeluarkan pelekat kereta secara percuma kepada golongan kurang upaya ini merupakan satu polisi yang patut dipuji. Walau bagaimanapun saya mengharap kerajaan negeri oleh menyelaraskan kemudahan ini supaya pelekat kereta tersebut boleh digunakan di seluruh Negeri Selangor tanpa mengira PBT mana yang mengeluarkannya. Pada setakat ini saya difahamkan bahawa pelekat kereta orang kurang upaya yang telah dikeluarkan oleh MPSJ tidak boleh digunakan di kawasan seperti Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Saya juga ingin mengesyorkan supaya setiap pusat komersial menyediakan tempatan letak kereta untuk OKU dan penguatkuasa majlis tempatan mesti menguatkan kuasa dan hanya memastikan kenderaan OKU sahaja boleh menggunakan. Tuan Speaker Program Mesra Usia Emas telah dirancang selama 100 hari selepas Pakatan Rakyat berjaya membentuk kerajaan di Negeri Selangor. Ini merupakan satu skim bantuan yang menggantikan Jasa mu Dikenang sebelum ini. Saya memuji Program Mesra Usia Emas di mana ia merupakan satu langkah bijak yang membawa negara ini menuju ke arah negeri kebajikan. Sebentar saya menyokong dan mempromosikan skim bantuan ini saya mempunyai sedikit pandangan terhadap cara urusan dan proses permohonan program ini. Pada setakat ini semua permohonan ini telah dibuat melalui ADUN dalam sesi jawapan di dalam dewan yang mulia ini saya difahamkan bahawa ADUN yang bertanggungjawab mengeluarkan cek sejumlah RM1,000.00 kepada waris pemohon setelah pemohon berkenaan meninggal dunia. Pada pandangan saya apabila pihak kerajaan menggunakan pejabat ADUN sebagai agen mengutip borang permohonan dan juga menyediakan cek sebanyak RM1,000.00 ini tentu membimbangkan ADUN-ADUN memandangkan kita hanya diberi seorang kerani untuk membantu kita sahaja. Kita semua berada di Dewan yang mulia ini adalah sebab dipilih oleh rakyat kita yang mewakili mereka bukan diupahkan oleh pihak kerajaan. Justeru saya berpendapat bahawa semua kerja-kerja harian yang berulang sepatutnya dipertanggungjawab kepada kakitangan kerajaan bukan di sebaliknya diserahkan kepada ADUN. Perlulah saya menegaskan di sini bahawa tugas dan peranan kita sebagai Wakil Rakyat adalah mengkaji undang-undang membentuk atau membetulkan enakmen-enakmen menentukan dasar-dasar kerajaan serta membuat keputusan di Dewan yang mulia ini. Tuan Speaker Program Mesra Usia Emas yang baru ini terlibat jumlah wang tunai sebanyak seratus seribu ringgit setiap cek dan jumlah tabung sebanyak sepuluh ribu di setiap akaun ADUN. Walaupun ADUN boleh melantik dua pihak menandatangani cek akan tetapi jika ADUN tidak ada di pejabat misalnya menghadiri kursus atau masuk *ward* selama satu atau dua bulan, bagaimana kita boleh menyediakan cek. Tambahan pula, ADUN tidak akan tinggal di pejabat semata-mata untuk mengeluarkan cek kepada para waris pemohon program ini. Selain daripada isu itu, jumlah masa untuk membuat semakan juga tidak mencukupi. Seseorang yang telah menerima cek dari ADUN tertentu, besar kemungkinan akan meminta cek lagi dari

ADUN lain dan kita tidak akan perasan perkara ini jika permohonan dibuat pada hari yang sama. Kita juga tidak akan tahu sama ada seseorang meninggal dunia ini telah memohon skim tersebut. Sebelum borang yang baru yang diedarkan saya pernah menerima beberapa aduan di kawasan Ampang yang mana ada orang menjualkan borang permohonan Warga Usia Emas. Kita juga ingin tahu sama ada seseorang penduduk di kawasan Cempaka contohnya, boleh memohon di kawasan Teratai. Jikalau penduduk tersebut membuat permohonan di Cempaka tetapi selepas itu, beliau dipindahkan ke DUN Teratai, jadi manakah waris pemohon tersebut akan membuat tuntutan wang kebajikan berkenaan.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kalau pemohon berkenaan sudah meninggal dunia, mengapa kita nak tergesa-gesa memberikan wang tunai. Kalau, kalau keluarga berkenaan dari golongan miskin, adalah lebih baik kita mengaturkan tempat pengebumian yang percuma bagi mereka. Setelah saya mengkaji borang baru untuk Program Mesra Usia Emas saya mendapati bahawa borang itu tidak begitu lengkap. Borang tersebut mesti dimasukkan nombor *hotline* dengan izinnya, e-mel dan juga alamat bagi jabatan berkenaan supaya sebarang pertanyaan boleh dibuat. Pada setakat ini, saya telah cuba beberapa kali *hotline* atau telefon *number* yang dituliskan di borang tersebut tetapi malangnya tidak berfungsi. Selain itu, saya ingin mencadangkan supaya membukakan saluran-saluran alternatif untuk membuat permohonan dan tuntutan. Akhirnya saya berharap, pihak berkenaan dapat membetulkan kelemahan-kelemahan tersebut jadi dengan secepat mungkin. Saya juga berharap prosedur yang terperinci akan diberikan kepada setiap ADUN.

Tuan Speaker, Kerajaan Selangor Darul Ehsan telah bertukar sejak tujuh bulan yang lepas. Dalam tempoh tujuh bulan ini, ADUN-ADUN Pakatan Rakyat berusaha gigih untuk menyelesaikan masalah-masalah tempatan yang sudah dicicirkan oleh Kerajaan Barisan Nasional selama lima puluh satu tahun. Dukacitanya, terdapat ramai kakitangan kerajaan termasuk majlis tempatan dan pejabat tanah masih tidak memberi kerjasama yang sewajarnya kepada ADUN-ADUN kita. Sebagai ADUN yang bertanggungjawab, kita bukan sahaja duduk di bilik berhawa dingin dan tutup sebelah atau dua-dua belah mata malah kita selalu pergi *spot-check* dengan izin di institusi-institusi Kerajaan Selangor. Dukacitanya saya tidak nampak suasana dinamik di institusi-institusi tersebut. Pada pengalaman saya yang melawat ke sesetengah pejabat PBT, saya pernah menjumpai bilik yang menunjukkan tanda "ADA" pada pintunya yang bermaksud ada orang dalam bilik sedangkan tuan punya bilik itu, tidak berada di situ. Selain itu banyak kaunter-kaunter di dapati terbuka tanpa pegawai kecuali kaunter membayar kompaun serta cukai tanah yang begitu cekapnya. Masalah utama yang kita semua menghadapi di sini adalah aduan, aduan dan aduan. Kita sama ada tidak dilayani ataupun tindakan terhadapnya tidak begitu cekap. Untuk menyelesaikan masalah ini, sikap-sikap serta cara-cara pekerja bagi semua pegawai kakitangan Negeri Selangor mesti diperbaiki lagi. Haruslah kita semua ingat bahawa apabila kita mengumumkan Selangor Darul Ehsan sebagai negeri maju maksudnya termasuklah perkhidmatan pelanggan yang bertaraf negeri maju di semua pejabat PBT atau pejabat daerah. Sebagai pihak yang memainkan peranan penting dalam melaksanakan undang-undang dan dasar-dasar kerajaan tempatan, penguatkuasa-penguatkuasa PBT kita memang diakui amat rajin dalam kerja meronda atau memantau di kawasan mereka. Sebab itulah ramai pemandu kereta selalu mendapat saman dari majlis tempatan atas kesalahan lalu lintas akan tetapi apabila kami membuat aduan ke atas kes-kes seperti pembuangan sampah secara haram contohnya di Bukit Teratai dalam kawasan DUN Teratai. Aduan ini sudah dibuat sejak tahun lepas tapi tindakan tidak

diambil langsung oleh penguatkuasa dan kegiatan haram tersebut masih aktif sehingga hari ini. Satu lagi contoh yang menunjukkan ketidakcekapan PBT adalah tindakan terhadap restoran-restoran yang meletakkan kerusi meja di tempat letak kereta tepi jalan yang sibuk dengan lalu lintas. Walaupun aduan telah dibuat oleh Ahli-Ahli Majlis tempatan, jawapan yang kami terima dalam mesyuarat majlis ialah penguatkuasa telah pergi ke tempat tersebut setiap malam. Persoalan kami dalam kes ini adalah mengapa penguat kuasa boleh pergi tempat tersebut tanpa sebarang tindakan yang diambil dan biarkan masalah tersebut berlanjutan. Malahan apabila majlis berkenaan memutuskan supaya menarik balik lesen restoran yang terbabit, tindakan tidak diambil langsung. Kita semua ingin tahu apa sebenarnya yang berlaku dalam dan tindakan tatatertib yang boleh diambil terhadap penguatkuasa yang gagal menjalankan tugas mereka. Saya juga faham, kita Pakatan Rakyat menjadi sebagai kerajaan cuma tujuh bulan sahaja. Ada banyak isu-isu kita hendaklah mengupah dan juga kita juga nampak ada kelemahan-kelemahan. Akan tetapi saya rasa pihak kerajaan kita akan meneruskan kerja-kerja mereka supaya membetulkan semua kesalahan-kesalahan yang ada. Dan sini saya ha..ha..baru-baru dimaklumkan sahaja terhadap satu peruntukan yang saya mohon untuk membaik pulih cerun-cerun di Bukit Permai kawasan Teratai telah ditolak oleh pihak kerajaan di atas sebabnya bajet untuk tahun ini sudah habis. Saya di sini ingin mengesyorkan kerajaan supaya menggunakan sebahagian bajet luar jangkaan untuk memulakan sebahagian kerja sebab batu runtuh di kawasan Bukit Permai selalu sering berlaku dalam tahun ini sahaja sudah berlaku empat kes. Batu jatuh yang besar adalah sebuah kereta kancil, itu bukan batu yang kecil. Jadi ini amat merisaukan penduduk-penduduk dan saya juga. Walaupun tidak ada orang ramai dcederakan tetapi kita harus mengambil tindakan dengan serta-merta untuk mengelakkan tragedi yang berlaku. Itu sahaja ucapan saya hari ini, sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ya Tuan Speaker, Kampung Tunku.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara

**Y.B. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM** : Terima kasih, Kota Damansara ingin membahaskan ucapan pembentangan bajet 2009. Ha.. Terlebih dahulu mengucapkan tahniah pada Yang Amat Berhormat ke atas pembentangan bajet 2009 yang komprehensif dan holistik dengan izin. Di samping itu juga terus kita ambil kira teguran dari pembangkang supaya kita mengambil kira dan cuba mengatasi masalah ataupun mengemaskinikan keadaan. Sebelum saya pergi kat situ, haa.. semalam dan hari ini saya sudah mendapat publisiti yang tak di undang iaitu haa..gambar saya keluar dalam utusan tak pernah saya rasa gambar saya keluar dalam utusan haa dan seolah-olah saya ni bersalah sesak sangat agaknya ha.. nak menegakkan benang basah. Isunya adalah soalan yang diputar belitkan hingga seolah-olah ya pada masa itu soalan tiga belas saya soalan tambahan tapi keluar dalam surat khabar saya mencadangkan sesuatu. Saya ingin bertanya sama ada peruntukan atau pengagihan wujud untuk rakyat bukan Islam yang miskin. Saya percaya Yang Amat Berhormat telah menjelaskan di tempat lain. Kenapa saya menimbulkan masalah ini kerana peringkat awal semasa lepas pilihan raya, kami diberi taklimat oleh Zakat mengatakan orang bukan Islam pun ada pemberiannya, selepas itu ada yang kata tidak boleh, maka itu saya bertanya mendapatkan penjelasan apa sebenarnya, malah itu juga tidak pernah saya mencadangkan sesuatu kerana itu bukan hak saya dari segi ini..ha..dan saya juga telah merujuk kepada Al-Quran untuk mengetahui apa sebenarnya surah 9 Al-Taubah ayat 60 berkenaan dengan zakat dan juga kembali kepada Internet. Saya percaya

soalan yang saya tanya itu saya tidak bersalah bertanya mungkin haa.. Y.B.-Y.B. merujuk dan membuat tafsiran sendiri.

Berbalik kepada bajet, teras bajet selain daripada pembangunan ekonomi mengambil kira kebajikan rakyat merakyatkan ekonomi Selangor dianggapkan rakyat itu sebagai aset ye dengan izin supaya dapat melibatkan mereka dalam pembangunan negeri dan juga dikatakan bahawa kekayaan negeri dikongsi bersama dengan rakyat ya dan juga selepas pilihan raya memang kami ingin memperkasakan lagi rakyat dengan cara-cara tertentu hingga satu hari nanti mereka boleh memilih pemimpin-pemimpin yang berkaliber yang sanggup memperjuangkan hak. Sebagai seorang sosialis kami memang tertarik dengan bajet ini. Tetap menyokong segala program yang menguntungkan rakyat mengutamakan kebajikan rakyat. Kami juga memuji usaha Yang Amat Berhormat seorang korporat, memastikan ya kebajikan rakyat diambil kira, ini bukan senang bagaimana nak mengimbangkan keadaan setakat ini pada pandangan kami beliau berjaya melakukannya mengimbangkan antara ekonomi dan sosial. Tumpuan saya pada hari ini adalah lebih hala tuju pembangunan. Kini kita telah mengatur langkah untuk mengimplementasikan segala janji secara efisien dan berkesan kerana prestasi juga bergantung kepada cara kita mengimplementasikannya. Ini juga perlukan ketegasan politik kerana memang ada ketegangan antara dua-dua pihak dari segi perindustrian, dari ekonomi, dari segi sosial dan juga berharap bahawa imbalan amatlah penting dari segi pembangunan negeri dan juga pembangunan negara. Hubungan antara dua sifat yang bercanggah tapi saling membantu saling mempengaruhi seperti industri dan juga pertanian. Pada masa-masa yang lepas kita telah menumpukan eksport *oriented* hingga menyebabkan kita bergantung sangat kepada negara luar kalau Amerika bersin kita mendapat selesemannya dan kita mengabaikan pertanian hingga bila berlaku satu krisis kita bercelaru dari segi makanan dan bahan-bahan tertentu.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat masa sudah 1.00 tengah hari sila sambung selepas dewan ditangguhkan.

**Y.B. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM** : Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa sudah menunjukkan 1.00 petang maka saya tangguhkan dewan ke 2.30 petang. Dewan ditangguhkan

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

(Dewan di sambung semula pada jam 2.30 petang)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER** : Dewan disambung semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan dewan ini masih panjang dan ramai lagi ahli yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan dan pembentangan 2009 maka dewan ini perlu disambung sehingga 6.30 petang bagi meneruskan perbahasan ini. Dengan ini saya mempersilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya mengemukakan satu usul yang berbunyi sebagai berikut: Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut syarat perenggan 11 dalam peraturan tetap Dewan Undangan Negeri Selangor, hendaklah menyambung persidangan pada hari ini sehingga jam 6.30 petang.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul dipersetujui. Dipersilakan Kota Damansara.

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Sebelum ini saya menyebutkan pada tidak seimbangan antara industri dan pertanian di mana kita melakukan sesuatu dan mengorbankan yang satu lagi. Harapan kita (dengan izin) '*It is not this or that, but this and that*'. Dengan cara itu kita dapat saling membantu dari segi sifat-sifat tersebut. Bermakna juga imbalan ini berterusan Tuan Speaker mencari imbalan dan kesinambungan antara Persekutuan dan Negeri walaupun kita dari ucapan, kita dapat tahu bahawa Persekutuan memungut 30 bilion cukai dan kita juga pertikaikan dari segi pulangan pada negeri tidak memuaskan. Juga antara ekonomi dan sosial juga disebutkan bahawa Kerajaan Negeri sekarang lebih *people oriented* dan bukan *profit oriented* walaupun kita kena ambil kira kedua-duanya untuk membangunkan negeri. Ini berterusan dari segi teori dan amalan memperkayakan ilmu analisis dan pengalaman bermaknanya pendek kata kena turun padang lah. Juga isu jangka pendek, jangka panjang, hubungan antara bandar dan luar bandar. Tuan Speaker, apabila mengkaji bajet 2009 saya rasa kita tertinggal dari segi peruntukan dalam bajet tentang sekolah rendah Tamil, sekolah rendah cina, sekolah menengah persediaan cina dan saya sokong sepenuhnya Y.B. Teratai, Sekinchan dan Bukit Antarabangsa dan mohon peruntukan dalam RM10 juta supaya tetap dan ini amat penting menunjukkan hubungan kita menunjukkan keikhlasan kita kerana pada masa-masa lepas ini hanya janji-janji saja. Kita nak tetapkan supaya sentiasa mendapat peruntukan dan juga seperti mana yang telah diperkatakan oleh Bukit Antarabangsa '*we can learn a lot from each other*' (dengan izin). Maka itu juga dalam bajet kita menumpukan berkisar kepada mengatasi masalah sosial, ekonomi, budaya khususnya dari segi kemiskinan, produktiviti, alam sekitar, jenayah, salah guna dadah, fanatik keagamaan, kesihatan, kepincangan dalam keluarga dan seterusnya mungkin kita dapat kaitkan lagi dari segi *expect spies* yang telah disebutkan dan spiritual fizikal, intelektual, emosi dan juga sosial. Sering kali juga tumpuan tu adalah masalah individu. Soalnya,

kenapa masalah ini masih tidak dapat diatasi? Maknanya masalah ini masih berpanjangan dan masih tidak dapat diatasi. Mungkin lebih teruk lagi. Seolah-olah sudah menjadi satu hukum alam. Mungkin kita tidak mendalami sistem pembangunan hubungan yang ada di dalam negara kita ini yang menghancurkan kemanusiaan dan persekitaran. Dan ini telah kita ambil kira dari segi alam sekitar dan seterusnya iaitu sistem kapitalis sendiri sistem yang mendewa-dewakan keuntungan, kuasa, pangkat, acuan yang menindas rakyat dan memerah tenaga rakyat untuk mendapatkan keuntungan yang berlipat ganda. Saya juga dapat merujuk dari segi visi ataupun misi hala tuju perancangan pembangunan hubungan tiga hala iaitu pencipta, manusia dan alam. Tiga-tiga ini telah dicabuli, mempertuhankan kepada keuntungan, menindas rakyat menyebabkan mereka miskin dan menjatuhkan harga diri maruah diri, pencemaran yang menjejaskan kesihatan dan merosakkan alam sekitar kerana kita mengharap sangat pada alam sekitar untuk kehidupan kelangsungan kita. Kita pula seolah-olah sedang menerima penindasan di tempat kerja termasuklah kemiskinan sebagai hukum alam ataupun hakikat alam tidak boleh pertikaikan seolah-olah kita telah menjadi penindasan dan kemiskinan suatu *abstract and abstraction*. Kita tidak menjiwai, tidak merasai bahawa orang yang miskin itu merana, mengalami pelbagai tekanan yang pekerja ditindas. Kita mungkin sebut penindasan kemiskinan, tetapi kita tak menjiwai mereka yang mengalami tekanan tersebut. Maka kita secara langsung dan tidak langsung menumpu perhatian cuba mengatasi gejala-gejala penindasan yang berpunca dari sistem kapitalis dan kita tidak lagi mempertikaikan punca penyelesaian itu iaitu sistem kapitalis sendiri yang menular sebagai penyakit kanser yang memakan diri sendiri. Bajet 2009 juga telah membincangkan tentang kemiskinan. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana berani mentafsirkan semula pendapatan garis kemiskinan dengan meletakkan garis kemiskinan 1,500 dan kita tahu bahawa 30 peratus penduduk di bawah garis kemiskinan. Kita berani mengalami menghadapi cabaran baru walaupun kita boleh menggunakan indeks yang dulu dan goyang kaki dan rasa senang hati tetapi kita menerima cabaran dan maju ke hadapan untuk memberi untuk menolong rakyat-rakyat kita. Kajian serantau juga telah mendedahkan bahawa jurang perbezaan antara kaya dan miskin di Malaysia iaitu menggunakan '*genuine profession*' bahawa Malaysia ini kalau di Asia Tenggara nombor satu dan Asia nombor dua. Bermaknanya di dalam Malaysia ini yang kaya menjadi lebih kaya, yang miskin papa kedana. Dan cuba kita bayangkan dengan ekonomi yang tidak menentu, harga minyak naik barangan naik, harga minyak turun barangan tak turun dan makanan dijanjikan turun selalunya tak turun. Kita harap akan turun. Maka itu juga tugas kita adalah amat besar, kita akan menghadapi cabaran ini menerima teguran dan maju ke hadapan. Kerajaan Selangor dari dulu mengharapkan sangat agar syarikat-syarikat ternama ataupun kapitalis dapat membantu memajukan Negeri Selangor melalui pemberian tanah, *join venture* tender penswastaan. Kita sedar kita rasa kecewa sebahagian besarnya tidak membantu kita, tidak menguntungkan rakyat tapi membesarkan poket golongan kapitalis dengan konco-konco mereka. Maknanya kita harapkan pagar, pagar makan padi. Maka itu negara Selangor sekarang telah terpaksa mengambil alih dan membuat sesuatu yang saya lebih mengatakan merakyatkan syarikat. Semangat merakyatkan syarikat pula harus bermula dari kita iaitu syarikat-syarikat milik Kerajaan, GLC (dengan izin) *Government Link Companies* memberi teladan bagaimana Kerajaan Negeri Selangor dapat merakyatkan syarikat-syarikat. Cadangan saya mewujudkan minimum *wage* dalam syarikat-syarikat ini seperti Syarikat *State Secretary Corporated*, PNSB, PKPS, PKNS menyediakan tabung pengangguran andainya mereka dibuang kerja disebabkan tertentu supaya mereka dapat bertampung hingga mendapat kerja baru. Mengutamakan kebajikan insurans dan keselamatan yang kita sedang lakukan dan juga pekerja dicadangkan untuk memiliki saham dalam

syarikat-syarikat seperti ini dengan harapan bahawa menjadi teladan, model untuk syarikat-syarikat lain mengikuti kerana ini kita boleh menguasai kalau kita dapat menunjukkan kemampuan kita, kita dapat menunjukkan bahawa apabila kerja pekerja merasa selesa dalam tempat kerja mereka akan memberikan sumbangan yang lebih luar biasa kerana mereka dapat merasai bahawa syarikat itu adalah syarikat mereka. Bukan hanya pergi kerja dan balik. Maka itu juga Tuan Speaker, saya ingin hanya menyentuh sedikit berkenaan pengalaman kami selama 40 tahun berkhidmat dengan masyarakat dan beberapa bulan sebagai ADUN tentang masalah peneroka bandar, kilang, ladang, petani, sektor perkhidmatan, sektor (maaf) pembinaan orang asal menimbulkan senario-senario tertentu yang kita dapat rumuskan kerana akhirnya dalam pandangan kami ada dua perkara iaitu masalah sosial dan masalah penindasan. Ianya saling menghubungi saling mempengaruhi. Kerana kami percaya bahawa hubungan di tempat kerjalah menjadi punca menyebabkan berbagai-bagai-bagai masalah yang timbul kerana kalau kita lihat bahawa dalam negara kita ini apabila kita mengatakan rakyat ataupun kita kata kerja mereka adalah rakyat yang produktif yang tidak produktif adalah mereka orang tua, anak-anak yang dibiayai oleh keluarga mereka yang bekerja dan mereka mengambil masa yang panjang. Satu pertiga hidup mereka mungkin lebih untuk cuba menampung hidup keluarga mereka. Dan hubungan ini dengan majikan ataupun kapitalis adalah siapa yang menguasai teknologi, siapa yang menguasai kapital dan ini juga *who owns of control* (dengan izin) sama ada *local foreign* dari segi teknologi dan seterusnya. Dan hubungan ini menimbulkan berbagai-bagai masalah kerana hubungan ini adalah hubungan yang menindas. Kerana dengan penindasan sahaja barulah mereka dapat keuntungan dan ini imbalan mereka kena laporkan kalau gaji lebih bermaknanya untung rendah. Dan oleh kerana undang-undang tidak seketat itu, maka selalunya pekerja menjadi mangsa, menjadi sasaran hingga minimum *wage* pun tidak ada hingga masalah kesihatan, kebajikan tidak ada, masuk mahkamah pun lambat sangat kerana orang yang berpengaruh (kapitalis) dapat mempengaruhi berbagai-bagai peringkat. Maka itu juga kita mengatakan bahawa akibat dari hubungan ini hubungan penindasan. Penindasan ini dua cabangnya. Satu keuntungan, satu kemiskinan. Dan keuntungan inilah yang mereka berkembang, mengembang syarikat mereka, membeli *new industry* dan seterusnya. Dan di sini juga oleh kerana mereka berkembang dari segi *free competition* akhirnya mereka nak monopoli dengan apabila mereka dapat memonopoli industri tertentu mereka boleh menentukan harganya dan akhirnya orang tak membeli, orang susah nak membeli, timbul krisis. Bermaknanya krisis yang dilihat ini adalah krisis kapitalis. Tiap-tiap kali putarannya kurang kapitalis banyak harta mereka. Kerana mereka juga bersaing antara mereka merebut selain daripada menindas. Maka itu juga, kita dapat lihat bahawa oleh kerana hubungan antara majikan dan pekerjanya amat berat sebelah, kita mengharap Kerajaan untuk datang mencelah untuk membantu mengimbangkan hubungan antara kapitalis dan juga pekerja ini tidak dapat dilakukan. Maka itulah pekerja-pekerja membentuk kesatuan dan apabila pekerja membentuk kesatuan, majikan pula hendak membentuk kesatuan. Apabila dua-dua membentuk kesatuan, kerajaan terasa terlepas kerana tahu ini adalah hubungan ekonomi dia pun nak masuk terlibat sama maka kita dapat tiga penjuror kerajaan *union employer* dan juga *workers union* apa yang kita panggil *aparteid*. Ada kalanya tiga-tiga menghentak pekerja kerana *union* juga boleh berpaling tadah. Ini juga yang menjadi masalah di mana kita juga merasakan bahawa perkara seperti ini harus kita ambil kira kerana apabila mereka sudah miskin ataupun dari segi fizikalnya di tempat kerja, kerja susah, masalah kesihatan, perumahan mereka duduk di kawasan peneroka bandar setinggan, diburu macam orang pelarian dan sekarang kita berharap tidak berlaku lagi dan sekarang memang sukar kerana nak mempertahankan hak masyarakat peneroka bandar. Dan juga dari segi aspek mentalnya di atas tekanan kerana di tempat kerja

mereka dianggap sebagai robot tidak mahu daya pemikiran mereka, kita hanya picit butang, picit suis, picit besi dan seterusnya untuk mengerakkan jentera. Maka mereka juga tertekan di tempat kerja. Nak pergi tempat kerja lain ceritanya lebih kurang sama dan mungkin lebih teruk. Ini kita panggil tekanan yang mereka alami. Pengasingan yang mereka alami dan ini akan menimbulkan masalah, masalah di tempat kerja berdendam marah sangat, tak boleh marah bos nanti kena buang kerja, balik rumah anak buat masalah sikit pukul sampai teruk-teruk. Terbawa-bawa bila begitu berlaku, puak lelaki dan puak perempuan ada saudara-mara dia dah berentap keluar dalam mahkamah pergaduhan keluarga tapi ada kaitan dengan punca dari segi masalah keluarga dan juga akibat dari tekanan ini ada yang melalui proses *depression* dengan izin ada yang bermasalah dari segi menjadi fanatik kerana mereka mengharapkan pucuk pimpinan sebagai pemimpin membimbing mereka tetapi pucuk pimpinan dari segi *corruption*, dari segi arak, dari segi segala-galanya hingga menyebabkan mereka tidak tahu cara lain, mereka putus harapan. Andainya ada pemimpin lain di bawa ke jalan yang betul Alhamdulillah. Kalau tidak berlakulah sesuatu masalah di mana mereka akan diputarbelitkan dan menjadi masalah. Dalam tekanan seperti ini timbul pula golongan opportunist yang mengeksploitasi keadaan. Seperti ibu ayam, seperti apa yang kita panggil *pushers* (dadah), apa yang program katakan *get rich fast* dengan izin dan ada juga menggunakan keadaan ini untuk *political mileage* kerana mereka menggunakan kesengsaraan rakyat untuk mendapatkan sesuatu. Semua ini berlaku dalam masyarakat kita dan kita memang berharap bahawa Yang Amat Berhormat mengambil kira supaya kita dapat mengimbangkan antara tekanan di tempat kerja dan masalah sosial dan juga bagaimana pekerja diguna untuk mendapatkan keuntungan dan seterusnya. Juga pengalaman kami yang lepas memang menyedihkan kerana kami dapat tahu dan kami mengalaminya kena tahan pun dah biasa, kena pukul pun dah biasa bahawa masyarakat peneroka bandar sering kali pada masa dulu di estet juga mengalami tekanan. Tekanan kerana mereka tahu dalam keadaan yang amat genting mereka tidak ada kawan, mereka terpaksa bersatu antara satu dengan yang lain mengharapkan orang politik tak jadi, mengharapkan Pejabat Tanah tak jadi, mengharapkan polis tak jadi kerana kuasa di peringkat atas di mana mengatakan bahawa yang kaya menggunakan orang politik, menggunakan agensi kerajaan bersekongkol untuk menghentam golongan pekerja, golongan miskin kerana golongan miskinlah sumber keuntungan kepada mereka dan dengan itulah mereka dapat berkembang tapi rakyat menderita. Di sini sahaja. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Melawati.

**Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya amat berbangga ke atas tindakan yang telah diambil oleh kerajaan pakatan negeri Selangor dengan menaikkan paras pendapatan garis kemiskinan kepada RM1500 sebulan. Ini membuktikan kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor adalah peka dan tidak lagi mahu lari daripada keadaan yang sebenarnya. Paras kemiskinan rakyat negeri Selangor kini dalam lingkungan 30% seperti yang dikatakan oleh Menteri Besar adalah lebih realistik dan tepat. Tindakan perlu diambil untuk mengatasi masalah ini dengan seberapa segera dan mungkin untuk mengurangkan rintangan dan tangisan para rakyat yang ada dalam kemiskinan. Ada organisasi-organisasi yang telah diwujudkan oleh kerajaan untuk menghulurkan tangan kepada pemiskin. Barangan keperluan diberi atau bantuan berbentuk wang diberi. Sungguhpun organisasi dibangunkan untuk tujuan membantu orang miskin tetapi adakah organisasi seperti ini efektif dalam membasmi kemiskinan. Selagi bantuan kewangan yang diterima oleh orang miskin yang tiada hala tuju atau bantuan barang keperluan adalah *short-term reliefe* sahaja bukan

penyelesaian jangka masa panjang. Kita mesti lengkapkan orang ini dengan kemahiran tertentu supaya mereka berdikari dapat menjaga diri dan keluarga mereka masing-masing.

Tuan Speaker, hasrat kerajaan negeri Selangor menggalakkan keusahawanan dan mewujudkan zon-zon industri kecil dan sederhana adalah strategik dan program ini akan membantu satu golongan kecil orang yang termasuk dalam golongan kemiskinan. Tuan Speaker masih timbul keraguan dalam diri saya tentang bilangan orang miskin yang akan manfaat daripada program ini. Ini adalah kerana pemohon kredit tidak mudah dapat kredit atau pinjaman dari bank. 100 soalan yang perlu dijawab. Mereka diminta mencari penjamin atau *security*. Ramai antara orang miskin tidak dapat menunaikan keperluan ini dan akhirnya gagal menerima kredit. Mereka kecewa dan putus asa.

Tuan Speaker, rekod dunia menunjukkan bahawa 94% pendapatan dunia dinikmati oleh 40% orang. Manakala baki 60% orang pegang sahaja 6% pendapatan dunia ini. Serupa juga keadaan dalam negeri Selangor. Didapati ada rakyat Selangor yang memperoleh pendapatan kurang dari RM300 sebulan. Ini bermaksud RM10 sehari sahaja atau kurang dari RM10 sehari sahaja. Bayangkan kualiti hidup mereka ini.

Tuan Speaker dalam tahun 2000 pemimpin-pemimpin Bangsa-Bangsa Bersatu berkumpul kali pertama dan berjanji akan kurangkan kemiskinan dunia 50% sebelum tahun 2015. Sekarang selepas 8 tahun kadar pencapaian matlamat ini agak mengecewakan. Dan perjanjian ini masih dalam bentuk perjanjian sahaja. Serupa juga keadaan dalam negara Malaysia. Tuan Speaker, ini *free market* ekonomi yang digunakan oleh kebanyakan negara-negara dunia ini berdasarkan konsep yang miskin tak layak buat *business*. Orang miskin tak akan bayar balik pinjaman. Konsep ini dibuktikan salah oleh Profesor Mohd Yunus yang memulakan Bank Grameen Bank di Bangladesh. Seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa tadi. Hasil usaha Mohd Yunus diiktiraf dan beliau dipilih sebagai pemegang *Nobel price* 2006. Beliau adalah seorang pemurah yang telah prihatin terhadap masalah kemiskinan di negaranya. Dengan niat membantu orang miskin beliau telah bersungguh-sungguh mencari jalan dan telah berjaya menghasilkan Bank Grameen Bank ini memberikan mikro kredit, kredit kecil-kecil ini diberi tanpa sebarang penjamin dan *security*, mudah dapat; ramai yang dapat. Sistem Bank Grameen membuktikan orang yang berpendapatan rendah memulangkan pinjaman seperti dalam perjanjian. 99% peminjam bank telah dan sedang memulangkan pinjaman mereka. Satu faktor yang *interesting* ialah 95% pinjaman yang diberi adalah kepada kaum wanita iaitu ibu tunggal dan sebagainya. Dengan tidak adanya masalah hutang-hutang lapuk dana tersebut dapat digunakan berulang kali. Lebih dari 7 million orang telah menikmatinya. Ramai telah keluar dari kemiskinan. Tuan Speaker, kita juga boleh memperkenalkan sistem yang sama di negeri Selangor. Kerajaan Selangor boleh tubuhkan satu *non-profit micro credit bank* untuk menolong kaum miskin dengan dana permulaan beri peruntukan lebih kurang 20 atau 30 million ringgit, dalam tahun 2009. Bank ini boleh beri pinjaman dari RM100, RM500 kepada orang yang berminat nak buat kuih-kuih, kek, atau kepada yang berminat menternak ikan, kambing, lembu; yang nak membaiki basikal, motosikal. Kaum nelayan yang nak membaiki enjin; untuk perniagaan kecil dan sebagainya. Ada seratus lebih perniagaan yang mereka boleh mulakan. Dengan ini kita ajar kaum miskin jadi *entrepreneur* atau ahli perniagaan. Mikro kredit bank yang saya cadangkan ini, beri kepada NGO sosial untuk diuruskan. Bila Bangladesh boleh berjaya dalam hal ini, saya berasa dan saya yakin kaum miskin dalam Selangor ini akan berusaha untuk menjayakan projek ini. Dengan satu mekanisme peminjam-peminjam ini yang jadi

pemegang syer dalam bank ini. Kita boleh cari satu jalan untuk majukan begitu. Dengan itu saya menyokong belanjawan 2009. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana telah beri peluang untuk saya membahaskan bajet 2009. Oleh kerana saya tidak berucap di sidang pertama ia telah jadi satu isu satu topik ucapan kepada rakan-rakan saya di mana-mana perhimpunan. Tuan Speaker, sebelum saya hendak pergi pembahasaan saya, saya sokong usul daripada Teratai supaya Kerajaan Negeri memberi sokongan RM10 juta kepada sekolah Cina, sekolah Tamil. Itu adalah satu tindakan yang kami setuju kerana tuan-tuan dan puan-puan, Yang Berhormat memang dibela oleh Barisan Nasional di bawah pendidikan dulu. Tuan Speaker, tidak dinafikan sektor perindustrian merupakan komponen utama menyumbang kepada perkembangan ekonomi sesebuah negara dan negeri. Tidak dinafikan juga kemasukan pelabur-pelabur luar yang berjumlah berbilion ringgit di Negeri Selangor ini adalah usaha komitmen dan kerja keras kerajaan terdahulu di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional ketika itu. Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah Negeri Selangor ketika itu telah membuktikan dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada pembangunan negeri kemajuan dan kesejahteraan kehidupan rakyat. Tuan Speaker, pada tahun 2006 sebanyak 312 projek telah diluluskan oleh kerajaan. Pada tahun 2007 jumlah projek yang diluluskan adalah 318, jumlah modal pelaburan Negeri Selangor pada tahun 2006 ialah RM5,380,384,318. Jumlah ini meningkat kepada RM11,180,450,369.00. Pelaburan ini kemudiannya telah mewujudkan 35 ribu peluang pekerjaan untuk rakyat Selangor ini fakta. Soalnya bolehkah kerajaan negeri pada hari ini meningkatkan jumlah pelaburan asing atau setidak-tidaknya mengekalkan prestasi pelaburan sedia ada. Tindakan dan perancangan yang kita buat seharusnya menyokong kepada usaha meningkatkan nilai pelaburan ini saya tidak melihat dalam bajet peruntukan yang jelas berapa untuk melaksanakan aktiviti menarik pelabur-pelabur lawatan misi perdagangan misalnya atau sebagainya. Apakah tindakan kita yang konstruktif untuk menarik pelaburan asing atau tempatan ini. Sebaliknya apa yang dilakukan sekarang ialah kita menjadikan pelabur-pelabur asing takut untuk datang melabur. Apa yang saya maksudkan ialah kerajaan telah menghancurkan siri-siri demonstrasi. Demonstrasi-demonstrasi ini telah menyebabkan huru-hara dan menjadi keadaan dalam masyarakat tidak stabil. Sekali gus tidak merangsang pertumbuhan ekonomi dan ini pelabur asing untuk melabur.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baharu, Kampung Tunku minta penjelasan.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Saya nak teruskan.

**TUAN SPEAKER** : Tidak dibenarkan.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Kerana ini kali pertama...*please*.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ok...ok...bagi *chance* sikit *first time*.

**TUAN SPEAKER** : Mungkin dia nervous sikit lah.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Pada 14 April 2008 berlakunya perhimpunan yang dinamakan sebagai Perhitung Masa Hari Black 14 ke arah kemenangan rakyat di

Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Menteri Besar Selangor juga hadir tapi perhimpunan itu diarahkan ditamatkan lebih awal. Betul ye? Kemudian pada 06 Julai 2008 bertempat di Stadium MBPJ, Kelana Jaya dianjurkan pula perhimpunan protes Sejuta Rakyat untuk memprotes kenaikan harga minyak.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Seri Setia minta laluan.

**TUAN SPEAKER** : Sama-sama orang baru tak boleh ke?...

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Tak nak. Hendak teruskan, teruskan.

**TUAN SPEAKER** : Ok teruskan.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Kononnya untuk memprotes kenaikan minyak. Kita semua tahu bahawa perhimpunan tersebut telah meninggalkan kontroversi yang memuakkan dengan adegan-adegan '*long hair*' seluar, lodeh seluar. Baru-baru ini 16 September 2008 berlaku lagi perhimpunan atas nama Perhimpunan kerana Sambutan Hari Malaysia di Stadium MBPJ, Kelana Jaya. Kita menyaksikan pada tarikh tersebut membetulkan kerajaan baru Malaysia oleh Pakatan Rakyat yang tidak berlaku. Keseluruhannya kerajaan negeri sendiri menjadi penganjur secara langsung atau tidak langsung terhadap siri-siri bantahan perhimpunan demokrasi ini. Tuan Speaker, bagaimana di peringkat pelaksanaan sektor perindustrian dapat dikembangkan oleh kerajaan bawah Pakatan Rakyat jika Pakatan Rakyat sentiasa menimbulkan keghairahan yang tidak menentu dan mengganggu gugat kestabilan politik negara. Rakyat mengetahui pelabur-pelabur luar juga mengetahui kerajaan pimpinan Pakatan Rakyat sangat berminat mengganggu gugat kestabilan politik dan keamanan negara. Dengan menimbulkan dan mencetuskan beberapa isu politik bagi menarik perhatian rakyat agar bersimpati dengannya. Tuan Speaker, pada Parti Keadilan Rakyat suka bermain politik dengan menipu rakyat, menakut-nakutkan perang poster memberikan gambaran yang buruk kepada pelabur dalam atau luar negara. Dengan kenyataan beliau akan menjadi Perdana Menteri seperti dicanangkan melalui gimik politiknya. Tuan Speaker, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat tindakan beliau yang ingin merampas kuasa melalui helah politik menimbulkan keadaan tidak menentu pada permulaannya. Ia memberikan impak yang tidak baik kepada perkembangan ekonomi, kestabilan dan keamanan negara. Adakah tindakan beliau ini seperti anak kecil dapat memberi keyakinan dan dapat menarik pelabur baru di negara ini. Ketika kestabilan kerajaan Pakatan Rakyat yang tidak sehaluan dalam menyelesaikan beberapa isu rakyat menyebabkan pelaburan pelabur luar asas gusar dan curiga untuk melabur di negeri ini. Cara kerajaan Pakatan Rakyat yang tidak bijak menangani isu-isu rakyat yang berbilang kaum keamanan boleh diragui pelabur-pelabur dalam dan luar negeri mengambil keputusan melabur di negeri lain. Kerajaan Pakatan Rakyat tidak ada pengalaman mengurus dan tidak bijak melaksanakan pembangunan ekonomi menyebabkan pelabur-pelabur belum berminat mengembangkan atau mengambil sikap tunggu dan lihat. Kerajaan pimpinan Pakatan Rakyat tidak terus dan peka kepada kehendak pelabur-pelabur sentiasa membangkit demonstrasi atau tunjuk perasaan jalan dan akhirnya minat pelabur akan menjadi lebur.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker, minta laluan.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi ....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Singkat saja, singkat saja.

**TUAN SPEAKER** : Nanti. Nanti. Yang Berhormat, Kuala Kubu Baharu nanti....Yang Berhormat, Speaker cakap ini...boleh bagi laluan kepada Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Sedikit saja.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Ok..ok...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Sedikit saja. Saya nak tanya satu soalan. Adakah Yang Berhormat menyatakan tentang demonstrasi tunjuk perasaan adakah Yang Berhormat juga merujuk kepada demonstrasi seperti demonstrasi khinzir, demonstrasi UiTM, adakah Yang Berhormat juga bermaksud demonstrasi-demonstrasi ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Ya. (dewan ketawa dan menepuk meja) Usaha-usaha kerajaan negeri bagi menarik pelabur-pelabur dalam industri teknologi tinggi baru seperti teknologi solar hanya gimik politik sahaja. Kita tidak nampak usaha-usaha kerajaan Pakatan Rakyat untuk membangunkan R&D, penyelidikan dan pembangunan serta menyediakan pembangunan sektor tersebut. Pakatan Rakyat hanya menumpukan memainkan sandiwara politik sahaja. Sepatutnya ini masa menjalankan tanggungjawab dan menumpu perhatian kepada pembangunan negeri dan kemajuan kehidupan rakyat. Jika inilah cara ditunjukkan saya yakin kerajaan Pakatan Rakyat akan gagal merancang pertumbuhan ekonomi negeri melalui sektor perindustrian. Saya amat meragui dan musykil kerajaan negeri menyatakan akan menarik pelaburan baru berjumlah lebih 12 bilion setahun ianya merupakan gimik kenyataan sahaja. Jika ini berterusan ia akan membuat pelabur-pelabur luar negara tidak berminat untuk melabur kerana keadaan politik yang tidak stabil dan di cetus oleh Pakatan Rakyat. Tujuh bulan pilihan raya telah berlalu sepatutnya Pakatan Rakyat menumpukan sepenuhnya tanggungjawab dan tugas membangunkan negeri dan memajukan pendapatan rakyat. Ini peringkat persekutuan dan negeri Pakatan Rakyat sentiasa tidak mewujudkan kesefahaman dalam banyak isu-isu rakyat. Dalam pasaran ekonomi global akan wujud persaingan di antara negara. Keadaan negara yang tidak stabil akan menyebabkan pelabur-pelabur akan berhijrah ke negara lain seperti di China, India, Indonesia, Thailand, Kemboja, Vietnam dan lain-lain negara yang menawarkan kestabilan politik. Pasaran tempatan yang luas kos buruh yang begitu rendah. Saya juga berpendapat ....

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Laluan.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Tadi Yang Berhormat sebut tentang India, Utara India itu di bahagian Uttar Pradesh termasuk di Tamil Film adanya kelompok Kashmir dan sebagainya yang jauh lebih bahaya daripada keadaan di Malaysia. Namun mereka boleh juga memacu ekonomi. Jadi apa pandangan Yang Berhormat termasuk juga di Korea yang telah memulihkan ekonomi lebih pantas. Atau kita lihat demonstrasi yang berlaku di Korea sepuluh kali malahan lebih dua puluh kali ganda lebih tinggi daripada yang ada di Malaysia. Jadi apa pandangan Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Itu hanyalah satu pandangan Yang Berhormat, jika saya pergi negeri Cina, rakan Cina cakap juga. Kalau datang Selangor bahaya jangan

turun sampai Kastam saja bagi masalah lah. So, itu pandangan mengapa India boleh bersaing dengan Malaysia kerana mereka mengadakan penduduk yang begitu ramai.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Teratai minta laluan.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Ok.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Terima kasih. Tadi Yang Berhormat sebut nampaknya orang Cina tidak mahu datang ke Selangor untuk membuat pelaburan. Adakah ini kerana Barisan Nasional menahankan EXCO kita dengan menggunakan ISA. Itulah yang menakutkan pelabur-pelabur asing. (dewan menepuk meja)

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Itu ISA hanya menghadap kepada 'Citizen' rakyat kita. ISA bukan untuk orang pendatang dari negara Cina. Kalau negeri Cina datang sini tujuan untuk mencari kekayaan saja bukan politik itu sebab. Saya nak teruskan.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Batu Caves minta laluan.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : No. Sudah. Saya juga mendapat aduan daripada pelabur-pelabur kerajaan negeri mengamalkan masalah memproses dan birokrasi tidak berubah. Masalah tanah pelan perancangan, kelewatan kelulusan teknikal dan pembangunan. Kelulusan juga perlu melalui tujuh jabatan. Jika satu jabatan dua puluh ulasan, 114 ulasan akan dibuat. Permohonan yang sukar dan lewat keadaan ini jika berterus akan memberikan ruang dan boleh membawa menyalah guna kuasa dan terdedah kepada gejala rasuah. Kerajaan Pakatan Rakyat telah mengadakan Selangor Industri SSIC. Soalan saya, berapakah kes yang telah diselesaikan bagi membawa pelabur luar dan berapa tunggu masa yang diambil bagi menyelesaikan. Berapa jumlah pelaburan yang Kerajaan Negeri perolehi di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil pendekatan dengan menyumbang sebanyak lima kilo beras kepada setiap rakyat yang tidak kemampuan miskin. Sumbangan lima kilo tersebut hanya dapat menampung untuk lima hari sahaja. Hari-hari berikut bagaimana? Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat harus memikirkan bagaimana menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat negeri dan tidak bergantung kepada pekerja asing. Agenda merakyatkan ekonomi Selangor menjadi pendekatan kerajaan Pakatan Rakyat. Adakah agenda merakyatkan ekonomi Selangor akan ditukar kepada agenda meranapkan ekonomi Selangor kerana akan timbul unsur-unsur tidak sihat hala tuju kerajaan Pakatan Rakyat. Soalan saya mengapa skim takaful untuk warga tua bantuan untuk pelajar memasuki IPTA tidak diberi secara menyeluruh kepada rakyat yang layak. Ini telah menimbulkan kekecewaan rakyat kepada kerajaan Pakatan Rakyat yang seolah-olah pilih kasih dan memilih bulu. Langkah kerajaan negeri memberi hak monopoli industri pasir ....

**TUAN SPEAKER** : Ya, Yang Berhormat Seri Setia minta laluan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Adakah Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu kecewa kerana beliau tidak layak menerima bantuan-bantuan tersebut?

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Tidak, kerana saya sering juga memberi bantuan kepada rakyat saya. Langkah kerajaan negeri memberi hak monopoli industri pasir dan bantuan kepada kumpulan Semesta Sdn Bhd yang monopoli industri pasir dan bantuan di Semesta Alam Sdn. Bhd. di Negeri Selangor ini akan mengurangkan risiko berikut.

Penyelewengan produk tidak telus, hilang kawalan tempoh masa terdedah kepada gejala rasuah, penyelewengan sumber, keuntungan satu pihak sahaja syarikat. Apakah langkah tindakan Kerajaan Negeri bagi membendung gejala ini akan berlaku? Tidak melaksanakan projek-projek hartanah secara usaha sama atau menjual tanah secara terus atau kerajaan sendiri yang membangun hartanah tersebut. Tindakan Kerajaan Negeri ini hanya akan melambatkan kerancakan perkembangan ekonomi dan pembangunan negeri. Tindakan ini akan mengurangkan kutipan cukai kemampuan kewangan kerajaan akan terjejas, pembaziran wang rakyat, terdedah kepada gejala rasuah dan penyelewengan di peringkat pelaksanaan. Bajet kerajaan terdahulu adalah menumpukan agenda perindustrian dan ekonomi kerana ianya memberi sumber kewangan kepada kerajaan dan rakyat mendapat peluang-peluang pekerjaan, seterusnya kebajikan rakyat terbela, apakah tindakan kerajaan negeri bagi merancang perkembangan ekonomi dan kebajikan keseluruhan rakyat terbela. Dalam ucapan bajet 09, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' MB ada menyatakan Selangor maju bukan kerana posisi dan dasar kerajaan Barisan Nasional dahulu, ini menunjukkan beliau tidak mengikut perkembangan semasa dan ketinggalan. Tuan Speaker, kepimpinan kerajaan Barisan Nasional ketika itu menjalankan usaha menarik pelabur, menyediakan segala infrastruktur, kerjasama korporat telah menjadi negeri Selangor menjadi tumpu pelabur kerana pelabur tidak akan datang bergolek tanpa tidak usaha. Usaha Barisan Nasional ketika itu telah memewahkan rakyat Selangor tetapi kerajaan Pakatan Rakyat hanya pandai bercakap sahaja, cukup hanya memberi 5 kilo beras, itu sudah dikatakan mewah baginya. Sebelum saya nak akhirkkan ucapan saya, sebagai 1 wakil rakyat telah dihalakan kesalahan sekepala kerajaan Pakatan Rakyat yang telah berjanji menurunkan cukai pintu sebanyak 20%. Tetapi sehingga kini tiada penurunan dibuat. Rakyat amat berharap ianya dapat dilaksanakan pada awal tahun 2009 ini. Kini kerajaan Pakatan Rakyat seolah-olah menggalakkan banyak rumah-rumah urut dan pusat-pusat hiburan.

Soalan saya, adakah ini satu industri baru dan kutipan cukai hasil kerajaan Pakatan Rakyat yang baru? Kerajaan Selangor Pakatan Rakyat tidak mengisytiharkan wujud JKPP dan peranannya kepada rakyat. Saya mendapat maklumat ramai komuniti rakyat mengiktiraf kewujudan JKPP kerana ada di antara JKPP tidak memainkan peranan aktif kepada komuniti penduduk setempat, kerap menghilangkan diri dan tidak duduk di kawasan kampung.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Minta laluan.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Bukit Antarabangsa minta laluan.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih. Saya dengar Yang Amat Berhormat Kuala Kubu Bahru *concern* tentang industri rumah urut yang kononnya sedang dipopularkan oleh kerajaan Pakatan Rakyat. Saya setuju *concern* ini perlu diberi perhatian, tetapi kalau benar Yang Berhormat begitu prihatin soal masalah sosial ini, bagaimana Perhimpunan Agung MCA baru-baru ini boleh mengangkat Chua Soi Lek sebagai Timbalan Presiden. Saya tidak membuat tuduhan tetapi mungkin kerana dianya kuat, sihat ya, diangkat menjadi sebagai Timbalan Presiden MCA.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat itu bukan tuduhan, itu fakta.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Itu fakta, terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya, sebab Menteri Kesihatan dia meletak jawatan, setelah pengakuan.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Sebab saya tak tengok video Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Saya tak tengok tapi dia nampak membuat pengakuan Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Ok, terima kasih Tuan Speaker. Yang kedua apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa apabila Timbalan Presiden MCA yang baru menyatakan bahawa MCA ni parti kangkung? Saya mintak penjelasan daripada Kuala Kubu Bahru.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN :** Ok, itu hal ehwal dalam parti. Kalo Chua Soi Lek boleh dia menang di pemilihan parti, sama juga mengapa Permatang Pauh boleh menang. Betul ka? Yang kangkung itu, jangan salah maksud kangkung, oleh kerana *surname*, dengan izin presiden dia nama ong, lepas tu yang Timbalan Presiden itu Chai, kalo dalam ayat Ong Chai, itu bermaksud kangkung, kangkung, kerana kangkung adalah juga 1 sejenis sayur yang sihat. Kalau lebih makan, dia boleh cuci perut, betul tak? Tidak? Saya rasa ini Sekinchan banyak kangkung ni? Kat sawah padi itu, banyak kangkung. Dia lagi mahir apa maksud kangkung. Parti kangkung dia pun kangkung, itu hanya saya harus buat penjelasan kerana perkara ini telah dibangkit di Parlimen juga. Betul tak? Ok, apakah kerajaan Pakatan Rakyat tidak menyedari perkara ini berlaku di peringkat penduduk. Kerajaan Pakatan Rakyat hendak mengakui dan tidak menafikan kemasukan pelabur-pelabur dengan jumlah berbilion ringgit adalah kerana kecekapan dan pengurusan yang telus Kerajaan Barisan dulu. Kunci utama kejayaan sektor perindustrian kerana kestabilan politik yang dibawa oleh kerajaan pimpinan Barisan Nasional. Tuan Speaker, merujuk kepada kenyataan akhbar 19 hari bulan Oktober, telah dibuat oleh EXCO Yang Berhormat Seri Andalas, satu kenyataan telah dibuat, pernyataan ini, kerajaan negeri akan sediakan RM180 juta untuk rakyat Selangor. Ini satu berita yang baik, tetapi sepatutnya maklumat bajet 2009 hanya boleh dikeluarkan selepas ucapan bajet. Kita mengadakan sidang 20 hari bulan, walau bagaimanapun ini adalah satu kesalahan, kesalahan kerana EXCO telah membocorkan maklumat bajet tersebut sehari sebelum bersidang dalam belanjawan 2009. Ini adalah satu kesalahan. Saya minta dewan supaya adalah satu tindakan diambil terhadap kepada EXCO tersebut kerana telah melanggar peraturan membocorkan rahsia. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER : HULU KELANG**

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih, Tuan Speaker. *Bismillahi rahmani rahim*. Saya ingin ambil bahagian dalam perbincangan bajet dan ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membentangkan bajet berteraskan strategi merakyatkan ekonomi negeri Selangor. Bagi saya strategi merakyatkan ekonomi negeri Selangor tepat, pertamanya dari segi matlamat, dan juga tepat keduanya dari segi proses. Inilah satu-satunya bajet negeri yang telah diolah, dikemukakan setelah melalui proses mendapat input dengan izin, maklum balas, pandangan dalam 1 seminar yang telah diadakan 2 hari. Di mana dalam seminar itu dipanggil semua pihak, jabatan-jabatan, pakar-pakar NGO, Syarikat-Syarikat Korporat, pakar-pakar ekonomi, untuk memberi input, memberi pandangan dan pandangan ini di dengar 1 persatu oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar

merupakan satu-satunya proses yang pernah berlaku di negara ini. Dan bagi saya ini satu proses yang cukup mulia dan satu contoh teladan yang kita harap dikekalkan pada masa-masa yang akan datang. Keduanya, bajet ini juga tepat dari segi matlamat. Kerana matlamat untuk menjadikan Selangor Negeri Maju Rakyat Mewah adalah bertepatan dengan konsep yang dianjurkan oleh Islam sendiri. Mewah menurut kamus dewan, adalah segala-galanya banyak sama ada dari segi harta, wang ringgit dan sebagainya. Dengan izin dalam bahasa jawa, seng akeh akeh hei. Betul Sekinchan, Betul. Di dalam pengertian agama ia adalah keberkatan. Mewah tidak bererti membazir tetapi berhemah dan berkah. Ini dinyatakan dalam Quran dengan izin (bahasa Arab) Sesungguhnya kalaulah penduduk-penduduk, negeri beriman dan bertakwa, maka akan kami bukakan ke atas mereka keberkatan dari langit dan bumi. Jadi bermakna, mewah dalam konteks yang dinyatakan dalam strategi, memajukan negeri Selangor, memewahkan rakyat ini adalah membawa keberkatan dan dia adalah bertepatan dengan apa yang ingin dimasyarakatkan. Tuan-Tuan dan Puan-Puan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan Speaker yang saya muliakan, saya ingin menegaskan apa yang perlu dikemukakan untuk memasyarakatkan ekonomi dalam konteks prosesnya. Di mana proses ini wajar diteruskan pada masa-masa yang akan datang. Dengan melibatkan masyarakat sivil, dengan izin *Civil Society* Kejayaan mana-mana masyarakat adalah apabila dengan izin berlaku integrasi di antara *State Authority* dan *Civil Society*, berlaku kerjasama di antara NGO dan kerajaan, rakyat melalui NGO-NGO merasakan diperkasakan kerana iklim kebebasan, demokrasi, musyawarah diwujudkan. Ini boleh dimainkan oleh wakil-wakil rakyat, ADUN-ADUN Pakatan Rakyat di mana perlu turun ke padang, mendapat input daripada NGO-NGO tempatan, Persatuan-Persatuan Penduduk, Surau-Surau, Tokong-Tokong, Kuil-Kuil dan mendapat input daripada mereka hingga proses untuk menggubal satu bajet telah mengambil kira pandangan, pendapat, kehendak, hingga mengetahui apakah kehendak belia, pemuda, orang tua, orang dewasa dan sebagainya. Jadi saya ingin mengesyorkan bahawa dalam peruntukan bajet ini, dinampakkan peruntukkan-peruntukkan yang fokus dalam membangunkan NGO-NGO, mewujudkan kerjasama yang padu di antara Kerajaan Negeri Selangor dengan NGO-NGO ini dapat memberikan sumbangan mereka dalam membangunkan dan memasyarakatkan ekonomi kerajaan negeri Selangor. Dan dengan itu, saya juga mengesyorkan tumpuan yang sewajarnya dalam belanjawan hendaklah ditumpukan dalam memajukan brigeed amal. Tuan Speaker, di samping bajet ini menggariskan program-program berkebajikan dalam bentuk yang dapat diukur, *tangible* dengan izin, berdasarkan manifesto pilihan raya yang lalu, saya juga percaya bahawa rakyat bukan hanya berhajat dan menghendaki program-program dalam bentuk yang dapat diukur, dilihat seperti ibu tunggal, warga emas, takaful dan sebagainya. Tetapi rakyat juga sampai ke tahap untuk mendapat nilai yang lebih tinggi, lagi bagi mereka, nilai yang bererti dalam erti kata kebebasan hak asasi, demokrasi, keterbukaan dan di atas dasar itulah saya ingin menarik perhatian dewan, bahawa manifesto yang telah dikemukakan dalam pilihan raya yang lalu bukan hanya menekankan program-program kebajikan dalam tersebut aspek sosial, ekonomi semata-mata, tetapi dia menekankan di peringkat awal sekali iaitu tawaran-tawaran tentang urus tadbir berwibawa, antaranya janji dan jaminan kita untuk menegakkan keadilan untuk rakyat, menegakkan hak mereka, membela hak mereka dengan menyiasat penyelewengan pentadbiran tanah dan sumber negeri. Dalam ucapan bajet yang telah dibacakan, dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, persoalan penyelewengan 30 bilion ringgit yang hilang dalam usaha kerjasama anak-anak syarikat kerajaan negeri Selangor dengan Syarikat-syarikat kroni telah berlaku dalam tempoh 30 tahun yang lalu. Dan pihak Ketua Pembangkang juga telah mencabar sekiranya benar dakwaan ini, tuduhan ini, maka perlu disiasat dan diambil tindakan. Dan dengan ini selaras dengan

tawaran kita kepada rakyat untuk memberikan, membela hak mereka selaras dengan apa yang telah didedahkan dalam sidang kita yang pertama dan dalam ucapan bajet oleh Dato' Menteri Besar dan juga menyahut seruan Ketua Pembangkang untuk disiasat jika ada penyelewengan tanah, maka saya mengesyorkan kerajaan Negeri Selangor melantik sebuah badan audit bebas bertaraf dunia untuk membuat audit pengurusan tentang segala urusan penggunaan hal ehwal tanah di Negeri Selangor.

Tuan Speaker, saya ingin menyentuh persoalan kemiskinan dan saya ingin menumpukan dengan apa yang telah disentuh oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam konteks persaingan. Di antara sebab berlakunya kemiskinan adalah kerana rakyat negara ini terpaksa bersaing dengan pendatang asing yang merebut peluang pekerjaan dan saya ingin memberi fakta, bukti di kawasan saya Hulu Kelang dan Gombak daripada maklumat pegawai-pegawai RELA di Hulu Kelang, menyatakan sekurang-kurangnya terdapat 15 hingga 20 ribu pendatang asing tanpa izin, PATI di kawasan GOMBAK dan di daerah GOMBAK dan menyatakan bahawa di daerah-daerah Selangor ini, begitulah keadaannya. Mereka tinggal bersembunyi di hutan-hutan, mereka ada kongsi-kongsi mereka, mereka ada sistem mereka, tidak semua di kalangan mereka keluar, mereka menghantar wakil ke pasar, ke kedai dan sebagainya, mereka ada sistem, mereka adakan satu *township* dalam hutan dengan izin. Dengan ini, dikatakan sukar untuk diatasi dan mereka membangunkan ekonomi mereka, mereka ada kegiatan mereka sendiri dan seterusnya yang dikatakan sukar untuk ditangani daripada sumber-sumber RELA bahawa kerana terdapat dalang-dalang di sebalik mereka melindungi kegiatan mereka dan dengan untuk mengatasi masalah ini secara yang pantas, cara yang pantas saya ingin mengesyorkan, mencadangkan agar kerajaan negeri memperuntukkan belanjawan bajet yang secukupnya untuk menjalankan program-program pemutihan tanpa melanggar mana-mana prinsip hak asasi manusia dengan kerjasama pihak Kerajaan Pusat dan pihak-pihak berkuasa seperti PBT, Polis, RELA dan agensi-agensi pusat, saya juga mengesyorkan agar satu program silang budaya satu badan khas diwujudkan di antara kerajaan Negeri Selangor dengan propinsi-propinsi di Indonesia, kerana pendatang-pendatang tanpa izin ini hampir-hampir 95% ataupun 99% di kawasan-kawasan Negeri Selangor ini yang tinggal di hutan-hutan, di belukar-belukar adalah datangnya dari Indonesia. Jadi, saya mencadangkan ini adalah salah satu '*solution*' dengan izin, penyelesaian, untuk menangani isu kemiskinan di atas sebab persaingan yang dilakukan oleh pendatang-pendatang tanpa izin pada peluang pekerjaan penduduk di negara ini. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menyentuh juga persoalan perumahan. Dalam konteks Pakatan Rakyat, kita lebih gemar dan lebih selesa memilih perkataan kediaman. Dan inilah yang ditawarkan dalam manifesto dan inilah yang kita faham dalam konteks memberi keselesaan dan '*dignity*' dengan izin, maruah, kediaman bagi rakyat. Dalam konteks itu, tiada lagi istilah kos rumah kos rendah, kerana ia tidak bersesuaian dengan konsep hak asasi kerana ia mewujudkan kasta-kasta dalam masyarakat. Ia akan melahirkan satu generasi yang merasa terpinggir dengan izin, '*inferiority complex*' kerana datang tinggal dari rumah kawasan '*low cost*', rumah kos rendah. Dan dengan itu, Kerajaan Pakatan Rakyat sepatutnya memberikan iltizam yang sepenuhnya untuk membantu setiap rakyat Selangor mendapatkan kediaman sendiri. Dengan itu, saya mencadangkan agar Kerajaan menyuntikkan dana yang secukupnya bagi membolehkan pihak badan PBT, Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyediakan *Council Homes* ataupun *Council House*, rumah-rumah Majlis dengan kadar sewaan yang rendah yang mampu dibayar oleh rakyat dan penduduk Negeri Selangor. Saya juga mencadangkan agar rumah-rumah transit diwujudkan dengan Kerajaan Negeri menyelaraskan Pentadbiran Lembaga Zakat Selangor untuk membina rumah-rumah transit bagi membantu buat sementara waktu, 2

tahun, 3 tahun, 6 bulan mungkin 7 tahun bagi mereka yang dalam kesulitan sama ada OKU, ibu tunggal, warga emas, warga tunggal, termasuk orang-orang Islam dan bukan Islam. Dan saya ingin mencadangkan juga untuk membolehkan konsep kerajaan menyediakan membantu setiap rakyat Selangor untuk mendapat kediaman sendiri memberikan tumpuan kepada fungsi asal PKNS. Fungsi asal PKNS sebagai syarikat anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor yang diwujudkan untuk membangunkan rumah-rumah kediaman hari ini bagi rakyat Negeri Selangor hendaklah ditumpukan. Dengan itu saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri Selangor menyuntik dana yang secukupnya bagi memfokuskan tujuan asal PKNS iaitu menyediakan rumah mampu beli iaitu kini kediaman mampu milik bagi setiap rakyat. Jadi PKNS tidak perlu lagi menjadi pihak yang terpaksa memikul beban kegagalan pihak-pihak berkepentingan seperti kes Bukit Botak, Selayang dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang isu yang dibangkitkan di dalam bajet kita tentang *Hub*, *Hub* ataupun pusat yang dinyatakan hasrat dan strategi membangunkan Kerajaan Negeri Selangor adalah melalui mewujudkan *Hub Kewangan Islam*, *Hub Pendidikan Tinggi*, *Hub Sekolah Swasta*, *Hub Industri Halal*, *Hub Industri Solar*. Sesuai dengan suasana yang telah dibangunkan baru-baru ini. Saya ingin mencadangkan diwujudkan *Hub Thaqafah* dan pemikiran Islam. *Thaqafah* dalam bahasa Arab dengan izin, bermakna kebudayaan. Dan ini kerana terdapat pusat-pusat pengajian Islam seperti KUIS, masjid-masjid bersejarah yang besar dan sebagainya dan suasana yang telah dibangunkan yang sangat sesuai yang baru-baru ini dalam bulan Ramadhan yang telah dibangunkan oleh Exco agama dengan menjayakan program *Ihnyal'* Ramadhan, mewujudkan, menghidupkan surau-surau dengan tazkirah dengan majlis ilmu di mana tazkirah ini sudah diharamkan dalam pentadbiran yang lepas oleh bekas Menteri Besar. Dan pada masa dulu, orang-orang yang nak mengajar ditangkap dihadapkan ke mahkamah atas alasan tidak ada tauliah. Tetapi hari ini, Exco baru dengan pentadbiran baru menekankan bahawa budaya ilmu, keberkatan ilmu hendaklah dihidupkan. Dan saya percaya program ini bertepatan dengan suasana yang ada untuk Kerajaan Negeri Selangor mewujudkan Selangor supaya pusat intelektual Islam sebagai *Hub Thaqafah* dan Pemikiran Islam. Walaupun demikian, untuk menjadikan hasrat ini perlu diwujudkan tapi saya percaya dengan peruntukan yang besar yang diberikan sebanyak 136 juta kepada Jabatan Agama Islam melalui MAIS dan pelaksanaannya Jais perlulah diorientasikan agar imej yang ditonjolkan terhadap MAIS dan JAIS bukan hanya sebagai Pentadbir Agama sebagai dengan izin, '*Administrator Of Religion*', tetapi orang yang menjiwai misi dan obor perjuangan Islam yang mendukung tugas-tugas dan misi amar makruf nahi mungkar dan oleh kerana itu kita terkejut dan agak kecewa dalam keadaan yang terbaru ini terdapat kes BPR di mana BPR telah menyiasat dan menahan reman 2 orang pegawai kanan MAIS. Pertama Pengurus Besar MAIS Corp., dan kedua, Pegawai Kanan Pengagihan di Lembaga Zakat Selangor. Ini amat mengejutkan kita. Dalam keadaan peruntukan, pentadbiran, tanggungan yang diberikan begitu besar untuk Jabatan Agama Islam masih terdapat siasatan yang sedemikian. Dan lebih menghairankan kita, lebih menyedihkan saya rasa kecewa adalah kerana apakah status siasatan ini. Tidak pernah diumumkan, tidak pernah dinyatakan dan apa yang lebih mengejutkan kita lagi ialah mengapa Pengurus Besar MAIS Corporation masih terus dibenarkan memegang jawatan yang disandangnya dan mengapa pula Pegawai Kanan Pengagihan Zakat yang terlibat dengan siasatan BPR ditempatkan di KUIS. Ini persoalan besar. Ia melibatkan kewibawaan. Dewan yang mulia ini meluluskan satu bajet yang besar bagi Jabatan Agama yang sepatutnya menjalankan tugas-tugas tapi terdapat kakitangan dan Pegawai Tinggi dalam institusi, agensi dan jabatan tersebut yang disiasat dan kemudian didiamkan keadaan tersebut. Jadi kita tidak mahu dalam

konteks kita hendak membangunkan *Hub Thaqafah* dan pemikiran Islam dengan adanya KUIS dan sebagainya, KUIS dengan izin, dianggap oleh rakyat oleh penduduk Selangor, oleh orang ramai, Islam dan bukan Islam sebagai '*dumping ground*' bagi orang-orang yang sedemikian. Dengan itu, Tuan Speaker saya mengesyorkan agar pihak Kerajaan Negeri Selangor menyelaraskan *Hub Thaqafah* dan Pemikiran Islam, kerajaan perlu berterusan membersihkan MAIS daripada sebarang amalan rasuah dan pecah amanah.

Seterusnya Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang anak-anak syarikat dengan izin *GLC*, *GLC* adalah sumber, antara sumber pendapatan tambahan dalam strategi bajet 2009. Tindakan berhikmah dan berhemah Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk mengekalkan Ketua-ketua Eksekutif di atas sebab untuk memberi mereka peluang menebus kesalahan lalu dengan mendapatkan kembali wang yang hilang akibat penyelewengan adalah satu tindakan yang cukup '*forgiving*', dengan izin. Ini berbeza dengan apa yang dicadangkan oleh ketua pembangkang semalam. Pisau di tangan, timun di tangan ada kuasa, gunakan. Itu mungkin cara BN, itu mungkin cara UMNO tetapi cara Pakatan Rakyat kita masih memberi ruang untuk pegawai-pegawai ini '*redeem*' dengan izin, menebus kesilapan mereka. Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian Tuan Speaker dan Dewan yang mulia ini, dalam pendekatan mengekalkan ketua-ketua Eksekutif *GLC* ini perlu ada objektif. Ada sasaran dan ukuran-ukuran yang spesifik dan jelas. Kerajaan perlu mengimbangi antara mencari kesalahan dan memberi peluang mereka menebus kesalahan dengan izin, '*For the GLC to move forward*'. Kena imbangkan itu, di antara memberi peluang Ketua-ketua Eksekutif ini untuk menebus kesalahan depa, mereka dengan *priority*, keutamaan menjadikan *GLC* ini '*perform*', berprestasi tinggi, membawa keuntungan dan kesejahteraan, kemakmuran kepada Kerajaan Negeri Selangor dan rakyatnya. Jadi kalau kita nak tebus persoalan yang ingin saya kemukakan kalau kita nak tebus kesalahan macam mana nak ganti. Boleh tak ganti dengan wang atau dengan apa? Dengan membawa keuntungan kepada *GLC* atau bagaimana, ini persoalan-persoalan yang perlu dimaklumkan dan Dewan yang mulia ini perlu faham bagaimanakah pendekatan yang perlu dilakukan dalam memberi ruang lagi kepada mereka. Kerana setelah bertahun-tahun mereka memberi kesetiaan mereka dengan izin ataupun '*allegiance*' mereka kepada UMNO, Barisan Nasional, bolehkah? Persoalannya. Bolehkah mereka memberi kesetiaan mereka secara profesional kepada kerjaya dan amanah, amanah kerja. Boleh tak mereka memberikan kesetiaan mereka kepada profesion mereka, pada amanah kerja mereka, kerana bertahun-tahun apa yang mereka berikan hanyalah kesetiaan kepada bos politik mereka. Jadi, dengan ini, saya juga ingin mengingatkan Dewan yang mulia kerana dalam bajet dimaktubkan bahawa telah terbukti sebahagian besar daripada mereka yang telah diberi peluang masa untuk menebus diri mereka dinyatakan *quote* "tanpa segan silu, sanggup, terus mengatakan Menteri Besar dahulu yang menyuruh mereka berbuat demikian". Jadi persoalan kita hendaklah kita teliti dengan baik. Saya ingin menarik perhatian Dewan tentang kes KDEB, Kumpulan Darul Ehsan Berhad. Di mana di bawahnya anak syarikat terbesar adalah Kumpulan Perangsang Berhad. Kemudian anak syarikat kepada Kumpulan Perangsang Berhad adalah Kumpulan Hartanah Berhad. Anak syarikat kepada Kumpulan Hartanah Berhad antaranya adalah Central Spectrum Berhad. Di semua peringkat KDEB, Kumpulan Perangsang Berhad, Kumpulan Hartanah Berhad, Central Spectrum Sdn Bhd, Presiden Eksekutif dan Pengerusi Eksekutif hanya orang yang sama. Dan dia menerima arahan daripada Menteri Besar yang dulu dan dengan izin tuan-tuan, Tuan Speaker, COO, *Chief Operating Officer*, tidak ada kuasa dalam anak-anak syarikat ini. Jadi, oleh kerana itu, dalam gambaran yang saya nyatakan, contoh

yang saya nyatakan dari emak syarikat, anak syarikat, cucu syarikat, cicit syarikat, orang yang sama, dengan izin, yang *'call the shot'* di atas arahan Menteri Besar yang lama. Jadi adakah ini mungkin boleh membawa kejayaan kepada peluang untuk memberi mereka menebus kesalahan mereka. Dengan itu saya, sekiranya pihak kerajaan ingin meneruskan rancangan ini, saya ingin mengesyorkan agar kerajaan mewujudkan satu badan khas bagi menggariskan *standard* ataupun piawai pencapaian bagi Ketua-ketua Eksekutif ini. Tempoh masa, apa yang perlu dicapai, apa yang perlu ditebus hendaklah digariskan sejelas-jelas dan setelus-telusnyanya. Badan ini juga hendaklah ditugaskan memantau prestasi mereka dan memberi pandangan yang bebas kepada Menteri Besar.

Tuan Speaker, saya ingin membawa perhatian kepada persoalan ibu tunggal. Di Negeri Selangor, persoalan ibu tunggal melibatkan beberapa segmen. Pertama, ibu tunggal di atas sebab perceraian, ibu tunggal di atas sebab ditinggal, ketiga ibu tunggal kerana suami ditahan termasuk ditahan di bawah ISA, undang-undang zalim ISA dan ke empat ibu tunggal di atas sebab kematian suami dan tambahan lagi mereka sudah berusia tua. Pendekatan yang bersepadu hendaklah dilaksanakan dalam menangani program Ibu Tunggal kerana ia mempunyai unsur-unsur emosi, kerohanian, spiritual dan keagamaan. Contoh kalau kita bercakap tentang persoalan ibu tunggal bercerai, sebahagian besar di negeri Selangor ibu tunggal khususnya di kalangan masyarakat Islam. Kalau dalam masyarakat bukan Islam ada jaminan sosialnya oleh kerana proses penceraian dilakukan di Mahkamah Sivil. Tetapi dalam konteks masyarakat Islam ibu tunggal terutamanya yang masih muda bawah 30'an, bawah 40'an perceraian berlaku sebahagiannya kalau berlaku yang baik dengan betul proses yang betul di Mahkamah Syariah tetapi tidak ada kuat kuasa mereka telah dijamin dalam proses perceraian itu dengan nafkah dan saraan tetapi pihak bekas suami tidak pernah menghormati, tidak pernah patuh dengan keputusan Mahkamah.

Mahkamah Syariah tidak ada kuasa untuk memaksa mereka. Jadi dengan ini saya ingin menarik perhatian agar pendekatan dalam menangani program ibu tunggal hendaklah dilaksanakan dalam konteks membawa kefahaman agama, hak asasi, mendidik ibu-ibu tunggal ini mempertahankan hak-hak mereka apa yang diputuskan oleh Mahkamah untuk menuntut hak mereka. Dan demikian juga bagi ibu tunggal yang usia tua, kita perlu menggunakan aspek keagamaan. Apa yang menjadi masalahnya ada unsur-unsur telah berlaku kelemahan dalam struktur keluarga Islam. Di mana anak-anak yang sudah tidak mengambil tahu ibu bapa mereka, yang telah mengabaikan tanggungjawab. Jadi kita memerlukan pendekatan agama, pendekatan pendidikan di sekolah-sekolah agama, sekolah KAFA, sekolah integrasi agama, mendidik anak-anak ini, guru-guru dan Pegawai Tadbir Agama, ceramah-ceramah di masjid hendaklah terus mendidik masyarakat Islam khususnya membawa kefahaman untuk sayang kepada ibu bapa kerana dalam Islam mencintai anak-anak ini adalah fitrah. Al-Quran dan sunnah menceritakan banyak dalam kes semula jadi kalau perkahwinan itu sah, anak itu sah, fitrah sayang kepada anak-anak. Tetapi sayang kepada ibu bapa tidak fitrah, dia perlu tarbiah, perlu dididik, perlu diasuh dan proses mengasuh masyarakat kita, generasi hari ini dan akan datang untuk mengasahi ibu-ibu bapa mereka yang sudah tua dan sudah uzur hendaklah dilakukan dengan pendekatan agama yang berterusan dan sebaik-baiknya. Sekian, saya ucapkan terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Rawang

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Bajet Negeri Selangor Tahun 2009 telah menggariskan lima strategi yang utama untuk memperkasakan Negeri Selangor secara holistik. Antaranya Pertama Merakyatkan Ekonomi Selangor. Kedua mempertingkatkan hasil pendapatan negeri. Ketiga memperkasakan modal insan. Keempat menguruskan perbelanjaan dengan cekap dan kelima memantapkan pembangunan negeri Selangor. Dalam keadaan inflasi 8.5% yang diumumkan pada bulan Ogos yang lalu serta kenaikan harga barang keperluan harian akibat kenaikan harga minyak. Belanjawan 2009 Negeri Selangor bukan sahaja belanjawan untuk merakyatkan ekonomi Selangor malahan meringankan beban rakyat. Peruntukan pembangunan sosial yang meningkat tidak bererti pembangunan fizikal diabaikan. Belanjawan yang dikemukakan ini menampakkan perancangan jangka panjang yang mampan atau *sustainable* dengan izin untuk generasi yang akan datang. Saya memandangkan Program Merakyatkan Ekonomi Selangor merupakan satu projek kebajikan bagi Kerajaan Pakatan Rakyat yang pertama kali memerintah Negeri Selangor kerana program ini merupakan program yang dapat memanfaatkan semua lapisan masyarakat tanpa mengambil kira kaum dan bangsa dan rakyat Selangor sebenarnya, khususnya berasa gembira dengan pelancaran rancangan-rancangan MES ini.

Oleh yang demikian harapan rakyat terhadap keberkesanan pihak Kerajaan Negeri amatlah tinggi. Setakat ini rakyat adalah berpuas hati dengan fasa satu konsep MES iaitu Program Mesra Usia Emas, air percuma, TAWAS dan sebagainya. Tetapi pada pihak saya didapati ada aspek pelaksanaan yang perlu disusun atur dengan lebih teratur lagi. Contohnya Takaful Mesra Usia Emas yang kurang terancang iaitu dalam paparan akhbar program ini sepatutnya berkuat kuasa pada 1 Oktober tetapi borang yang sah hanya dikeluarkan selepas itu. Saya yakin setakat itu banyak DUN-DUN yang belum menerima borang. Selain dari itu saya juga diberitahu sehingga kini borang yang sah untuk Program TAWAS masih belum ditetapkan.

Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang yang dikatakan berkuat kuasa mulai bulan Oktober 2008 pula tidak pernah disebar, biar pun telah diumumkan melalui surat khabar atau pun media elektronik. Impaknya hasil-hasil dan program-program ini tidak dapat dinikmati oleh seluruh warga Selangor. Dengan ini saya mencadangkan satu pusat khidmat sehenti ditubuhkan untuk mengendalikan semua program MES ini agar dapat diakses oleh warga Selangor dengan lebih senang. Sekiranya tidak, pihak Kerajaan Negeri perlu sentiasa memastikan sesuatu program itu hanya boleh dilaksanakan selepas semua masalah teknikal yang mungkin timbul dibendungi. Adalah perlu diingati bahawa rakyat kita memerlukan satu kerajaan yang dapat melaksanakan semua polisi yang bersistem dan terancang. Dengan adanya pengalaman yang kita dapati sepanjang tujuh bulan ini, saya berharap keadaan kelam kabut semasa program ini dilancarkan tidak akan diulangi semasa skim-skim lain dilancarkan.

Seperti yang kita semua ketahui hasil cukai merupakan *portion* dengan izin yang amat penting dalam pendapatan negeri iaitu 1/3 daripada jumlah pendapatan negeri Selangor. Kerajaan negeri yang memutuskan untuk mengutip tunggakan cukai adalah satu langkah yang harus digalakkan. Penguatkuasaan yang berkesan, adil dan tidak memihak kepada sesiapa ini dapat melicinkan lagi pentadbiran pengutipan cukai. Sehingga kini saya difahamkan bahawa ramai pemilik tanah berhasrat untuk membayar cukai tanah. Masalahnya cukai tanah yang tinggi tidak setaraf dengan infrastruktur yang dibekalkan menyebabkan pengusaha *reluctant* dengan izin untuk membayar cukai. Mandat adalah satu fakta yang harus dihalusi oleh pihak kerajaan negeri. Bandar

Rawang telah disediakan dengan infrastruktur yang dikatakan setanding dengan Daerah Petaling, tetapi cukai tanah kawasan perusahaan adalah setinggi di Petaling juga. Saya menyeru kepada kerajaan negeri untuk meneliti kes ini memandangkan ramai pengusaha di Bandar Rawang berniaga di dalam tekanan kenaikan kos kerana cukai tanah yang berganda 10 kali selepas Rawang telah diwartakan menjadi bandar daripada taraf pekan pada tahun 2005. Cukai taksiran turut menjadi salah satu isu kepada mereka walau pun cukai taksiran yang dikenakan adalah setinggi 12.5%, tetapi PBT berkenaan tidak mampu dan tidak dapat memberi penyelenggaraan yang sewajarnya. Kedua-dua isu ini telah pernah saya timbulkan dalam sidang dewan yang lepas tetapi saya berharap bahawa isu ini akan dinilai semula dan akan diberi perhatian yang sewajar memandangkan pengusaha industri kecil dan sederhana ini memang memberi sumbangan ekonomi kepada negeri kita.

Selain aspek penguatkuasaan, saya juga mencadangkan agar pihak kerajaan akan mempertimbangkan satu sistem yang baru iaitu tanah untuk tujuan pembangunan untuk sektor swasta adalah diberi hak milik melalui sebut harga. Selain menjamin ketelusan sudah pasti tanah yang di lokasi yang strategik akan menjadi habuan pemaju dan akan mendatangkan keuntungan yang lebih tinggi kepada kerajaan negeri. Industri kecil sederhana kecil juga amat penting dalam penyumbangan ekonomi tempatan Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan boleh juga mewujudkan *one stop centre* seperti yang diadakan oleh pelaburan asing untuk pengusaha industri kecil sederhana ini bagi mempercepatkan proses permohonan dan kelulusan IKS dan seterusnya menyalurkan maklumat yang berkenaan kepada IKS selain penyediaan infrastruktur yang berkualiti kepada tapak IKS yang berskala besar.

Selain dari itu cadangan Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor untuk memberi 90 hari cuti bersalin kepada kaum Wanita khususnya kakitangan kerajaan wanita merupakan langkah positif kerajaan untuk mengiktiraf sumbangan golongan wanita dalam pembangunan negeri. Pelantikan Ahli Majlis daripada kalangan OKU iaitu orang keupayaan juga menunjukkan inisiatif kerajaan untuk melibatkan golongan OKU dalam peringkat membuat keputusan kerajaan. Namun usaha yang lebih progresif diperlukan memandangkan masyarakat kita masih kurang sensitif terhadap keperluan OKU. Di seluruh Negeri Selangor berapakah perhentian bas yang telah memberi kesenangan kepada golongan OKU? Berapakah medan selera yang telah diubahsuai agar mereka dapat menikmati makanan tanpa kerisauan? Dewan ini terbuka kepada orang ramai tetapi hak mereka sebagai pemerhati telah dinafikan kerana dewan yang mulai ini tidak menyediakan kemudahan untuk mereka. Saya mencadangkan agar kerajaan negeri meletakkan pembinaan laluan dan kemudahan untuk OKU sebagai satu syarat yang perlu dipatuhi dalam kelulusan pelan setiap perancangan pembangunan untuk mewujudkan persekitaran tanpa halangan kepada golongan OKU. Golongan OKU patut diterima sebagai golongan yang juga boleh menyumbang kepada perkembangan ekonomi negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sementara menikmati ganjaran daripada perkembangan negeri, rakyat lebih berharap agar satu perubahan yang lebih positif dan progresif dalam peningkatan keberkesanan dalam pengurusan di semua peringkat jabatan Kerajaan Negeri terutamanya PBT dan Pejabat Tanah dan Daerah. Kedua-dua badan kerajaan ini merupakan entiti yang paling kerap berhubung rakyat jelata.

Yang Berhormat sekalian, tanah merupakan aset negeri yang amat bernilai. Sehingga kini sejak pemerintahan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat banyak fail yang bertimbun di

Pejabat Tanah yang masih belum diselesaikan disebabkan sistem Kerajaan Barisan Nasional yang lepas. Dalam perjumpaan saya dengan Pejabat Tanah, yang lepas saya dapati banyak dokumen yang tidak lengkap sedangkan hak milik tanah sementara telah diberikan kepada individu-individu yang lain. Dengan ini pihak saya mencadangkan sistem IT dengan izin yang teratur diperkenalkan dalam hal ehwal pengurusan tanah agar melicinkan pentadbiran tanah dan sentiasa menjamin kesinambungan kerja pentadbiran walaupun berlakunya penukaran kepimpinan. Dalam usaha memastikan bahawa kerajaan negeri dapat beroperasi dengan lebih telus dan lut sinar saya juga mencadangkan bahawa segala pekeliling yang telah diputuskan oleh kerajaan berkaitan terus dengan warga Selangor haruslah diumumkan dari masa ke semasa dengan terperinci agar mereka mengetahui hak mereka. Justeru itu kes-kes rasuah atau yang menyalahi etika dapat diminimumkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usaha dan polisi kerajaan negeri untuk menjadi lebih telus dan cekap tidak akan tercapai tanpanya sistem penyampaian dan pengurusan yang efisien. Oleh sebab itu kecekapan PBT dalam menangani masalah setempat perlu diukur dengan *key performance index* dengan izin agar aduan dari penduduk dapat diselesaikan dengan cepat. Bukannya berbulan tanpa dilayan. Dalam usaha Kerajaan Pakatan Rakyat untuk menyediakan belanjawan berimbang ini saya berasa bimbang dengan keadaan PBT dalam Negeri Selangor yang mengalami defisit dalam belanjawan mereka. Misalnya MPS yang telah mengalami 5 tahun berturut-turut sejak tahun 2002. Keadaan ini sekiranya dibiarkan berterusan saya bimbang akan menjejaskan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh PBT-PBT. Oleh itu saya mencadangkan satu Jawatankuasa Audit dan *Good Governance Management* dengan izin yang berorientasikan mutu perkhidmatan rakyat dapat ditubuhkan di setiap PBT dalam percubaan untuk meningkatkan kecekapan PBT. Kos yang terlibat dalam penyampaian setiap perkhidmatan kepada rakyat perlu diambil kira agar pembaziran tidak berlaku dan cukai yang dibayar oleh rakyat dapat dimanfaatkan secara optimum. Pegawai-pegawai PBT dengan penglibatan Ahli-ahli Majlis yang mempunyai pelbagai profesionalisme dan latar belakang serta kepakaran boleh diberi mandat untuk meningkatkan keefisienan pentadbiran PBT secara kreatif dan perlu dihargai sumbangan mereka dengan insentif yang berpatutan. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menyarankan agar kerajaan negeri memulihkan pilihan raya tempatan dalam jangka panjang kerana hanya wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat melalui sistem demokrasi akan bersifat tanggungjawab dengan izin *accountable* kepada rakyat. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini ingin saya katakan bahawa inisiatif Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor untuk mewujudkan polisi-polisi yang baru amat dihargai. Tetapi dalam setiap pembentukan polisi yang baru ini kita perlu menunjukkan mekanisme yang boleh memantau atau *check and balance* dengan izin supaya tiada penyelewengan yang boleh berlaku. Sekian sahaja ucapan saya pada petang ini.

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : *Bismillahi rahmani rahim*. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu izin saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang serta ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan tahun 2009. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kerajaan Persekutuan telah mengenal pasti industri pelancongan sebagai sektor perkhidmatan dalam ekonomi yang berpotensi dan menjadi salah satu penyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara yang berasaskan pembangunan seimbang bagi sumber dan keunikan tempatan iaitu warisan alam semula

jadi, sosiobudaya dan sejarah. Kementerian Pelancongan Malaysia memastikan bahawa industri pelancongan dibangunkan secara terancang, bersepadu, mantap dan berkembang.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pelancongan Malaysia telah mengenal pasti program *homestay* diletakkan di bawah sektor agro-pelancongan dan bukannya ekopelancongan seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Begitu juga kerjasama ini seharusnya melibatkan skop yang lebih luas dan perlu diberi perhatian kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dan bukan hanya pihak institusi pengajian tinggi awam dan swasta sahaja. Ini adalah kerana trend masa kini memperlihatkan ramai pelajar sekolah menengah terutamanya di bandar tidak begitu kenal budaya, cara hidup serta apa yang ada di kampung-kampung. Dengan itu Kementerian Pelancongan Malaysia dari mula sehingga hari ini memberi penekanan mempromosikan program *homestay* di sekolah-sekolah melalui Program Pelancongan Pelajar atau lebih dikenali sebagai Program 3P.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya amat bersetuju Kerajaan Negeri memberi penekanan kepada program Malaysia *My Second Home* dengan izin. Malangnya Kerajaan Negeri Selangor tidak menampakkan komitmen yang tinggi bagi mempromosikan program Malaysia *My Second Home*. Kelemahan yang paling ketara adalah seperti berikut:

- (i) Tiada *brochure* khusus ataupun tiada *brochure* khusus untuk program ini yang diterbitkan oleh Kerajaan Negeri.
- (ii) Setakat ini tiada perancangan yang khusus yang diwar-warkan oleh Kerajaan Negeri untuk memajukan program ini. Amat malang kerana sebagai negeri maju kita seharusnya mengambil peluang ini untuk menarik lebih ramai pesara dan individu yang berkemampuan terutamanya dari Jepun, Korea, Eropah dan luar negara amnya untuk menyertai program ini sekali gus, meningkatkan pendapatan negeri Selangor sendiri.
- (iii) Adakah Kerajaan Negeri telah menyediakan sebarang insentif kepada peserta-peserta yang berpotensi bagi program ini. Jika ada apakah insentif-insentif tersebut.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengklasifikasikan sektor pelancongan kepada tiga (3) sektor utama iaitu kesihatan, pendidikan dan utama. Saya menyeru agar Yang Amat Berhormat Menteri Besar cuba mengklasifikasikan sektor pelancongan Negeri Selangor kepada tujuh (7) sektor yang utama iaitu:

- (i) Sektor Pelancongan Kesihatan
- (ii) Sektor Pelancongan Pendidikan
- (iii) Sektor Pelancongan Eko dan Agro
- (iv) Sektor Pelancongan Sukan dan Rekreasi

- (v) Sektor Pelancongan Membeli Belah dan Makanan
- (vi) Sektor Pelancongan Konvensyen dan Penginapan dengan izin MAIS
- (vii) Sektor Pelancongan Sejarah dan Kebudayaan

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ijok juga telah membentangkan cadangan supaya memberi fokus kepada isu program penjenamaan semula Sektor Pelancongan Negeri Selangor bagi tujuan memperbaiki kualiti produk pelancongan dan juga dalam misi untuk melaksanakan Tahun Melawat Selangor 2010. Saya ingin menekankan bahawa program penjenamaan semula adalah tidak perlu tetapi adalah lebih baik jika Kerajaan Negeri Selangor meneruskan penjenamaan sama yang telah digunakan sejak tahun 2000 iaitu semasa Tahun Melawat Selangor 2000 atau TMS 2000. Ini kerana di dalam industri pelancongan faktor masa dan usaha-usaha promosi yang telah dibuat mempengaruhi pemikiran atau dengan izin *mindset* para pelancong. Faktor konsistensi adalah penting bagi memastikan para pelancong dapat mengaitkan sebuah destinasi pelancongan dengan penjenamaan yang dilakukan. Penjenamaan yang dimaksudkan ialah Selangor *A Never Ending Discovery*.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memberi contoh di mana Kementerian Pelancongan Malaysia melalui *Tourism* Malaysia telah secara agresif mempromosikan Program Cuti-cuti Malaysia yang sehingga ke hari ini terpacat di hati para pelajar sekolah mengenai program ini. Ini membuktikan bahawa faktor konsistensi dan masa di dalam promosi memainkan peranan penting dalam isu penjenamaan-penjenamaan khususnya. Namun saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar usaha-usaha mempergiatkan mempromosikan pelancongan melalui pengiklanan di dalam akhbar, majalah dan di laman web akan dilaksanakan. Saya harap perkara ini bukan sekadar di dalam teks sahaja, kerana Kerajaan Negeri harus melihat kepada implikasi kos yang mana ia menjadi isu yang berulang-ulang dan sekali gus akan menjejaskan faktor konsistensi yang dimaksudkan. Kerajaan Negeri juga perlu memastikan peruntukan yang mencukupi supaya Yang Berhormat EXCO Pelancongan dapat menyediakan bahan-bahan promosi yang mencukupi kerana ia merupakan faktor paling penting dalam mempromosikan sektor pelancongan Negeri Selangor. Sekiranya Yang Berhormat EXCO Pelancongan menghadapi masalah, saya mengesyorkan bahawa berjumpa dan berbincanglah dengan pegawai-pegawai dari Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor. Insya-Allah Kerajaan Pusat akan memberikan kerjasama yang sebaiknya dengan EXCO Pelancongan Negeri Selangor.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, umum tahu bahawa Kerajaan Persekutuan setiap tahun telah menyediakan peruntukan bagi menaik taraf serta penyelenggaraan produk-produk pelancongan di Negeri Selangor. Pada tahun 2008 peruntukan berjumlah RM7,096 juta telah diperuntukkan bagi projek penyelenggaraan baik pulih dan naik taraf infrastruktur di Negeri Selangor. Maka adalah penting untuk Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai hala tuju dan garis panduan yang standard bagi memastikan kejayaan pelaksanaan kerja-kerja tersebut mengikut masa yang telah ditetapkan. Dalam masa yang sama Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pelancongan Malaysia telah memperuntukkan sejumlah RM2,049 juta bagi program peningkatan *homestay* di Negeri Selangor. Ini sedikit sebanyak dapat membantu pengusaha *homestay* tersebut dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada para pelancong.

Tuan Speaker, saya juga ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini untuk pihak Kerajaan Negeri dan jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan bekerjasama secara bersepadu bagi memacu industri pelancongan Negeri Selangor kerana industri ini saling bergantung bukan sahaja dengan jabatan kerajaan malah kepada pemain-pemain industri itu sendiri.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya saya ingin bertanya kepada Dewan yang mulia ini:

- (i) Apakah peranan yang dimainkan oleh *Tourism* Selangor Sdn. Bhd. bagi mempromosikan pelancongan Negeri Selangor.
- (ii) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi menangani keluhan dan ketidakpuasan penduduk Selangor mengenai tahap kebersihan dan kemudahan di pusat-pusat pelancongan dan rekreasi. Sebagai contoh Hutan Lipur Sungai Kanching di Selayang, pantai Morib di Kuala Langat dan sebagainya.
- (iii) Apakah hala tuju Pihak Berkuasa Tempatan bagi memperbaiki tahap kebersihan di semua produk-produk pelancongan Negeri Selangor amnya.
- (iv) Berlaku ketidakpuasan hati di kalangan peserta-peserta *homestay* Selangor terhadap JKKKK yang baru kerana kurang mempromosikan *homestay* dan memberi kerjasama sedangkan *homestay* merupakan program yang menghasilkan pendapatan yang agak lumayan di luar bandar. Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi menangani isu-isu tersebut.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian, saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah memperuntukkan sebanyak RM3 juta bagi mewujudkan Majlis Belia dan Sukan Negeri supaya dapat menyediakan pelbagai program khususnya kepada belia di semua peringkat. Dan saya berharap sangatlah rekod Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini yang telah menjuarai Sukan SUKMA sebanyak tujuh (7) kali berturut-turut, sayangnya tidak dapat dicapai setelah diambil alih oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Saya juga ingin menarik perhatian Tuan Speaker dan Dewan bahawa peruntukan yang cukup juga perlu diberikan kepada pasukan bola sepak Negeri Selangor *The Red Giant* kerana kalau kita hanya mengharapkan pemain-pemain ini bermain bukan untuk mengejar habuan, maka tak perlulah kita mengajikan seorang Pengurus, kali pertama dalam sejarah bola sepak Negeri Selangor digajikan seorang Pengurus dengan bayaran sebanyak RM17,000 sebulan.

Tuan Speaker, saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan tentang isu setingan di Bukit Botak. Sebenarnya isu ini adalah di kawasan saya sendiri, setelah hampir lapan (8) bulan Kerajaan Pakatan telah mengambil alih Kerajaan Negeri Selangor, ramai masyarakat merasakan bahawa satu harapan, saya tak maklumkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak buat kerja tapi lapan (8) bulan, bila Kerajaan Pakatan mengambil alih Kerajaan Negeri Selangor, seramai seribu lebih orang di situ mengharap-harapkan satu tindakan diambil supaya dapat menyelesaikan masalah yang setelah sekian lama hampir 22 tahun. Saya menyeru sangatlah kepada Cempaka, Yang Berhormat Cempaka supaya mengambil tindakan kerana sekarang ini terlalu banyak sangat cerita yang mengatakan itu dan ini. Jadi penduduk-penduduk di situ sudah mula gusar dan

risau apakah nasib mereka pada masa akan datang. Saya bermohon dan menyeru agar Yang Berhormat Cempaka mengambil dapat menyelesaikan masalah ini dengan segera dengan mengetepikan fahaman politik kita masing-masing, kerana yang pentingnya adalah untuk kepentingan masyarakat di peringkat akar umbi. Sekiranya ada penyelewengan yang telah dilakukan sebelum ini, yang telah mengakibatkan masalah ini tidak dapat diselesaikan, maka saya berharap dan menyeru supaya dedahkanlah penyelewengan ini agar masyarakat tahu apakah sebenarnya yang telah berlaku.

Tuan Speaker, saya juga ingin menarik perhatian Dewan kepada cuti. Cuti bersalin yang diberikan selama 90 hari kepada wanita yang telah bersalin. Hanya kebimbangan saya adalah sekarang ni 60 hari dengan tambahan 30 hari takut cuti terlalu lama. Saya takut lepas sahaja masuk kerja 9 bulan mengandung lagi sekali, maka produktiviti pekerja ini akan, memang kurang. Jadi saya berharap minta dipertimbang-timbanglah dengan sebaik-baiknya. Sekian saya mohon menyokong.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku, Kuang, Kuang.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Sebelum saya memulakan pembahasan ini, saya mengambil kesempatan sempena hari baik bulan baik untuk menyampaikan Selamat Hari Raya khususnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barisan EXCO dan Ahli-ahli Dewan Negeri yang beragama Islam dengan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin. Pertamanya saya mengambil kesempatan dalam pembahasan ini khususnya Tuan Speaker dalam belanjawan yang dibentangkan kelmarin, saya lihat Selangor sebagai negeri yang berorientasikan kebajikan. Siapa juga rasa senang hati dan gembira mendengarnya. Saya mohon semua Ahli Yang Berhormat merujuk ucapan bajet perkara nombor 4 halaman 7 dan 8. Pada halaman 8 baris ke 4 disebut begini "Sikap ini berlawanan daripada slogan Pentadbiran Barisan Nasional bagi menjadikan Selangor Negeri Maju, Bersih dan Berkebajikan. Saya ingin tegaskan ini bukan slogan Kerajaan Barisan Nasional. Dari mana kerajaan memperolehi maklumat ini. Istilah berkebajikan ini bukankah slogan Kerajaan Pakatan Rakyat. Kerajaanlah yang menjaga kebajikan di sana sini, seolah-olah kerajaan dulu tidak menitikberatkan soal kebajikan. Bukankah kita yang menunaikan Sembahyang Jumaat akhir-akhir ini ada mendengar ungkapan sebegini "Kerajaan dulu berpegang kepada slogan Selangor Negeri Idaman Maju dan Sejahtera" dan slogan ini pun telah dikekalkan oleh kerajaan sekarang dalam Buku Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Selangor 2025 bukankah ini satu pengiktirafan kepada kerajaan dahulu. Dalam ucapan Bajet 2009 pada halaman 79 perkara 69 dengan jelas menyebut dengan Wawasan Selangor Negeri Idaman, Maju Dan Sejahtera. Kemakmuran dan kesejahteraan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahuwataala kepada negeri Selangor ini mestilah dinikmati bersama oleh seluruh lapisan rakyat negeri Selangor.

Perkara 70 pula menyebut justeru itu sebagai negeri yang termaju di Malaysia. Pada saya kenyataan tersebut dengan jelas telah mengiktiraf kerajaan terdahulu dalam memaju dan membangunkan negeri Selangor namun dalam beberapa kenyataan lain yang akan saya perjelaskan di bawah ini nanti. Kenyataan tersebut bercanggah pula di mana kerajaan sekarang membangkitkan kelemahan itu dan ini.

Y.B. Tuan Speaker dalam ucapan pembentangan bajet menyatakan bahawa kerajaan dahulu kurang berhemah kerana berbelanja perbelanjaan sosial bagi kebajikan rakyat hanya diserahkan kepada ihsan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan memperuntukkan lebih RM350 juta kepada Kerajaan Negeri. Dari jumlah itu RM10.3 juta diperuntukkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Itu pun RM 2 juta untuk emolumen dan hanya RM 8 juta sahaja untuk perbelanjaan. Soalnya peruntukan Kerajaan Negeri untuk berbelanja untuk hal-hal kebajikan ini pun masih lagi dalam lingkungan bajet yang diperuntukkan Kerajaan Persekutuan. Kalau kerajaan hanya berbelanja dengan jumlah itu, di manakah lebihnya kerajaan yang dikatakan ingin menjuarai hal-hal kebajikan ini. Jika peruntukan itu dianggap kecil, berapakah peruntukan yang sebenarnya kerajaan akan peruntukan. Saya ingin bertanya dari segi dari mana lagi peruntukan akan diambil oleh kerajaan. Barangkali besar kemungkinan kerajaan akan menggunakan peruntukan wang zakat. Soalnya wang zakat ini akan diperuntukkan atas nama apa, adakah kerajaan akan menggunakan label parti politik lagi atau atas nama Agama Islam Selangor. Kita semua maklum, peruntukan wang zakat hanya untuk orang-orang Islam sahaja. Bagaimana pula wang tersebut jika diperuntukkan kepada peruntukan sosial yang melibatkan semua masyarakat.

Y.B. Speaker, dalam Bajet 2009 juga merujuk kepada Buku Bajet 2009 yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor pada halaman 7, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM 10.9 juta untuk kebajikan dalam sektor sosial. Tetapi dalam perincian bajet pula halaman 122 disebut peruntukan untuk kebajikan hanya sebanyak RM 500 juta. Mengapa kekeliruan ini wujud, berapakah jumlah peruntukan untuk kebajikan yang sebenarnya.

Tuan Speaker, dalam Bajet 2009, di sebut RM 5.5 juta untuk Projek Ekonomi Kecil merangkumi Program Pembangunan Nelayan RM 2.7 juta. Program Pembasmian Kemiskinan RM 2 juta dan Kerajaan Prihatin RM 800,000.00. Prinsip Bajet Tahun 2009 di Selangor yang berteraskan Prinsip Merakyatkan Ekonomi Selangor saya anggap sebagai sudah basi. Kerajaan dulu sudah lama bercakap dan membuat perkara ini. Pada saya tindakan menaikkan pendapatan garis kemiskinan PGK RM 1,500.00 sebulan juga adalah satu langkah yang ke belakang dengan menaikkan PGK kadar kemiskinan rakyat Selangor kini berada pada paras 30%. Sedangkan pada satu ketika kemiskinan Selangor kita sudah capai pada paras 1.1%. Justeru apakah status Selangor sebagai negeri maju adakah kerajaan hendak mengkaji semula tentang status tersebut dengan kadar 30% kadar kemiskinan negeri Selangor berada dalam paras kemiskinan dan kita kembali menjadi mundur. Kita ingin tahu siapakah 30% rakyat yang berada di bawah kemiskinan ini. Apakah kerajaan akan memulakan lagi satu kajian untuk mengumpulkan data dan maklumat golongan miskin 30% ini.

**TUAN SPEAKER** : Y.B., Seri Setia ingin nak minta laluan.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Apa pula, saya ingat saya habiskan dulu, hujung sekali saya beri peluang. Hujung sekali...

**TUAN SPEAKER** : Ha, baik.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Y.B. Sekinchan saya pun nak sentuh Y.B. sikit, semalam kata Kementerian Pelajaran tak jaga masyarakat Cina untuk pengetahuan Y.B. Sekinchan, abang saya ni ya, adik saya ni di dalam Dewan Undangan

Negeri Kuang beberapa sekolah mohon peruntukan membaik pulih sekolah dan untuk pengetahuan Y.B. Sekinchan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kundang lulus RM 500,000.00 yang paling tinggi daripada sekolah-sekolah lain. Jadi saya ingat Kementerian Pelajaran jaga semua orang.

**TUAN SPEAKER** : Macam mana ni Seri Setia minta penjelasan tak bagi, Sekinchan tak minta, bagi pula.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Ini sahabat saya. Sahabat saya...., jiran, jiran. Apa pula mekanisme dan perancangan yang dibuat untuk menangani masalah kemiskinan ini. Apakah bentuk latihan dan kemahiran yang hendak diberikan kepada golongan miskin ini. Apakah kerajaan masih hendak mengekalkan sikap memberi atas nama bantuan sekiranya bermasalah sikap dan sebagainya masih menghantui mereka. Sebelum kerajaan yang baru memerintah di Selangor, kita juga sudah mempunyai *blue print* kemiskinan Negeri Selangor. Kita telah membuat pendekatan membasmi kemiskinan bukan sahaja sikap memberi ikan tetapi juga kita memberi pancing supaya golongan miskin ini dapat memancing sendiri ikan untuk menyara keluarga.

Konsep 3P Perumahan, Kerajaan dan Pendidikan telah lama diperkenalkan untuk membasmi kemiskinan. Dalam konsep ini terkandung unsur kebajikan, sikap berdikari, kesedaran dan pemerikasaan ekonomi kelompok sasaran. Kita memberikan atau membaik pulih rumah secara percuma supaya mereka mempunyai rumah yang selesa. Kita juga memberikan latihan pekerjaan supaya mereka sedia berdikari dan seterusnya pendidikan untuk memperkasakan anak-anak golongan ini. Ini adalah contoh terbaik bagaimana kerajaan dulu telah memberikan kebajikan yang disertakan unsur-unsur kesedaran untuk merubah, memupuk sikap berdikari dan memperkasakan jati diri. Maka di sini kita ingin mendengar perincian pelan tindakan serta mekanisme pelaksanaan bagi Program Pembasmian Kemiskinan yang baru. Adakah kita akan memberi secara percuma kepada kelompok miskin tanpa diletakkan rasa bertanggungjawab dalam diri mereka agar mereka berdikari. Apakah sasaran kita, siapakah penggerak kita di akar umbi. Sekali lagi saya menggesa satu pelan tindakan yang praktikal pembasmian kemiskinan dapat diberikan kepada kami.

Y.B. Tuan Speaker, harapan kita Program Pelaksanaan Pembasmian Kemiskinan perlulah mekanisme yang baru iaitu dari segi penghayatan, perancangan, fokus, kerja keras, keyakinan, penggerak yang sanggup turun padang dan duduk bersama-sama kelompok sasaran seperti program skim kredit makro yang dilaksanakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia iaitu hampir setiap minggu ada perjumpaan barulah kita boleh memantau dan memastikan keberkesanan program kerana bukan mudah untuk membangunkan fizikal, mental dan emosi orang miskin. Kalaulah Ketua Eksekutif Kerajaan pun menganggap turun padang sebagai tindakan membuang masa dan hanya mengharap kepada pembantu, saya fikir akhirnya tiada siapa yang akan benar-benar mendampingi kelompok miskin ini.

Y.B. Tuan Speaker, bagi menangani masalah kemiskinan bandar, saya sebenarnya sangsi dengan keberkesanan Pihak Berkuasa Tempatan sebagai agensi peneraju, PBT hanya boleh menjadi sebahagian daripada agensi pelaksanaan pelan dan membanteras kemiskinan bandar seperti menyediakan tapak gerai dan penyediaan permit perniagaan. Jika PBT mengambil peranan untuk menangani kemiskinan bandar saya fikir mereka akan kehilangan fokus dan matlamat. PBT sebenarnya berperanan sebagai penyelia perkhidmatan bandar. Bagi peranan itu sahaja pun PBT sudah cukup penat malah

keberkesanan dan imej PBT pun sering kali dipertikaikan. Apakah kita boleh bergantung kepada PBT, siapa penggerak mereka dengan izin “*on the ground*” mungkin kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri, UPEN atau satu organisasi yang fokus dengan isu ini perlu mengetuai agenda membanteras kemiskinan bandar. Saya katakan begini, saya lihat di DUN Kuang sahaja PBT Selayang nampaknya tidak menjaga perparitan dengan begitu baik. Ini bukan parit yang mengalir air, Tuan Speaker, kalau yang mengalir air, JPS barangkali. Parit kawasan perumahan yang sering tersumbat, tadi saya ingat Batu Muda, barangkali Seri Muda ada sebut banjir selalu berlaku, di Kuang begitu juga asal hujan lebat, banjir baru ni Y.A.B. datang ke Kuang, pada 19hb Y.B., Majlis Raya tapi saya sedih juga sebab tak jemput saya. Tak jemput saya, saya Y.B. khemah Y.B. gunakan untuk majlis raya tu semalamnya saya buat untuk DUN Kuang dan saya bagi percuma untuk majlis Y.A.B. dan saya tunggulah juga kalau adalah surat jemputan barangkali kalau ada jemputan, saya mesti hadir, majlis raya Y.A.B. saya mesti hadir. Kalau majlis parti barangkali tidaklah. Jadi saya kira ya dalam proses, dalam proses PBT ini harus menggandakan kerja mereka. Saya amat risau di Kuang, Y.B. Speaker, hujan lebat, hujan lebat saja banjir, dan saya amat khuatir supaya saya berharap PBT di Selayang mempergandakan kerja mereka untuk melihat kesusahan rakyat ini. Daripada segi membela rakyat, saya cukup seronok di DUN Kuang, apatah lagi Batu Tiga menjadi ADUN angkat di Kuang, EXCO Kebajikan walaupun ADUN Kuang masih hidup lagi tetapi ada ADUN angkatnya, alhamdulillah. ADUN angkat pula seorang EXCO Kebajikan dalam membela masyarakat di Dewan Undangan Negeri Kuang Tuan Speaker, saya tidak memilih bulu asalkan rakyat itu layak menerima bantuan, dia layak ke atas kedudukan keluarganya yang miskin dan walaupun ideologinya yang berbeza, saya tetap bantu. Insya-Allah Kerajaan Pusat terus menerus memberikan sumbangan yang Dewan Undangan Negeri untuk diberikan kepada rakyat yang memerlukan bantuan. Saya dari keluarga yang miskin, saya tahu bagaimana susah menjadi orang miskin. Itulah harapan saya semoga rakyat terus dibela di bawah perbelanjaan yang baru ini dan mudah-mudahan rakyat Selangor terus maju dan berjaya. Sekian, assalamualaikum dan salam sejahtera.

**TUAN SPEAKER :** Taman Medan

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA :** Terima kasih Tuan Speaker. Taman Medan ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah kelmarin membentangkan bajet 2009 dalam agenda merakyatkan Negeri Selangor. Sudah tiba masanya rakyat Negeri Selangor Pakatan Rakyat dalam misi penyelamat kepada pentadbiran Negeri Selangor sebelum ini dan yang lalu. Dan Kerajaan Pakatan Rakyat dengan pimpinannya yang bersatu hati, ikhlas dan penuh bertanggungjawab telah meletakkan dengan keyakinan anggaran KDNK Negeri Selangor pada kadar 5.9 peratus pada tahun 2008 lebih tinggi daripada pertumbuhan negara Malaysia iaitu 5.7 peratus. Dengan pengurusan dan cekap, adil, telus dan berhemah juga adalah wajar bagi Kerajaan Negeri mengambil tindakan menghentikan mana-mana usaha sama yang tidak menguntungkan negeri yang sebelum ini diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Begitu juga Kerajaan Pakatan Rakyat begitu serius bertanggungjawab menjaga kebajikan rakyat dengan meletakkan empat fasa merakyatkan ekonomi Negeri Selangor. Saya ingin menyentuh berkaitan dengan perumahan disebabkan sasaran setinggan sifar yang dianjurkan atau diperkenalkan oleh Kerajaan yang lalu yang tujuan asalnya bukan untuk membantu membina rumah untuk komuniti setinggan tetapi tujuan sebenarnya untuk mengosongkan tanah berkenaan supaya dapat diberikan kepada syarikat-syarikat swasta untuk projek usaha sama hartanah telah menyebabkan beribu-

ribu penduduk setinggian di Taman Medan berada dalam kehidupan dan juga berada dalam satu mimpi ngeri yang tidak dapat dibayangkan. Dan saya kira disebabkan akan Dasar Kerajaan BN yang zalim inilah maka sumpahan penduduk setinggian khususnya di Taman Medan telah terkena kepada Kerajaan Barisan Nasional dan kini mereka telah berada di sebelah sana.

Saya ingin menyentuh dan menyarankan kepada Kerajaan Negeri Selangor supaya menghentikan istilah perumahan kos rendah seperti mana yang dianjurkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang sebentar tadi kerana istilah perumahan kos rendah ini memberi *fantasy* yang negatif. Sudah tentulah mereka-mereka yang tinggal di perumahan kos rendah merasa begitu rendah diri dan mereka juga akan bertindak seperti kelompok golongan berpendapatan rendah dan juga berpendidikan rendah. Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menggunakan istilah rumah mampu pemilik menukarkan istilah rumah kos rendah dan juga saya menyarankan supaya rumah-rumah bagi golongan miskin ini tidaklah di kompromi dari segi kualiti dan juga taraf rumah yang diberikan. Dan saya juga ingin mengingatkan Kerajaan Negeri yang telah mencadangkan konsep bina dan jual dan konsep ini saya harap dapat diperkenalkan dengan secepat mungkin. Sebab banyak kes-kes perumahan terbelengkalai, dan juga kes-kes pembelian rumah-rumah yang dibeli tetapi kualiti selepas mereka membeli rumah tersebut adalah amat menyedihkan. Saya juga menyokong usaha Kerajaan Negeri untuk terus mengekalkan taraf Negeri Selangor maju dan bekerja keras bagi memewahkan rakyat Negeri Selangor. Tetapi saya juga khuatir istilah memewahkan rakyat Negeri Selangor ini akan disalah tafsirkan. Saya mohon supaya istilah memewahkan rakyat ini dihuraikan oleh Kerajaan Negeri dan dijelaskan supaya mereka tidak silap faham dengan menunggu *hands out* dengan izin daripada Kerajaan Negeri supaya mereka boleh jadi mewah. Saya kira memewahkan ini memberi maksud memberi ruang yang seluas-luasnya kepada seluruh rakyat Negeri Selangor bagi meningkatkan pendapatan melalui peluang-peluang pekerjaan serta projek-projek yang sebelum ini mungkin hanya diberikan kepada kroni-kroni dan rakan-rakan politik. Saya juga ingin menyarankan kepada Kerajaan Negeri mengenai usaha pemurnian dalam syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri atau *GLC* dan dipanjangkan juga jabatan-jabatan dan juga Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Selangor dan termasuk Pejabat-Pejabat Daerah. Sebab didapati ada pihak-pihak di jabatan-jabatan dan juga PBT tidak juga terlepas Pejabat Daerah yang mengambil kesempatan daripada tindakan ataupun sikap Kerajaan Negeri yang begitu meneruskan lagi usaha atau amalan-amalan yang tidak beretika semasa dalam Kerajaan yang lalu. Saya ingin membawakan contoh di mana berlaku penyelewengan semasa oleh pihak-pihak yang berwajib di mana berkaitan dengan peruntukan ADUN yang telah diberikan kepada setiap ADUN sebanyak setengah juta ataupun 500 ribu bagi penggunaan setiap tahun. Maka didapati pada rekod yang kita perolehi daripada Pejabat Daerah, ada setengah-setengah ADUN membelanjakan setengah juta hanya membekalkan makanan dan khemah. Saya tidak ingin menyebutkan DUN mana, tetapi dalam simpanan kita, berdasarkan data daripada Pejabat Daerah itu yang berlaku. Bukan itu sahaja, terdapat DUN yang memberi sumbangan secara terus untuk cawangan-cawangan UMNO di bawah DUN tersebut, dan perbelanjaannya melepasi ratusan ribu. Jadi inilah yang berlaku yang mungkin kita mengambil mudah kalau ditanya mungkin jawapannya yang akan diberi seperti mana juga yang diberi oleh Ketua-ketua *GLC*, alasan mereka mungkin ini adalah arahan Ahli Majlis ataupun Wakil Rakyat. Jadi saya kira Kerajaan Negeri perlu mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang menyalahgunakan kedudukan mereka untuk menyeleweng wang rakyat. Alhamdulillah Kerajaan Pakatan amat prihatin akan kebajikan rakyat jelatanya dan mengambil kira kenaikan harga yang melanda di seluruh

negara buat ketika ini. Apalah gunanya dibanggakan sebuah negeri yang maju tetapi ramai lagi yang masih kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Oleh itu amatlah wajar bagi Kerajaan Negeri meletakkan paras kemiskinan pada kadar yang sewajarnya iaitu pada RM1,500. Dengan itu pihak yang berada di bawah paras kemiskinan itu dapat dibantu dan dikeluarkan mereka daripada kemelut kemiskinan.

Saya juga menyokong dan bersetuju dengan cadangan Kerajaan Negeri untuk memberikan cuti bersalin selama 90 hari kepada wanita-wanita yang bekerja. Tetapi saya ingin memohon agar mereka dijelaskan supaya 90 hari bercuti itu tidak hanya bercuti tanpa mendapat manfaat yang sepatutnya. Sebaik-baiknya cuti 90 hari tersebut digunakan untuk mengeratkan lagi hubungan antara ibu dan anak dan menganjurkan supaya anak itu disusukan oleh ibunya sendiri. Dan saya melihat Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin tentang kebajikan wanita. Di samping itu pertimbangan cuti kepada wanita yang kematian suami juga dalam perancangan. Bukan sahaja mendapat cuti sebulan tetapi mendapat elaun penuh gajian sebulan bagi kakitangan wanita yang berstatus tetap atau kontrak diberikan oleh Kerajaan Negeri. Saya ingin menyentuh berkaitan cuti 14 hari kepada suami yang isterinya bersalin. Saya mempunyai sedikit kekhuatiran sekiranya cuti 14 hari ini disalahgunakan oleh pihak suami. Saya ingin berkongsi pengalaman saya daripada wanita-wanita ataupun Ahli-ahli Parlimen daripada Afrika yang menyatakan pengalaman mereka yang telah meluluskan cuti 14 hari bagi suami yang isterinya bersalin. Kata mereka para suami mengatur isteri mereka supaya bersalin satu demi satu, mudah mereka cuti sepanjang tahun. Jadi, saya kira, jika sekiranya Kerajaan Negeri mempertimbangkan cuti 14 hari kepada suami maka para suami perlu diberi kesedaran bahawa cuti ini adalah untuk membantu isteri melalui tempoh *confinement* dengan izin.

**TUAN SPEAKER** : Tapi Yang Berhormat, mati suami isteri dapat cuti 30 hari, tapi mati isteri suami tak dapat, apa komen Yang Berhormat pula.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA** : Tapi itu terpulang kepada Kerajaan Negeri. Saya kira tiada masalah. Kalau sekiranya suami belum melalui tempoh untuk berkabung, ataupun tempoh untuk mengurus kematian ataupun kehilangan seorang yang disayangi maka adalah wajar bagi mereka diberikan beberapa hari, sebab kebiasaannya suami akan mencari isteri yang baru selepas kehilangan isteri... ketawa....

**TUAN SPEAKER** : Beberapa hari mana cukup, (ketawa) .....

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA** : Dengan itu saya juga ingin mencadangkan memperlihatkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap kebajikan wanita untuk bajet yang akan datang mencadangkan *bajet gender* atau *gender bajeting* yang dirangka untuk memastikan bajet kerajaan serta dasar yang dirangka adalah memenuhi kehendak serta keperluan golongan-golongan yang disasarkan yang terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat. Bajet gender menitik beratkan pada ketidaksamaan yang boleh berlaku akibat perbezaan gender tapi pada masa yang sama menimbangkan kelemahan yang dihadapi akibat daripada perbezaan kaum, kasta pendapatan, kedudukan dan umur. Bajet gender sebenarnya bukan bertujuan untuk membahagikan bajet tersebut di antara lelaki dan wanita. Tetapi ia bertujuan untuk memastikan keperluan antara wanita dan lelaki dibahagikan secara adil dan saksama. Jadi bajet gender yang dirangka untuk menumpukan kajian terhadap perbelanjaan awam atau kaedah meningkatkan hasil dari perspektif gender mengenal pasti impak terhadap kaum wanita berbanding kaum lelaki. Jadi bajet gender akan berfungsi untuk mengenal pasti

ruang yang wujud antara dasar dengan sumber-sumber yang ada yang telah diperuntukkan supaya wang rakyat diperoleh dan diagihkan dengan sama rata. Dan ia juga akan memastikan matlamat dasar ekonomi selaras dengan indikator-indikator keberkesanan ekonomi dan dasar ekonomi. Dengan itu diperkenalkan bajet gender maka lebih adil adalah pengagihan ekonomi Kerajaan Negeri Selangor.

Dengan itu saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan peruntukan bagi pembangunan pertanian. Jika dilihat peruntukan yang telah diperuntukkan hanyalah sedikit, tetapi kita, Kerajaan Negeri Selangor perlu ingat bahawa ramai golongan yang miskin adalah terdiri daripada petani, penternak dan nelayan. Oleh itu saya mencadangkan supaya peruntukan yang lebih perlu disalurkan kepada sektor pertanian supaya golongan-golongan tersebut dapat keluar daripada kemelut kemiskinan. Sebelum saya akhiri perbahasan ini saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan fasa-fasa yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri untuk merakyatkan ekonomi. Disebutkan di sini terdapat lapan belas program melalui empat fasa merakyatkan ekonomi. Daripada pengamatan saya Yang Amat Berhormat Menteri Besar hanya mengemukakan empat belas, jadi saya ingin tahu ke mana lagi yang empat. Empat program bagi merakyatkan ekonomi. Dengan itu saya ingin mengakhiri perbahasan ini dengan menyokong bajet 2009 yang dibentangkan oleh Y.A.B Menteri Besar dan saya akhiri perbahasan ini dengan satu pantun.

Dari Parit Sulung Pergi Ke Berembang  
Naik Kereta Proton Iswara  
Bajet Sulung Bajet Berimbang  
Selangor Idaman Maju Sejahtera

Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Subang Jaya

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Subang Jaya ingin mengambil bahagian membahas ucapan bajet 2009 oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor. Memandangkan kenaikan harga minyak yang baru ini saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri melalui PBT boleh memberi pengangkutan awam kepada rakyat negeri Selangor. Sekarang ini pengangkutan awam tidak memuaskan. Penumpang perlu menunggu lama *to catch the green bus* dengan izin dan saya berharap kerajaan negeri boleh mempertimbangkan pemberian pengangkutan awam kepada rakyat negeri Selangor melalui PBT masing-masing dan jika tiada sekatan yang menghalang ini daripada tercapai. Saya juga menyeru Kerajaan negeri mengadakan satu mesyuarat dengan segera dengan pengendali LRT untuk membolehkan satu pendekatan yang menyeluruh bagi sistem jaringan di Lembah Klang ini. Usaha oleh satu atau dua Ahli Dewan Undangan Negeri tidak boleh memberi kesan yang mencukupi kerana pengangkutan awam ini merangkumi banyak kawasan. Saya juga cadangkan satu *task force* ditubuhkan seperti *task force* tanah untuk mengkaji dan memperbaiki pengangkutan awam di negeri Selangor. Saya berharap kerajaan negeri boleh memantau kutipan tunggakan hasil dengan bernas. Ini disebabkan kebanyakan tanah yang mempunyai tunggakan hasil juga merupakan tanah terbiar dan sering kali menjadi tempat pembiakan nyamuk dan mengakibatkan demam denggi. Satu contoh tanah terbiar sebegitu rupa ialah tanah nombor hak milik 0158578 LOT 42484 Daerah Petaling Mukim Damansara, lokasinya di simpang lampu isyarat berhampiran Giant di USJ 1. Tanah tersebut mempunyai tunggakan cukai tanah dan cukai pintu beratus-ratus

ribu dan sudah berlaku kejadian lemas dan kematian. Tetapi sehingga ke hari ini tanah tersebut belum dirampas oleh Kerajaan Negeri. Saya berharap penguatkuasaan boleh dijalankan dengan efektif supaya kejadian seperti ini tidak berulang lagi. Saya juga berharap kerajaan negeri membantu mangsa-mangsa projek terbengkalai seperti *New Gate Avenue* yang telah menunggu bertahun-tahun sehingga ada yang sudah meninggal pun belum dapat melihat rumah yang dibeli. Saya juga menyeru kerajaan negeri membuat *review* atas kadar cukai taksiran sekarang.

Subang Jaya mengalu-alukan arahan kerajaan negeri mengarahkan agar setiap jabatan kerajaan termasuk PBT masing-masing memperkemas sistem pemantauan aduan dengan mengadakan mesyuarat pemantauan bagi menyelesaikan setiap aduan pelanggan. Tidak mencukupi jika PBT sekadar memberi jawapan kes ditutup tanpa mengambil tindakan yang mencukupi atau tidak mengambil masa menerangkan tindakan PBT kepada pengadu. Saya rasa sudah tiba masa kerajaan negeri mengambil langkah dan usaha memperbaiki imej PBT dan membaik pulih keyakinan rakyat terhadap PBT. Saya telah diberitahu bahawa sebuah firma peguam telah menghantar *inbois* mereka kepada MPSJ bagi satu kerja meneliti, mengkaji dan menasihat pihak-pihak MPSJ dalam satu perjanjian perkhidmatan. *Invois* tersebut meminta MPSJ membayar RM dua ratus ribu tiga ratus lima puluh ringgit dan bayaran sebanyak RM lapan puluh ribu telah dibayar. Firma peguam tersebut bermula operasi mereka dalam tahun 2003 tetapi terus mendapat kerja dengan MPSJ dalam tahun 2005. Satu Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran yang baru dilantik telah memutuskan bahawa pembayaran RM lapan puluh ribu kepada firma peguam ini sudah terlampau. Pemantauan yang ketat harus dijalankan terhadap kontraktor-kontraktor PBT. Sistem panel harus dikaji dan diteliti supaya hanya pihak yang cekap dan berkelayakan sahaja harus dipilih. Perjanjian konsesi yang berat sebelah dan tidak menguntungkan PBT telah dibuat dan bukan untuk satu tahun sehingga dua puluh lima tahun pun ada tanpa sebarang pendapatan kepada PBT. Oleh itu saya menyokong strategi pengurusan perbelanjaan yang cekap dan berhemah. Saya berharap strategi ini boleh dilaksanakan di semua lapisan pentadbiran. Cenderahati untuk mesyuarat kerajaan boleh dikurangkan jika ia bukan satu keperluan. Ini boleh mengelakkan pembaziran. Saya juga menyeru kerajaan memantau semua projek *white elephant* dengan izin hasil kerajaan yang lalu seperti bangunan 3C di Subang Jaya supaya mengelakkan pembaziran berterusan setiap tahun dalam kerja penyelenggaraannya. Saya juga ingin tahu apa status dewan orang ramai yang telah banyak digunakan oleh pihak Barisan Nasional sebagai pejabat mereka, dewan mereka, tadika mereka. Guna aset rakyat untuk menjana keuntungan bagi diri sendiri. Seperti dewan masyarakat di USJ 1 yang telah bertukar menjadi dewan UMNO. Saya telah sabar menunggu, malah telah berjumpa dengan Tan Sri Muhamad Muhamad Taib untuk mendapatkan balik dewan tersebut dan beliau berkata dengan izin *I would looking to it*. Tetapi sehingga hari ini saya masih tidak menerima sebarang jawapan.

Pejabat Tanah pula telah memberi surat kepada UMNO untuk menyerahkan dewan tersebut sejak bulan Julai lalu. Tiada penguatkuasaan walaupun keputusan telah dibuat untuk mengambil balik semula dewan-dewan ini. Saya tegaskan sekali lagi jangan gunakan duit pembayar cukai untuk menambah aset parti politik. Itu satu kecurian. Saya juga menggesa kerajaan negeri mewartakan kawasan lapang dengan secepat mungkin terutamanya taman Subang Ria di Subang Jaya. Taman tersebut sekarang ini kelihatan terbiar dan kes pembunuhan telah berlaku baru-baru ini. Taman ini merupakan aset penduduk Subang Jaya sejak bertahun-tahun dahulu dan saya berharap taman ini boleh diwartakan dengan segera. Begitu juga dengan hasrat

penduduk di USJ 11 yang ingin melihat taman mereka kekal sebagai kawasan lapang dan bukan medan selera. Saya berharap Kerajaan Negeri peka terhadap perasaan penduduk bandar yang telah banyak menjadi mangsa pembangunan yang terlalu padat. Usaha meningkatkan tahap kesihatan penduduk dan kesihatan persekitaran mesti dipertingkatkan. Denggi ini tiap tahun menjadi masalah kesihatan dan saya berharap Kerajaan Negeri memperuntukkan bajet yang mencukupi untuk langkah-langkah membasmi denggi. Di Subang Jaya sekarang tiada klinik kesihatan dan saya telah diberitahu oleh pemerintahan yang lalu bahawa satu peruntukan untuk klinik kesihatan di bawah *The Nine Malaysian Plan* dengan izin apabila pejabat saya bertanya kepada pejabat perkhidmatan perubatan dan kesihatan Negeri Selangor, kita diberitahu bahawa satu pekeliling perbendaharaan Bilangan 9/28 telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan untuk mengawal dan mengurangkan perbelanjaan awam dan ini sekali gus menyekat pembekalan klinik kesihatan di Subang Jaya. Saya berharap Kerajaan Negeri boleh membantu mencari penyelesaian kerana penduduk Subang Jaya memerlukan satu klinik kesihatan awam.

Bulan lalu saya telah bersama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya membuat satu sidang akhbar memberitahu penduduk kurang upaya OKU Subang Jaya mengenai sistem tempat letak kereta yang percuma bagi golongan tersebut. Selepas berita itu disiarkan di dalam akhbar, pejabat saya telah menerima panggilan telefon yang tidak terhenti daripada penduduk sejauh Banting dan Kepong yang menelefon dan mereka memohon supaya mereka turut diberi tempat letak kereta percuma di kawasan PBT mereka. Ini kerana golongan OKU menghadapi kesusahan bergerak apatah lagi perlu mencari tempat kereta dan kemudiannya mencari mesin membeli tiket. Dengan ini saya menyeru semua PBT mengikut jejak langkah MPSJ dan saya menyeru kerajaan negeri mempertimbangkan pemberian tempat letak kereta percuma kepada semua OKU yang berdaftar di Selangor.

Subang Jaya juga ingin melihat wang peruntukan untuk mempertingkatkan keselamatan penduduk Selangor. Akhir kata Sri Serdang semalam mengatakan bahawa sistem merakyatkan ekonomi Selangor bagaikan satu usaha menyumbat wang ke dalam poket rakyat Selangor. Apa salahnya memberi manfaat yang pelbagai kepada rakyat jelata. Saya lebih rela melihat wang masuk ke dalam poket rakyat daripada melihat wang melesapkan ke dalam poket UMNO atau pun Barisan Nasional. Sekurang-kurangnya rakyat boleh melihat manfaat dengan mata sendiri dan bukan dengan secara membabi buta dengan mempercayai ilusi kerajaan lalu. Akhir kata saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar atas usaha beliau merakyatkan ekonomi Selangor dan bukan seperti usaha kerajaan yang lalu yang sibuk dan telah banyak mengUMNOKan ekonomi Selangor. Sekian, terima kasih

**TUAN SPEAKER** : Dengkil.

**Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING** : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum WBT.* Terima kasih Tuan Speaker. Terutama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi kesempatan kepada Dengkil untuk bangun memberi, mengambil peluang dalam perbahasan bajet, pembentangan bajet di persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor yang mulia ini.

Tuan Speaker, dalam pembentangan bajet sulung Pakatan Rakyat yang saya lihat kesungguhan kerajaan untuk memberi limpahan imbuhan kepada pelbagai usaha untuk menyakin dan menambat hati rakyat. Saya menyambut baik bajet yang memberikan

faedah dan kebajikan kepada semua golongan lapisan masyarakat sama ada yang muda, yang tua, yang miskin, yang kurang upaya, waima meliputi semua lapisan masyarakat akan mendapat nikmat ini. Ini bajet cantik dan menarik didengar. Tapi impian belum tentu menjadi kenyataan. Mimpi belum tentu menjadi realiti. Dalam bajet saya melihat banyak juga peruntukan kepada pembangunan walaupun tidak diperjelaskan secara terperinci, tapi saya mengharapkan sesuatu yang mengembirakan kepada golongan usahawan terutama golongan kontraktor. Kontraktor sering menjadi bahan dalam banyak perbincangan dan perbincangan. Kontraktor jugalah yang banyak ditimbulkan cerita rasuah dan pelbagai tohmahan dan jangan lupa golongan ini jugalah yang banyak membantu membangunkan negara. Dalam bajet perkara yang ke dua belas ada disebut fasal tender malah dalam ucapan Y.A.B Menteri Besar selalu menyebut kerja-kerja dikeluarkan melalui tender. Baguslah kerana ini boleh mengelakkan dari tanggapan negatif. Tetapi apakah bentuk tender itu kerana tender ada macam-macam. Ada tender terbuka, *open tender*, ada *close tender*, ada *selektif tender*, dan *negotiated tender*. Tetapi yang mana satu yang dimaksudkan kerana semuanya berbunyi tender. Saya nak tanya betulkah hanya tender terbuka, betulkah tiada *close tender*, betul ke tiada *selektif tender*, betulkah tiada *negotiated tender*. Saya hanya bertanya Tuan Speaker. Yang saya maksudkan tender termasuklah sebut harga.

Tuan Speaker, Y.A.B Ijok ada banyak mendengar aduan tentang pegawai kerajaan di PBT melakukan penyelewengan tentang pemberian tender dan sebut harga. Saya pun mendengar juga. Saya ada jaringan seluruh Selangor melalui persatuan kontraktor. Adakah Yang Amat Berhormat Ijok sedar bagaimana perkara ini berlaku? Pegawai-pegawai menghadapi asakan dan kerenah Ahli Majlis yang baru mendapat jawatan dan seperti yang didengar oleh Yang Amat Berhormat Ijok, saya pun dengar juga. Mereka ini menggunakan lesen proksi sebab mereka bukan kontraktor. Dan saya dengar dah adapun yang telah mendapat sesuatu. Yang ini mungkin Yang Amat Berhormat tak tahu. Apa yang terdaya dibuat oleh Pegawai PBT kerana Ahli Majlis adalah bos mereka juga. Terus terang saya katakan juga bahawa kenyataan Yang Amat Berhormat Ijok mahu melaksanakan ketelusan dalam pentadbiran terutama pemberian tender dan sebut harga boleh menjadi hanya omong-omong kosong sahaja. Ini kerana kerja kecil di PBT tidak terkawal belum lagi di peringkat yang lebih besar.

Tuan Speaker, tidak ada satu pun kerajaan dalam dunia ini yang mahukan kerajaan mereka tidak beramanah. Tetapi itulah yang berlaku baru 7 bulan perintah, sudah berlaku penyelewengan. Paku dulang paku serpih, mengata orang nanti mereka yang lebih.

Tuan Speaker, kalau tak silap dengar saya, EXCO ada menyatakan bahawa Kerajaan Pakatan akan mengayakan golongan kontraktor, akan memewahkan golongan kontraktor. Di Selangor sekarang ini ada 7 ribu lebih kontraktor. 7,130 kontraktor dan 4,767 orang kontraktor daripada kalangan Kelas F. Saya ingin bertanya kepada Gombak Setia, bagaimanakah cara untuk nak mengayakan kontraktor kalau bilangan peruntukan yang terbatas? Kalau satu kontraktor diberikan peruntukan RM100,000.00 setahun dan kita sudah tahu berapa keuntungan yang boleh diperoleh. Adakah RM100,000.00 setahun ini boleh menjadikan kontraktor mewah? Saya menyatakan ini kerana saya memetik ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Ijok, ucapan Yang Amat Berhormat Ijok bahawa akan memberikan keadilan kepada semua rakyat. Ini bermakna ia akan memberi keadilan kepada semua 4,767 kontraktor dan kalau RM100,000.00 setiapa kontraktor bermakna ia akan melibatkan RM476 juta peruntukan satu tahun. Ini

belum cukup untuk mengayakan kontraktor. Sebab itulah saya menyatakan impian belum tentu menjadi kenyataan. Mimpi belum tentu menjadi realiti. Dan juga cara pemberian kontrak-kontrak daripada PBT tidak pernah saya melihat PBT mengadakan kerja-kerja undi seperti mana hendak menunjukkan keadilan. Nak menentukan keadilan. Ini boleh menimbulkan prasangka kalau PBT terus memberikan secara inden di bawah RM20,000.00. Dan apa yang kita lihat pada hari ini, inilah yang berlaku dan kebanyakan pada mereka apabila bertukar sahaja pemerintah maka bertukarlah juga pengemudi-pengemudi ini. Apa yang terdaya dibuat oleh pegawai-pegawai PBT kerana asakan dan kerenah daripada Ahli Majlis tetap akur kerana ini adalah satu contoh yang kita nak bagikan kepada Pakatan Rakyat.

Saya hendak berikan satu contoh kepada Kerajaan Pakatan Rakyat, di mana Kerajaan Barisan Nasional melalui Pejabat Pembangunan Daerah tahun sudah telah mengeluarkan kerja-kerja di bawah peruntukan PIAM, Projek Infrastruktur Awam dan Projek Infrastruktur Asas di bawah RM200,000.00 setiap satu. Dan ianya diberikan secara undian kepada Kelas F bukan sahaja di Selangor tetapi di seluruh negara. Undian kepada semua Kelas-Kelas F tanpa mengambil kira fahaman politik kerana kita mahukan keadilan di mana kita tidak mahu walaupun seorang kontraktor terlepas peluang dari mendapat projek kerajaan.

Setelah semuanya dah dapat barulah masuk pusingan yang kedua di mana mereka boleh mengundi pada kali kedua. Jabatan Kerja Raya juga mengamalkan perkara yang sama. Kita harap PBT boleh guna kaedah yang sama jika tidak mahu menerima tohmahan, tidak telus dan pandangan yang negatif.

Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Ijok tidak sepatutnya hanya menyalahkan Pegawai PBT. Hanya kerana mereka pernah bekerja di bawah Barisan Nasional. Sebagai Menteri Besar Yang Amat Berhormat Ijok tidak seharusnya ada menyimpan perasaan yang sedemikian. Bagaimana hendak uruskan kerajaan dengan baik kalau sentiasa berprasangka buruk kepada kakitangan bawahan. Yang Amat Berhormat Ijok bolehkah memantau Jawatankuasa Tender agar betul-betul telus dan bebas dari pengaruh politik dan Ahli-Ahli Majlis kerana mereka di bawah kerajaan parti politik atau memang ada wahyu-wahyu yang diturunkan kalau memang benar-benar Yang Amat Berhormat mahukan kerajaan yang telah telus jawatankuasa tender bebas hendaklah ditubuhkan dengan melantik wakil pembangkang sebagai pemerhati. Tak perlu ada peti tender lut sinar dan buka di depan orang ramai semata-mata hendak menunjukkan ketelusan. Sebenarnya ini adalah amat memalukan.

Tuan Speaker, saya pernah terbaca dalam akhbar selepas menjawat jawatan Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Ijok pernah berkata selaku Menteri Besar tidak akan menggunakan pena sakti. Bunyinya seperti meyakinkan tetapi semacam pena sakti telah diperturunkan kuasa saktinya kepada orang lain. Awal-awal lagi di luar pintu pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar sudah berlaku salah guna kuasa. Apatah lagi turun ke daerah-daerah kita melihat wakil-wakil Pakatan Rakyat begitu ghairah sekali. Ahli-Ahli Majlis, walaupun tidak menduduki panel tender tidak bermakna mereka tidak berperanan. Saya minta Yang Amat Berhormat Ijok tengok-tengoklah, turunturunlah ke bawah. Buanglah masa sedikit, bazirkanlah masa sikit untuk melihat percanggahan yang sedang berlaku.

Tuan Speaker, Yang Berhormat Ijok dan rakan-rakan yang lain sering berkata Barisan Nasional menggunakan kuasa 50 tahun untuk kepentingan diri dan menindas dan

sebagainya. Walaupun dakwaan itu sebenarnya tidak benar malah orang yang kononnya tertindas ini adalah golongan yang gelojoh seperti orang yang kehausan 50 tahun apabila mendapat kuasa. Seperti melihat air dia terlalu ghairah untuk meminumnya. Ini saya hendak bagi contoh kepada Yang Amat Berhormat. Selepas pilihan raya kita akur bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak dapat membentuk kerajaan dan apa yang berlaku di kawasan-kawasan di Pejabat PBT, di Pejabat Daerah. Berduyun-duyun dari golongan mereka ini berjumpa dengan Pejabat Daerah. Jumpa Pegawai Daerah tanyakan pasir, tanyakan tanah, tanyakan projek tak kurang juga yang pergi ke PBT tanyakan projek, tanyakan kawasan-kawasan kutipan sampah dan sebagainya. Malah langkah yang paling bagus pada mereka ialah mereka mengumpul-ngumpulkan lesen-lesen Kelas F untuk diajukan kerana pada mereka itulah masanya yang sangat sesuai apabila Kerajaan Pembangkang memerintah Negeri Selangor.

Saya amat terkilan apa yang disebutkan oleh Gombak Setia seolah-olah memberikan gambaran bahawa orang UMNO ini rakus. Tahukah Yang Berhormat Gombak Setia bahawa kontraktor-kontraktor yang berada di Negeri Selangor ini bukan terdiri daripada orang UMNO sahaja malah terdiri daripada orang-orang PAS sahaja? Pernahkah Yang Berhormat mendengar orang PAS tidak mendapat projek, orang PAS dipinggirkan? Ada diskriminasi kepada mereka? Semuanya tidak pernah berlaku melainkan kita memberikan secara telus, kita memberikan secara keadilan dan seolah-olah Gombak Setia ini buta tidak melihat apa yang berlaku di bawah. Sebagai seorang yang pernah duduk dalam Dewan ini sepatutnya beliau lebih rasional.

Tuan-tuan dan puan-puan, Yang Dipertua, Yang Dipertua,

Kontraktor sebenarnya tidaklah seperti yang digambarkan seolah-olah dapat projek, dapat kemewahan. Untung banyak hidup senang. Sebenarnya itu hanyalah luarannya sahaja. Setiap kontrak 60% daripada nilai kontrak ialah harga bahan binaan dan ini lari kepada kawan Y.B. Sekinchan sebab mereka ini pembekal bahan binaan. 20% ke 25% sudah lari ke Indonesia kerana ini upah pekerja dan yang ada pada kontraktor ialah sebenarnya 10% – 15% itu pun kalau diurus dengan baik dan kita berhadapan dengan satu suasana yang ada pada hari ini yang menyebabkan 10% ke 15% ini juga akan hilang. Sebenarnya masalah yang dihadapi oleh kontraktor ialah kenaikan harga barang. Pihak Berkuasa Tempatan tidak melakukan penilaian semula atau *review* atau mengkaji semula harga barangan secara menyeluruh di mana kontraktor menanggung kos yang cukup tinggi kesan dari kenaikan harga bahan bakar. Saya harap dalam Bajet 2009 ini kerajaan akan mengambil kira kenaikan harga bahan binaan dalam menyediakan anggaran mengikut harga semasa. Saya hanya fokus kepada PBT sebab Pejabat Daerah belum mengeluarkan projek lagi. Dan saya tidak menyentuh JKR kerana JKR telah pun berlaku adil dalam pemberian kontrak-kontraknya melalui sebut harga dan juga tender.

Tuan Speaker, Dengkil bakal memberi kekayaan kepada Negeri Selangor hasil pasir yang berjuta ringgit. Saya harap Pakatan Rakyat akan lebih adil kepada Daerah yang memberikan kekayaan ini dengan memberikan peruntukan yang lebih, pembangunan yang lebih kepada kawasan Dengkil. Baru-baru ini pada empat hari bulan lapan, satu deret tujuh kedai rumah, rumah kedai terbakar di Kampung Olak Lempit. Sehingga ke hari ini tidak ada tanda-tanda akan dibina semula. Ini sebenarnya menjejaskan pendapatan 7 peniaga tersebut. Dan saya hendak bertanya adakah ini kerana kawasan pembangkang maka pembangunan dipinggirkan? Dan saya berpegang kepada ucapan

Yang Amat Berhormat Ijok Kerajaan akan memberikan keadilan tanpa mengira warna dan kulit.

Dan baru-baru ini juga Tuan Speaker, bekalan air di Sepang telah terputus di revolusi hijau dan ini menjejaskan kepada Daerah Kuala Langat, Hulu Langat dan Sepang sendiri. Ini adalah akibat sikap rakus pengusaha pasir dan saya difahamkan permit tidak dikeluarkan tapi pasir keluar waktu malam. Pasir dalam pasaran gelap Tuan Speaker adalah lebih mahal dari pasir pasaran terang. Saya kasihan dengan Pegawai Daerah Sepang mengadakan operasi 24 jam tetapi apabila bulan puasa, penguasa cuti orang lain mengambil alih kerana mereka ini tidak bersembahyang Tarawih. Pasir keluar tengah-tengah malam.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Dengkil, Kampung Tunku minta penjelasan. Silakan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Nak minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Speaker. Adakah Yang Berhormat Dengkil juga ingin mencadangkan supaya Pejabat Daerah ini, di kawasan Sepang ini mengambil lebih banyak penguatkuasa-penguatkuasa dari kalangan bukan Muslim supaya bila, apabila kita menghadapi masalah ini kita ada ganti dia. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan sebegitu?

**Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING** : Saya tak berapa dengar Tuan Pengerusi,

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Adakah Yang Berhormat bercadang supaya penguatkuasa di daerah Sepang ini, supaya kita ambil lebih banyak Penguatkuasa-penguatkuasa bukan Muslim supaya kalau kita ada masalah sebegini mereka boleh ganti mereka yang cuti dan masalah ini boleh dielakkan. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan begitu?

**Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING** : Apabila saya menyebut dalam Dewan ini, ini bermakna tindakan perlu diambil kerana apa yang saya sebutkan ini adalah tindakan yang perlu diambil segera untuk mengatasi dan untuk memperjelaskan kepada rakyat bahawa ini adalah Pakatan Rakyat yang efisien. Jadi tak perlulah saya memperjelaskan apa yang saya sebutkan. Tuan Speaker, beliau merupakan tonggak dan tulang belakang kepada masyarakat dan negara. Dalam bajet yang di bentang, disebut tentang beliau dan peruntukan 3 juta bagi mewujudkan Majlis Belia dan Sukan. Walau bagaimanapun tiada perincian program bagaimana hendak memperkasakan beliau hari ini. Dikatakan kerajaan kini mahu mengumpul bank data tentang beliau. Mengumpul data bagus tapi kita perlu pantas kerana beliau amat dinamik. Soalnya sampai bila kita nak kumpul data? Apa yang kita buat dengan data yang sedia ada kini kita menuntut pelaksanaan program yang membina para beliau. Kini timbul cadangan untuk mewujudkan Majlis Belia dan Sukan Negeri untuk apa sebenarnya majlis ini ditubuhkan? Apa hala tuju dan pengisiannya? Bagaimana dengan struktur sebelum ini? Sebelum ini sudah ada NGO seperti Majlis Belia Selangor dan Majlis Perundingan Belia Negeri Selangor. Saya juga ingin bertanya bagaimana briged amal beliau boleh berfungsi seperti yang disebutkan dalam bajet baru-baru ini. Ini satu lagi perkara yang hanya berbentuk kulit dan luaran. Kita hanya membentuk wadah dan platform sahaja tetapi tidak memperincikan mekanisme dan pelaksanaannya secara berkesan. Pada masa yang sama, isu-isu melibatkan beliau perlu diberikan perhatian antaranya beliau keciciran, beliau berpelesenan,

belia yang terlibat dengan najis dadah, belia yang terlibat dengan jenayah dan sebagainya. Apakah program untuk membawa belia ini balik ke pangkal jalan. Tuan Speaker, sebenarnya saya cukup sangsi dengan kerajaan hari ini yang mahu membanteras masalah sosial. Pertamanya saya lihat tiada perbincangan khusus untuk membanteras masalah sosial ini dalam pembentangan bajet. Adakah kerajaan sudah terlupa paling ketara tiada peruntukan bagi program bagi menangani gejala sosial iaitu hanya RM10.00 sahaja jika sebelum ini kerajaan lantang memberikan statistik tentang pelbagai masalah sosial adakah kita hanya memilih pendekatan untuk mendidik dan melatih sahaja melalui program pembangunan insan dengan bajet 10 juta. Bagaimana dengan pendekatan, pencelaan, pemulihan dan mengembalikan pelaku masalah sosial kepada masyarakat bagi membantu mereka dalam masalah sosial. Ada apa pendekatannya dan mana bajetnya? Sekali lagi saya sangsi dengan inisiatif kerajaan untuk menjuarai isu-isu sosial ketika Kerajaan Negeri sendiri menjadi penganjur kepada perhimpunan yang menampilkan konsert *under ground* dengan aksi londeh seluar dan seni kata jilat menjilat. Di mana kah pendokong-pendokong Islam dari Kerajaan Negeri seharusnya malu dan bangkit mempersoalkan insiden ini. Apakah sebab kita sama dalam pakatan maka kemungkaran dihalalkan atau diam sahaja seolah-olah tanda setuju. Apakah bentuk budaya yang ingin ditampilkan? Konsert Ella, Mas Idayu di bantah tapi konsert jilat menjilat pula dibolehkan. Ini yang saya khuatirkan golongan belia dan remaja amat mudah terangsang kepada perkara-perkara yang negatif bukan mereka tidak berpendidikan tetapi dia tidak boleh berfikir tetapi jika disajikan dengan perkara-perkara yang sedemikian ia akan mengubah cara kehidupan dan menjejaskan perpaduan di kalangan rakyat. Kita faham belia juga mahukan hiburan dan tahniah kepada kerajaan kerana memusatkan pusat hiburan di satu kawasan. Tuan Speaker, dalam persidangan yang lalu disebut Selangor Darul Maksiat dan Darul Mungkar. Kita juga mendengar istilah sumbang juara Multi R seperti juara ragut, juara rogol, juara rempit, juara rompak, juara rasuah, juara rakus dan juara rampas kebebasan. Apakah kita ingin menyatakan bahawa tidak ada lagi insan-insan baik di Selangor ini dan adakah semuanya kemungkaran dan kemaksiatan itu bersebab dengan kerajaan dahulu. Gejala sosial tidak mengenal sama ada kerajaan Barisan Nasional memerintah atau Pakatan memerintah. Hentikanlah tuduh menuduh sesama kita. Kita sama-sama mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan masyarakat hanya cara dan kaedah yang berbeza dan kitalah sepatutnya menjadi contoh yang baik janganlah kita menghukum negeri ini dengan jolokan Darul Maksiat, Darul Mungkar dan sebagainya kerana baru-baru ini yang telah pun disebutkan oleh rakan tadi peristiwa memberi dan menerima sedekah. Sedekah yang selalu dikaitkan dengan benda-benda yang baik dan halal dan penerima sedekah selalunya orang yang miskin tapi ada istilah baru menerima sedekah dalam bentuk yang lain dan luar biasa dan ini berlaku dalam kerajaan sekutu, kerajaan negeri. Tuan Speaker, Gombak Setia dalam persidangan lalu ada menyatakan tentang mahu mewujudkan *blue print* menggalakkan kebaikan, mencegah kemungkaran. Saya nak tanya bagaimana dengan status *blue print* ini

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Peraturan Tetap Dewan.

**TUAN SPEAKER :** Peraturan Tetap. Dengkil sila duduk. Ada Peraturan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Seorang Ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh dibaca cabutan-cabutan daripada buku-buku atau surat-surat kerana hendak menyokong hujahnya. Saya nampak tadi Dengkil asyik baca terus.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Sekinchan, sebab dia orang baru dan pun nak habis biar dia baca. Sebab orang baru kita bagi peluang sedikit pada dia tapi jangan lagi.

**Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING** : Saya duduk di sini kerana saya duduk di belakang. Saya nampak keseluruhan tapi Y.B. Sekinchan duduk di depan tidak nampak di belakang. Rajin-rajinlah toleh kiri dan toleh kanan sebab apa yang saya buat juga dilakukan oleh wakil rakyat kerajaan. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Gombak Setia dalam persidangan yang lalu ada menyatakan tentang wujudkan *blue print* menggalakkan kebaikan, mencegah kemungkaran. Saya nak tanya bagaimana dengan status *blue print* ini? Adakah sudah dirangka dan diterbitkan dan dilaksanakan dan apakah pasukan Badar dengan penambah baik amal makruf nahi mungkar sudah ditubuhkan? Perkara yang baik jangan dilengah-lengahkan, perlu disegerakan. Kita punya ramai tenaga pengajar atau pendidik yang bertungkus-lumus mendidik dan membimbing generasi muda dan masyarakat. Gunakan khidmat mereka dalam Badar termasuk dari generasi muda yang terpilih supaya dapat menjalankan tugas dengan amanah kerana gejala sosial bukan hanya berlaku kepada generasi muda tetapi ianya juga berlaku kepada generasi tua hanya cara dan tempatnya saja yang berbeza. Kerajaan adalah berkuasa dan mengamalkan semua ini dan mengawal semua ini dan kita harapkan kadar jenayah dan masalah sosial akan menurun di masa hadapan. Tuan Speaker, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan berterima kasih kerana kerajaan meneruskan kelangsungan dasar bina insan yang telah dimulakan dan menjadi teras dan komitmen kerajaan dahulu yang dipimpin oleh Sungai Panjang. Dalam bajet yang disebutkan program bina insan diperuntukkan 10 juta. Ini satu jumlah yang agak besar sama seperti inisiatif terdahulu tapi tidak diiktiraf lalu tetap dihukum Selangor Darul Mungkar. Justeru pengoperasian program bina insan harus dilakukan dengan cermat, jelas, fokus, mekanisme dan matlamat pencapaiannya. Ucapan bajet memperkenalkan model pembangunan insan yang dikenali sebagai *SPIES*. Sudah terang lagi bersuluh supaya *SPIES* ini tidak berbeza daripada dimensi dasar bina insan yang menekankan aspek rohani, fizikal, intelektual dan emosi. Itu jugalah konsep keseimbangan dan kesepaduan yang kita tekankan dalam dasar bina insan negeri Selangor dulu. Kita kemudiannya memantapkan pelaksanaan dasar bina insan negeri Selangor dengan formula 6M iaitu musyaratah, muhasabah, muraqabah, mu'akobah, mujahadah dan mu,atabah. Saya tidak tahu pembangunan insan sekarang dilandasi mekanisme apa. Terus sahaja kelangsungan asas dan dasar yang sedia ada. Kalau hanya meneruskan apa yang sudah sedia ada.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, masa sudah sampai. Masa sudah sampai.

**Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING** : Baru sekali ketuk.

**TUAN SPEAKER** : Dua kali dah.

**Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING** : Saya mohon berundur. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ya, terima kasih Tuan Speaker. Hari ini merupakan hari yang ke 229 Pakatan Rakyat mentadbir Negeri Selangor dan banyak peristiwa telah berlaku sepanjang 229 hari ini. Pertama sekali, rakyat Malaysia mengalami krisis kenaikan harga dan kesuntukan bekalan makanan yang berlaku di pertengahan tahun akibat daripada kenaikan harga minyak yang mendadak. Selepas itu, rakyat Malaysia menyaksikan pilihan raya kecil Permatang Pauh di mana Dato' Seri Anwar Ibrahim kembali ke Dewan Rakyat dengan undi majoriti yang jauh lebih besar sekali gus menutup segala peluang UMNO untuk menjadi *political survival*nya dengan memainkan sentimen perkauman dan agama. Rakyat Malaysia juga menyaksikan bagaimana UMNO begitu taksud dan kian dengan politik perkauman dan agama.

**Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING** : Tuan Speaker, Tuan Speaker, saya mohon juga teguran yang sama daripada Sekinchan kepada

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker, saya

**TUAN SPEAKER** : Tapi kalau nak peringatkan baca peraturan dulu.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ialah mereka ini sekarang telah taksud dengan tidak terhingganya sehingga mereka menabur fitnah merata-rata tempat tanpa segan silu. Kalaulah UMNO menyatakan bahawa kononnya kalau PR, Pakatan Rakyat ingin tukar kerajaan mestilah mengikut lunas-lunas politik, memenangi mandat melalui pilihan raya, maka saya juga ingin membuat seruan yang sama kepada Barisan Nasional selama 229 hari yang lalu saya telah mendapati satu kelemahan besar Barisan Nasional dan UMNO ialah mereka masih enggan mengakui kehilangan kepercayaan rakyat kerana perasaan cemburu itu masih jelas kelihatan. Semasa sesi sidang dewan yang lalu ada tuduhan-tuduhan daripada ADUN BN menyatakan bahawa rakyat tersalah pilih PR kerana mereka terpuakau dengan janji-janji manis kita. Sindrom penafian ini membuktikan sekali lagi bahawa BN masih hidup di zaman kolot kerana mereka sekarang ini sebenarnya masih berangan-angan mampu menawan balik Selangor. Tuan Speaker, bajet yang dipersembahkan pada kali ini merupakan satu bajet yang selari dengan konsep CAT iaitu cekap, amanah dan telus oleh DAP, konsep negara berkeadilan oleh PAS dan agenda ekonomi Malaysia yang diperjuangkan oleh Keadilan dan ini merupakan bantuan kepada dasar Pakatan Rakyat dalam menyediakan bajet ini. Sepanjang 51% daripada pendapatan yang diperolehi daripada Kerajaan Selangor pada tahun depan akan digunakan untuk tujuan pembangunan dan ini adalah amat berbeza dengan peruntukan pembangunan untuk bajet-bajet yang lepas mahupun bajet Kerajaan Persekutuan yang diperdebatkan sekarang malah bajet ini juga memberi penekanan yang panjang terhadap pembangunan yang menjaga kebajikan rakyat Selangor. Ini sememangnya juga berbeza dengan bajet yang terdahulu kerana sebelum ini tumpuan lebih diberikan kepada pembangunan fizikal dengan projek-projek raksasanya akhirnya kita kena tegur oleh Ketua Audit Negara. Daripada Tabung Wawasan Anak Selangor, TAWAS, bekalan air percuma 20 kp meter dengan izin, hadiah anak masuk universiti, tabung mesra usaha emas, program peningkatan pendapatan hasil daripada bahan batuan dan mineral, pusat khidmat krisis sehati, tabung pendidikan anak-anak pekerja ladang dan sebagainya. Bajet ini telah memenuhi janji Pakatan Rakyat untuk mewujudkan sebuah negeri berkeadilan. Saya merasa syukur apabila kerajaan telah menempatkan..... atau kesemua usaha ini yang dilafazkan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang kepada pemberita tempoh hari di mana program-

program ini dianggap tidak ada keistimewaannya. Kerana sementara waktu itu kerajaan yang lalu di bawah pimpinan beliau belum pernah melancarkan begitu banyak program yang memanfaatkan rakyat. Tetapi cuma saya ingin memohon kepada barisan EXCO bahawa kita perlu bekerja kuat kerana sama ada program-program ini berjaya atau tidak bergantung sangat kepada kemampuan kita untuk memulihkan pendapatan kita khususnya melalui hasil bahan batuan dan mineral. Pada masa yang sama kita juga boleh membuka lebih banyak sumber pendapatan untuk kerajaan negeri selain daripada mengurangkan ketirisan. Untuk itu saya menyeru kepada EXCO yang diberi mandat portfolio menjaga pasir ini supaya berusaha keras. Kalau diperlukan masa 24 jam sehari untuk menjalankan tugas ini maka kita perlu berikan masa ini kerana ia adalah satu tugas yang berat memandangkan kerajaan Selangor masih lagi menghadapi masalah khususnya dari segi penguatkuasaan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dengkil tadi. Saya telah memahami bahawa kerajaan juga ingin menjadikan Selangor Hub Pendidikan. Dan saya ingin menekankan bahawa kita perlu menumpukan fokus kita di peringkat sekolah rendah dan menengah kerana peringkat persekolahan ini ialah yang paling asas kepada pembangunan pendidikan yang lebih besar pada masa depan.

Dalam pada itu saya juga ingin menarik perhatian kerajaan negeri untuk memberi bantuan kewangan tetap setiap tahun kepada SJK (C), SJK (T), Sekolah Menengah SUA, Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Rendah Agama. Ingin dimaklumkan bahawa sekolah-sekolah ini selalunya tidak mendapat bantuan kewangan yang penuh daripada kerajaan persekutuan. Dengan itu kerajaan negeri perlu membantu sekolah-sekolah ini seberapa banyak yang boleh. Harus diingatkan juga bahawa biarpun pengurusan dan kurikulum SJK(C) dan SJK(T) ini terletak di bawah pengurusan Kementerian Pendidikan, sekolah-sekolah ini mempunyai hubungan yang rapat dengan rakyat setempat khususnya Sekolah Menengah SUA biarpun sekolah ini bukan sekolah kerajaan dan dikategorikan sebagai sekolah swasta oleh Kementerian Pendidikan hakikatnya sekolah-sekolah ini sebenarnya lebih dikenali sebagai sekolah yang telah dibina dan diuruskan oleh rakyat. Ianya juga adalah sama untuk SAR dan SRA yang selalunya menghadapi masalah kekurangan infrastruktur. Tadi Yang Berhormat Bukit Antarabangsa menyebut tentang gaji guru-guru Kafa yang begitu rendah dan saya bagi pihak DAP Selangor juga menyokong penuh sokongan dan seruan daripada Yang Berhormat Bukit Antarabangsa untuk mempertingkatkan gaji mereka. Harap-harapan kita dari UMNO juga menyokong. Oleh itu, saya menyeru di sini di Dewan yang mulia ini kepada kerajaan memberi peruntukan pembangunan di antara 10 juta hingga 20 juta kepada sekolah-sekolah yang dinyatakan di atas pada tahun 2009 untuk menunjukkan komitmen kita menjadi Selangor betul-betul Hub Pendidikan. Barisan Nasional telah selalu berpesan kepada PR supaya jangan selalu bermain politik, Tuan Speaker dan mereka juga menyeru kita jangan berangan-angan menukar Kerajaan Pusat menumpukan perhatian kepada pentadbiran negeri Selangor. Maka saya juga ingin menyeru di dalam Dewan yang mulia ini seruan yang dilemparkan kepada kita ini kepada balik kepada mereka dengan menyeru mereka menarik balik pelantikan ketua JKKKP yang dilantik oleh Persekutuan. P ini maknanya Persekutuan. Baru-baru ini Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar Dan Wilayah dan KPKT telah melantik Ketua-ketua Kampung untuk mengetuai satu Entiti yang langsung tidak dikenali oleh penduduk-penduduk kampung iaitu JKKKP. Pelantikan Ketua Kampung atau Ketua JKKK ini merupakan bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kalau Kerajaan Persekutuan ingin melantik ketuanya maka Kerajaan Persekutuan mesti menghormati kuasa Kerajaan Negeri dalam hal ini. Biar pun begitu, Kerajaan Persekutuan mengambil sikap tidak peduli dan terus menubuhkan JKKKP di seluruh

kawasan Selangor seperti apa yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapannya Kerajaan Persekutuan harus bersopan dalam hal ini dan mengamalkan sikap beramanah perihal membelanjakan wang..... dan cukai rakyat kerana penubuhan JKKK sudah pasti akan merumitkan pembangunan di dalam kampung dan membazirkan wang rakyat kerana ianya akan melibatkan kos belanja yang tidak diperlukan sama sekali kerana bertindih fungsi. Wajarkah Kerajaan Persekutuan berbuat sedemikian? Sudah tentu tidak. Jika ianya wajar adakah bermakna Kerajaan Negeri Selangor boleh menubuhkan kabinetnya di peringkat Persekutuan? Tidak sama sekali. Ianya adalah sesuatu yang sangat ganjil dan tidak masuk akal jika ianya wajar bolehkah Kerajaan Negeri Selangor menubuhkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kita sendiri untuk mengambil DBKL yang terletak di bawah Kerajaan Pusat? Tidak sama sekali kerana ini tidak boleh dilakukan. Boleh kita lantik Dato' Bandar KL? Tidak boleh. Kita tidak boleh mencampuri urusan Kerajaan Persekutuan. 3 hari yang lalu Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengeluarkan kenyataan keras meminta Dato' Bandar DBKL ditukar dan dipecat kerana gagal menjalankan tugasnya dengan baik. Saya bersetuju dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tetapi adakah jawatan Dato' Bandar ini boleh ditukar? Tidak boleh kita hanya boleh tegur sahaja. Jadi ini adalah sesuatu contoh yang saya ingin menggunakan untuk menerangkan pendirian kita dan sekali lagi saya ingin menyeru kepada Kerajaan Pusat untuk menarik balik pelantikan Ketua Kampung di peringkat kampung.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS :** Tuan Speaker, Tuan Speaker mohon penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** Minta penjelasan. Ya. YB. Kuang minta penjelasan. Nanti-nanti dulu. Bagi ke tak bagi.

**YB. TUAN LAU WENG SAN :** Ada masa kecederaan.

**TUAN SPEAKER :** Tak de masa kecederaan. Tapi Yang Berhormat selalu minta penjelasan bagi lah orang.

**YB. TUAN LAU WENG SAN :** Hah... boleh....boleh

**TUAN SPEAKER :** Hah! Sila kan Kuang.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Kg. Tunku. Soalan saya, penjelasan yang saya mohon diberhentikan Pengerusi JKKK ini, JKKK terdahulu atas kesalahan apa yang dilakukan oleh Pengerusi JKKK dahulu kerana bagi saya Pengerusi JKKK terdahulu telah berkhidmat dengan begitu baik sekali. Silakan.

**YB. TUAN LAU WENG SAN :** Saya rasa Yang Berhormat kurang fasih dalam perkara-perkara ini sebelum kita melantik ketua kampung yang baru Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah bertanya kepada yang lama sama ada mereka ingin bertugas di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat tanpa mengira kaum, agama, bangsa, kefahaman politik tetapi jawapan yang diterima ialah tidak. Macam mana kita boleh (tepek meja) menerima orang yang sebegini untuk terus berkhidmat kepada rakyat.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS :** Saya dimaklumkan.... saya dimaklumkan.

**YB. TUAN LAU WENG SAN :** Saya sudah menjawab soalan daripada Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tidak puas hati nanti peringkat Jawatankuasa kita teruskan. Masa kesuntukan ye. Tuan Speaker, saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk menimbang ye. Kalau Yang Berhormat boleh sokong sila sokong sama ada Kerajaan Negeri boleh membantu memansuhkan kutipan tol di Plaza Tol Batu 3, Lebu Raya Persekutuan.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, Kuala Kubu Baharu minta pula.

**YB. TUAN LAU WENG SAN :** Hah... boleh....boleh

**YB. TUAN WONG KOON MUN :** ..... kalau Persekutuan bertembung dengan JKKKP persaingan dengan JKKKP di satu kampung.

**YB. TUAN LAU WENG SAN :** Kita tidak perlu bersaing kalau sudah ada macam mana kita nak saing. Memang satu kerugian sebab wang rakyat kita curah kepada Kerajaan Persekutuan. (Tepuk meja). Soalan sudah terjawab. Sejarah Lebu Raya Persekutuan ini bermula sejak pemisahan Singapura daripada Malaysia yang mengakibatkan Kerajaan Persekutuan menjadikan Pelabuhan Klang ini sebagai Pelabuhan Malaysia utama negara kita menggantikan Pelabuhan Singapura. Oleh itu kerajaan telah membina Lebu Raya Persekutuan. Pada tahun 1992, pihak PLUS ataupun Pembinaan Lebu Raya Utara Selatan telah diberi konsesi untuk memperbaiki, meningkat taraf Lebu Raya Persekutuan ini kepada 6 lorong. Hakikatnya PLUS telah diberi konsesi untuk mengutip tol di Batu 3 dan Sungai Rasau. Lebu Raya Persekutuan sekarang ini telah menjadi Lebu Raya utama di kawasan Lembah Klang dan mengalami peningkatan kadar trafik yang pesat menyebabkan kapasiti Lebu Raya tersebut mencapai tahap puncaknya pada pertengahan tahun 1990an. Akibatnya kesesakan lalu lintas teruk berlaku sehingga..... Lebu Raya tersebut dan menjadi lumrah menjelang awal pagi dan lewat petang. Salah satu sebab kesesakan ialah plaza tol Batu 3 menyebabkan kereta-kereta terpaksa berbaris beratusan meter untuk menjelaskan tol. Saya berpendapat bahawa ini adalah sesuatu fenomena yang sangat melucukan mengapa kita sebagai pemandu kenderaan perlu berbaris untuk membayar tol. Ini adalah tidak masuk akal sama sekali. Jadi saya meminta supaya kita memikirkan cara-cara untuk memansuhkan, mengurangkan, menghapuskan tol Batu 3 ini. Ada kebaikan-kebaikan yang lain yang boleh kita kecapai antaranya ialah pertama, mengeratkan jalinan perhubungan di antara penduduk-penduduk Petaling Jaya, Subang Jaya dan juga Shah Alam. Kedua, juga boleh memangkinkan pembangunan ekonomi di sekitar Petaling Jaya, Subang Jaya dan Shah Alam. Malahan kesan-kesan limbahannya akan dapat diperkembangkan ke kawasan Sungai Buloh dan Puchong. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan semua langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan beban rakyat termasuk cara yang kita guna untuk menangani peristiwa Bandar Mahkota Cheras dan Lebu Raya Grand Saga. Tuan Speaker, dalam satu pertemuan di antara Kerajaan Negeri Selangor dengan para pelabur dari Jepun. Kerajaan telah menerima banyak aduan daripada pelabur-pelabur dari Jepun terhadap gangguan elektrik yang kerap berlaku di Selangor di sebabkan oleh kualiti perkhidmatan TNB yang kurang memuaskan. Aduan daripada pelabur-pelabur asing terhadap gangguan elektrik yang kerap berlaku di Selangor tidak boleh dipandang remeh dan di pandang ringan kerana ia agak menjejaskan perkembangan ekonomi Selangor. Untuk makluman semua pelabur di negeri Selangor telah mencapai angka 11.2 bilion daripada angka ini pelaburan sebanyak 1.8 bilion ialah pelaburan Jepun. 1/3 daripada pelabur-

pelabur Jepun yang melabur di Malaysia iaitu 617 pelabur daripada 1,447 pelabur Jepun melabur di negeri Selangor Darul Ehsan. Negeri Selangor memerlukan para pelabur dari dalam dan luar negeri untuk menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi negeri kita. Walau pun begitu, usaha ini akan menemui jalan buntu jika TNB gagal membekalkan tenaga elektrik yang stabil. Justeru itu, saya menyeru kerajaan Selangor supaya kita tegas dengan TNB. Meminta TNB memberi jaminan bekalan elektrik yang stabil kepada para pelabur dan pengilang. Lebih penting lagi ialah untuk TNB masukan terma-terma ganti rugi kepada para pelabur ini apabila terdapat berlakunya gangguan bekalan elektrik. Para pelabur juga bimbang apabila gas Malaysia gagal membekalkan sumber gas asli pada pekilang-pekilang yang melabur di Pulau Indah. Saya difahamkan pelabur-pelabur yang melabur di Pulau Indah ini dijanjikan bekalan gas asli. Apa yang mengecewakan ialah biarpun paip bekalan gas asli dipasang 2 tahun yang lalu, gas Malaysia belum lagi dapat membekalkan gas asli kepada mereka sepenuhnya alasannya ialah bekalan tidak cukup. Ini juga alasan yang rapuh dan tidak boleh diterima. Sepatutnya TNB dan gas Malaysia boleh memberi kualiti perkhidmatan yang lebih baik. Lebih-lebih lagi untuk TNB tarif elektrik naik pada bulan Julai 26% tapi TNB masih belum bersedia untuk memberi rebet seperti macam mana negeri Selangor kerajaannya memberi air percuma kepada rakyat dan ini sebenarnya kami tidak mengharap TNB dapat membekalkan rebet elektrik pada masa sekarang kerana pusat masih di pegang BN. Tapi sekurang-kurangnya dengan adanya penyelarasan tarif elektrik ini, TNB dapat mempertingkatkan kualitinya dan satu, salah satu cara Tuan Speaker, TNB dapat menyumbang kepada masyarakat kita ialah dengan pemasangan lampu jalan yang lebih banyak di setiap pelosok jalan di Selangor khususnya di kawasan yang mempunyai rekod jenayah yang tinggi seperti di Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam, Klang, Ampang Jaya. Saya berpendapat bahawa biarpun kami masih menghadapi kekurangan anggota polis sememangnya kita boleh berharap TNB melakukan sesuatu untuk menerangkan tempat-tempat ini pada waktu malam untuk mengurangkan kecenderungan penjenayah-penjenayah melakukan aktiviti jenayah. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang kebajikan rakyat Petaling Jaya. Walaupun Petaling Jaya merupakan sebuah kawasan Bandaraya yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan awam. Salah satu kemudahan awam yang sehingga sekarang masih belum disediakan ialah sebuah hospital kerajaan penuh. Di sekitar Petaling Jaya terdapat banyak hospital swasta yang sedang beroperasi. Antara yang terkenal ialah Hospital Assunta. Sementara waktu itu, Hospital Universiti juga merupakan sebuah hospital separa kerajaan, saya ulang sekali lagi, ianya sebuah hospital separa kerajaan yang juga telah banyak menyumbang kepada warga Petaling Jaya. Tuan Speaker, PJ ialah Bandaraya yang mempunyai bilangan warga emas yang paling tinggi di seluruh negeri Selangor. Daripada kesemua 56 kerusi DUN yang ada di Selangor kepadatan warga emas di PJ adalah paling tinggi khususnya di DUN Damansara Utama, 10 ribu orang. DUN Bukit Gasing lebih kurang 9 ribu orang dan kemudian DUN Kampung Tunku 8 ribu orang. Bilangan yang amat ketara ini kalau kita bandingkan dengan kepadatan bilangan warga emas DUN yang lain yang berkisar di antara 3 ribu hingga 5 ribu orang jauh perbezaan dia. Oleh itu saya berpendapat adalah amat penting supaya sebuah kerajaan, hospital kerajaan penuh didirikan di Petaling Jaya dan saya ingin cadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk memperuntukkan kalau boleh sebidang tanah di Petaling Jaya untuk membina hospital kerajaan yang khusus untuk merawat penyakit warga tua. Sementara itu, saya juga berharap kerajaan negeri dapat berbincang dengan Kementerian Kesihatan untuk membina hospital ini di Petaling Jaya hakikatnya ialah ramai yang ingat warga PJ ini semuanya kaya raya belaka tapi mereka sebenarnya telah lupa bahawa masih terdapat golongan yang sangat miskin di Petaling Jaya. Saya yakin rakan saya dari Taman Medan akan bersetuju dengan saya

kalau warga PJ ini betul-betul kaya belaka. Betul-betul kaya, mengapa masih kita perlu sediakan rumah pangsapuri kos rendah di tengah-tengah Petaling Jaya seperti di DUN Taman Medan DUN Kota Damansara DUN Bukit Lanjan DUN Kampung Tunku DUN Damansara Utama. Hampir setiap kerusi di PJ ini sekurang-kurangnya ada satu penempatan rumah pangsapuri kos rendah dan ini menjelaskan bilangan peneroka bandar yang masih padat di Petaling Jaya. Oleh itu saya menyeru Kerajaan Selangor khususnya Jabatan Perancangan Bandar dan Desa mengkaji sedalam-dalamnya kemungkinan untuk memperuntukkan sebidang tanah di Petaling Jaya khususnya sekitar DUN Taman Medan atau DUN Seri Setia yang terletak di tengah-tengah PJ ini, kita bina sebuah hospital kerajaan kalau peruntukkan mengizinkan saya juga menyeru Kerajaan Negeri menyumbang sebahagian daripada kos pembinaan ataupun Kerajaan Negeri boleh menjadikan hospital ini hospital pakar yang merawat orang tua dengan memberi subsidi yuran perubatan. Saya rasa barangkali ini adalah lebih bermakna daripada memberi bantuan kewangan dan ataupun insurans takaful kepada warga tua. Mungkin Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Lanjan boleh juga mencari penyelesaiannya sama ada kita boleh membina sesuatu hospital ini di Bandar Utama yang mana baru-baru ini kita telah diketahui tanah sudah diambil oleh parti-parti komponen Barisan Nasional yang lalu. Saya harap kita boleh tahu tentang statusnya juga saya juga ingin menyentuh tentang borang program mesra usia emas dan terdapat aduan daripada rakyat kerana saya terima aduan terhadap borang-borang ini.

Aduan diterima berkenaan dengan ruangan kaum dan agama yang perlu di isi oleh pemohon di mana cadangan ialah supaya ruangan ini terus dihapuskan memandangkan borang usia emas ini telah dicetakkan bahawa program ini dibuka kepada sesiapa tanpa mengira kaum, agama malahan fahaman politik ini dicetakkan di atas ya. Fahaman politik diketepikan maka saya tidak melihat logiknya untuk mewujudkan ruangan ini.

Saya juga ingin melaporkan tentang kelewatan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menjalankan siasatan dan meluluskan permohonan bantuan kemasyarakatan. Saya ada kes-kes di mana surat telah ditulis kepada JKM tetapi JKM mengambil masa lebih daripada dua bulan menjalankan siasatan kemudian dua bulan lagi untuk tunggu sama ada lulus atau tidak. Ada lagi ada kes yang telah menunggu lebih daripada setengah tahun belum diketahui keputusan dan kita terpaksa menggunakan peruntukan wakil rakyat untuk membantu mereka. Saya harap perkara ini boleh dilihat. Berkenaan PBT saya ada banyak rakan lain dalam menyebut tentang perkara ini, cuma saya ingin perkenalkan mengesyorkan beberapa cadangan terhadap bajet. Bulan ini ialah bulan bajet untuk PBT di Selangor juga secara '*across aboard*' dengan izin saya ingin mencadangkan seperti berikut iaitu:

Pengurangan 10 peratus dalam '*overtime*' iaitu kerja lebih masa dengan izin, kalau boleh kita juga kurangkan sebanyak 5 peratus dalam Perbekalan Pejabat, kalau boleh juga kita cuba kurangkan 20 peratus dalam '*catering*', hampir kesemua '*function*', '*meeting*' dengan izin di PBT ini sama ada besar atau kecil ada makan sahaja, ada minum sahaja, kita juga kena jaga badan kita. Ini adalah cadangan saya kepada semua PBT khususnya PBT yang kaya supaya kita boleh kurangkan kosnya. Bila Kerajaan Negeri terima bajet kita cuba tengok perkara-perkara ini antaranya ialah kerja lebih masa, perbekalan pejabat, '*catering*', ditambah juga dengan '*uniform*', kalau kita boleh kurangkan hadkan kepada penguatkuasa. Kalau kita ada aktiviti-aktiviti cuba cari sekurang-kurangnya 30 peratus adalah daripada '*sponsor*' syarikat swasta bukan poket sendiri. Ha, itu adalah antara cadangan saya. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang CCTV.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Seri Muda hendak minta penjelasan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Ya, boleh. Terima kasih Tuan Speaker dan juga Kampung Tunku. Soalan saya adakah Yang Berhormat Kampung Tunku tahu bahawa pembaziran dari segi penyediaan makanan, minuman memang ada. Tetapi yang jauh lebih besar lagi ialah kegagalan PBT mengutip hasil cukai daripada bangunan-bangunan UMNO.

**Y.B. LAU WENG SAN** : Saya setuju sama sekali oleh itu kita perlulah menguatkan penguatkuasaan kita dan sementara waktu itu kita juga cadangkanlah antara '*guideline-guideline*' garis-garis panduan tertentu yang kita boleh ikut. Kalau kita boleh buat tahun ini tahun depan akan cantiklah akaun dia. Dan satu lagi isu yang saya sentuh CCTV ini juga berkenaan perbelanjaan PBT dan kalau kita lihat untuk tahun-tahun yang lepas

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Tuan Speaker, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Terima kasih, Tuan Speaker. Kalau kita jimatkan minuman dan makanan itu bukan satu bajet kerakyatan kerana kebanyakan restoran akan tutup kedai pendapatan itu akan terjejas kerana majlis menjimatkan makanan. Itu hanya sebahagian sahaja belanja daripada keseluruhan. Sekian

**TUAN SPEAKER** : Tetapi Kuala Kubu Baharu kena kurang makan ya.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Tak, bermakna itu kalau di sedia minuman, itu cuma satu perbelanjaan yang kecil kalau dibandingkan dengan belanja yang lain. Seharusnya kena jimat yang lain bukannya jimat yang makanan ni, kalau makanan minuman itu tak beli restoran akan terjejas, kedai runcit tak boleh jual barang, pasar akan tutup, itu kangkung tak boleh dijual. Sekian.

**Y.B. LAU WENG SAN** : Saya bersetuju, terima kasih tetapi untuk permulaan kita cuba dulu daripada ini, kalau Yang Berhormat nak tahu tentang penjimatan yang besar saya sedang masuk ni CCTV ribu juta ni beribu-ribu juta ni dibelanjakan. Tahun-tahun satu tahun yang lepas Yang Berhormat di Selangor ni kita ada banyak kes jenayah kes apa kes Altantuya, itu di Selangor juga lah. Kes Nurin, kes Sharlinie ini semuanya berlaku di Petaling Jaya, di Selangor dan ada pendapat bahawa kita boleh mempertingkatkan '*effectiveness*' dengan izin untuk memerangi jenayah ini, kalau kita tanpa bilangan CCTV. Saya ingin mengatakan satu statistik di Selangor, statistik yang dikemukakan oleh Bukit Aman tahun lalu kita telah mencatat peningkatan kes jenayah sebanyak 22 peratus antara empat yang tertinggi di Malaysia sepanjang tahun 2007. Ini adalah satu perkembangan yang cukup dahsyat dan membimbangkan. Kalau kita membandingkan tinggal di Kuala Lumpur yang juga terletak di tengah-tengah Lembah Klang ini. Kes jenayah di Kuala Lumpur juga meningkat tetapi kadarnya sangat sedikit iaitu lebih kurang 1.3 peratus sahaja iaitu daripada kes 7,500 kes daripada tahun 2006 meningkat ke 7,600 pada tahun 2007. Kalau di Malaysia ini tahun lepas kita mencatat kes jenayah lebih kurang 50,000 ini adalah jenayah ganas '*violent crime*' dengan izin dan antara daripada angka ini 15,000 berlaku di Selangor. Ini adalah 30 peratus daripada jumlah angka dia. Ini adalah satu perkembangan yang wajar mendapat perhatian kita dan ada orang yang mencadangkan kita boleh menyelesaikan masalah ini

dengan CCTV. Saya rasa 'argument' ini adalah kurang sempurna kurang memuaskan kita lihat contoh di London, London ini adalah salah satu ibu kota yang mempunyai ketumpatan CCTV yang tertinggi lebih kurang, lebih separuh daripada CCTV di London ini di pasang di London dan hakikatnya melalui satu laporan akhbar London tempatan ha.. , kita dapati bahawa 80 peratus jenayah di London masih belum diselesaikan. Ini adalah antara laporan akhbar itu , dengan izin saya baca dalam Bahasa Inggeris, *"London has ten thousand crime fighting CCTV's which cost about two hundred million pound but an analysis of publicly funders fineable which it is own and control by local authorities and transport for London has cast down in its ability to help solve crime. A comparison of the number of camera's in each London borough with the proportions of crime solved they found that the police are no more likely to catch offenders in arrears of hundreds of cameras than in those with hardly any. In fact, four out of five of the borough of the most cameras have a record of solving crime that is below average. The figure were obtained by the legal democrat on the London assembly using the freedom of information act (FOI)"*.

Ini menjelaskan CCTV bukan penyelesaian mutlak terhadap kegiatan jenayah yang semakin meningkat ini. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang pemeliharaan alam sekitar, saya mengalu-alukan ucapan Y.A.B. Dato' Menteri Besar yang menyentuh tentang penjagaan alam sekitar. Sememangnya kita tidak ingin melihat apa yang berlaku di lereng bukit, cerun bukit, Medan Damansara Kuala Lumpur yang dihadapi oleh DBKL berlaku di Negeri Selangor. Tetapi apa yang diingatkan ialah klausa 3.5.6, 3.5.7 pelan struktur Selangor yang diwartakan pada 14 Jun 2008 telah menggariskan pembangunan-pembangunan yang boleh dijalankan di kawasan berbukit dan tanah tinggi Negeri Selangor seperti di daerah-daerah Hulu Selangor, Gombak dan Hulu Langat, aktiviti pembangunan di zon ini perlu dikawal selia kerana kawasan ini mempunyai kepentingan dari aspek pemeliharaan dan pemuliharaan di mana ia meliputi kawasan-kawasan berbukit ketinggian melebihi 150 meter. Di daerah-daerah seperti di Gombak, Hulu Langat zon pembangunan terhad meliputi kawasan pembangunan perumahan di lereng-lereng bukit. Di daerah Hulu Selangor ia merupakan kawasan pertanian dan penempatan desa, pengawalan pembangunan di zon ini adalah untuk memastikan aktiviti pembangunannya di kawal selia supaya masalah hakisan tanah runtuh ini tidak berlaku. Ini adalah memastikan corak pembangunan yang boleh dijalankan kawasan-kawasan ini. Untuk kawasan hutan dan tanah tinggi yang meliputi pemuliharaan hutan-hutan simpanan sedia ada di bahagian Timur Negeri Selangor, kawasan ini cerunnya melebihi 25 darjah dan ianya juga perlu dipulihara terus dipulihara selaras dengan kepentingan hutan ini sebagai kawasan tadahan air. Ini adalah antara yang telah digariskan di dalam pelan struktur Selangor 2006 ya, telah diwartakan pada pertengahan tahun ini. Jadi saya ingin memperingatkan kerajaan untuk mengambil maklum. Terima kasih, Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** *Bismillahi rahmani rahim.* Terima kasih Tuan Speaker, sahabat kerajaan teman pembangkang yang tinggal tiga orang. Ahli-Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan untuk Batu Caves memberikan pandangan dan juga komen terhadap pembentangan bajet ataupun belanjawan yang telah dibentangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar untuk belanjawan Negeri Selangor pada tahun 2009. Terlebih dahulu

Batu Caves ingin mengucapkan tahniah di atas keupayaan dan juga keberanian YAB Dato' Menteri Besar Kabinet Kerajaan Negeri Selangor dan seluruh warga kerja Kerajaan Negeri Selangor yang telah berupaya untuk membentangkan satu bajet yang seimbang di kala keadaan ekonomi yang masih tidak menentu dengan krisis kewangan yang telah bermula di Amerika Syarikat pada tahun 2007 yang lalu iaitu pada sekitar Oktober dan mula melarat ke negara-negara Eropah dan beberapa minggu yang lalu telah mengalami '*Crash*' yang besar ataupun telah mengalami penurunan saham yang besar terutama di negara-negara di sekitar Asia. Malahan sahabat kita ataupun jiran kita Singapura telah mengumumkan menghadapi krisis kewangan ataupun krisis ekonomi sedangkan dalam negara kita pimpinan-pimpinan di peringkat 'Federal' dan Pusat masih cuba menafikan dan Seri Muda menyebutkan di dalam perbahasannya tadi sebagai '*State of Denial*'.

Tuan Yang Dipertua ataupun Tuan Speaker, Ahli-Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian,

Kita di Kerajaan Negeri Selangor khususnya apabila kita lihat pembentangan yang telah dibuat oleh Dato' Menteri Besar, beliau menunjukkan beberapa asas-asas yang logik, walaupun pembangkang menyebutkan bahawa pembentangan bajet kali ini dibuat dengan keadaan *retorik* kemudian Seri Serdang menyebutkan bahawa wujudnya unsur-unsur *populis* namun asas-asas dasar yang telah diberikan, fakta-fakta kewangan dan juga unjuran-unjuran yang diberikan ini merupakan satu data-data yang diambil daripada Jabatan Audit Negara merupakan satu fakta yang tidak boleh dipermainkan dan boleh dipermudahkan begitu sahaja. Jadi asas yang telah diberikan sebagai contoh, mengurangkan kadar pertumbuhan satu unsur yang realistik walaupun ia melihatkan bahawa kita seolah-olah cuba mengalah namun kita sedar bahawa dalam konteks pasaran ataupun 'market' pasar ia berada di dalam kedudukan naik dan bangun dan dalam kedudukan naik dan turun ini kita harus memantau dan satu contoh yang baik dan satu usaha yang terpuji sebagaimana yang telah disebutkan oleh Dato' Menteri Besar bahawa kita akan memantau perkembangan KDNK yang sekitar 5.7 peratus dalam bajet ataupun dalam belanjawan yang telah dibentangkan ini sesuai dengan keadaan masa dan semasa.

Tuan Speaker, Ahli-Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian,

Dalam permulaan pembentangan dan di akhir pembentangan YAB Dato' Menteri Besar telah menyebutkan bahawa unsur yang penting dan menjadi asas kepada pertimbangan bajet adalah tentang perhubungan di antara Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang kita tidak boleh nafikan mesti wujud unsur ini dan diwujudkan dalam suasana yang bebas dan suasana yang matang disebut di akhir disebut tentang keadaan politik yang matang.

Tuan Speaker, dalam sepuluh tahun kebelakangan ini semenjak daripada tahun 1998 dengan diunjurkan ataupun dengan berinjak daripada reformasi 98 kita telah cuba menukar budaya politik ke arah budaya politik matang ini dengan meletakkan bahawa idea ataupun gagasan sebagai landasan utama iaitu pemikiran rasional yang tidak lagi berasaskan kepada emosi-emosi dan sentimen-sentimen perkauman yang masih lagi menjadi asas yang kukuh dalam permainan politik parti pembangkang di Negeri Selangor dan di peringkat Persekutuan.

Tuan Speaker, dan juga kita mengharapkan kepada konsep politik dan pentadbiran yang berasaskan kepada ketelusan dan juga konsep politik dan pentadbiran kerajaan yang berasaskan kepada demokrasi dan kebebasan.

Tuan Speaker, apabila kita mendengar hujah-hujah yang telah diberikan oleh barisan pihak pembangkang, saya ingin mengerti dan ingin mengetahui sejauh mana mereka cuba menidakkan dan menafikan unsur-unsur ini. Kita lihat Kuala Kubu membangkitkan tentang soal perhimpunan dan perhimpunan yang ada. Perhimpunan-perhimpunan ini sebenarnya wujud apabila tidak ada ruang kepada para rakyat ataupun golongan yang dipanggil *civil society*, masyarakat madani ataupun masyarakat ini untuk menyuarakan pandangan dan atas dasar itulah Kerajaan Negeri telah menjemput agar NGO-NGO ini ataupun badan-badan bukan kerajaan ini untuk hadir bersama dalam Pihak Berkuasa Tempatan sebagai ahli majlis untuk memastikan setiap segmen, segi, ruang dan juga bentuk masyarakat dapat menyuarakan pandangan, dapat bersama-sama membuat keputusan dalam menentukan hala tuju pembangunan di negeri Selangor. Alhamdulillah, kita bersikap dengan cukup terbuka dalam sekitar dua, tiga bulan pemerintahan kawan-kawan UMNO yang dulu alergi terhadap demonstrasi dan juga perhimpunan yang disebut perhimpunan haram berkumpul di depan bangunan sini untuk menghantar satu memorandum, kita menyambut dengan aman. Inilah satu corak kepemimpinan kita, kita tidak memanggil polis untuk menghalau mereka sebagaimana yang telah dilakukan oleh pimpinan Barisan Nasional. Ini satu contoh kepada Kuala Kubu, ingatan kepada Kuala Kubu bagaimana satu perhimpunan itu aman apabila tidak ada campur tangan yang terlalu besar daripada Bukit Aman.

Tuan Speaker, Ahli-Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian.

Sebab itu apabila kita sebutkan tentang politik matang ini, sudah pasti kita melihat adanya sifat hormat-menghormati di antara Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri. Tadi dibangkitkan tentang soal JKKP dan juga JKKK. Kalau ingin mempertahankan JKKP ini kenapa pimpinan-pimpinan Barisan Nasional, MCA, UMNO baik tak cadangkan JKKP ditubuhkan di negeri Johor. Tubuhkanlah juga di negeri-negeri lain. Kenapa hanya memilih kepada negeri-negeri Pakatan Rakyat sahaja. Apakah kita tidak tertakluk kepada audit yang akan dibentangkan seperti ini. Audit-audit seperti ini tidak boleh ditipu dan kalau kita gagal untuk menerbitkan ataupun menjalankan perniagaan dan juga menjalankan urusan-urusan ekonomi dengan urusan-urusan yang baik, sudah pasti kita tidak boleh lagi dimaafkan dan ini menjadi petunjuk yang baik kepada pembangkang untuk mengalahkan kita dalam pilihan raya yang akan datang.

Tuan Speaker, kalau kita tidak .....

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Tuan Speaker .....

**Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI** : Nanti dulu saya baru mula sikit, belum masuk lagi angka-angka, sabar .....tadi boleh tolak orang, kita tolak dia pula ....

Tuan Speaker, Ahli-Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian,

Sebab itu apabila kita cadangkan supaya JKKK ini bertemu dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ketika Yang Amat Berhormat Menteri Besar datang di tempat saya Batu Caves sebagai contoh, saya jemput semua JKKK lama yang datang hanya seorang. Begitu juga wujud apabila kita tanyakan di tempat-tempat lain dan unsur-unsur

ataupun cubaan-cubaan sabotaj bagi saya ini ataupun tidak mahu bekerjasama seperti inilah yang bagi saya akan menghalang kepada proses pembangunan, proses pembelaan rakyat dan proses menjadikan negara ataupun negeri kita sebagai sebuah negeri yang maju, yang bersih, yang berkeadilan, yang mewah dan menjadi idaman kepada semua pihak.

Tuan Speaker, Ahli-Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian,

Perkara-perkara ini juga wujud di antara hubungan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dengan ADUN-ADUN kita. Sebagai contoh, saya bagi contoh yang mungkin berlaku spesifik kepada diri kita dan ini sebagai satu contoh bagaimana wujudnya unsur-unsur cuba mengalihkan tugas yang telah diberikan kepada kita sebagai Ahli Undangan Negeri sebagai wakil rakyat untuk memastikan keadilan rakyat. Kuang yang tadi disebut tentang banyak hal keadilan. Saya ingin menceritakan bagaimana apabila ada satu kes di Batu Caves yang kita hantar borang permohonan dan dalam borang itu memerlukan tanda tangan Ahli Dewan Undangan Negeri lalu bertemu si pengadu itu untuk bertemu dengan saya lalu saya tandakan tanpa tanya parti mana, tanpa tanya apakah warna politiknya, apakah rasnya, saya tanda tangan seperti biasa pegawai-pegawai saya hantarkan ke Pejabat Keadilan Masyarakat namun selepas beberapa jam datang lagi semula pengadu dan peminta itu bertanya kenapa mereka menolak borang tersebut dan memberikan alamat-alamat pejabat ADUN-ADUN Barisan Nasional di Templer, di Kuang. Tuan Speaker saya boleh faham kalau Templer, Templer ini sebelah saya, Kuang jauh hampir 20km, 30km orang ini orang miskin yang perlu mendapat pertolongan.

Tuan Speaker, ini satu contoh bagaimana berlakunya mungkin yang mungkin arahan-arahan daripada peringkat atasan yang bersembunyi di sebalik nama-nama menteri, bersembunyi di sebalik arahan-arahan yang tidak bertulis seperti ini yang mengakibatkan satu politik yang tidak matang tindakan yang akan merugikan rakyat.

Tuan Speaker, Ahli-Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian, bagi saya sebab itu teguran permintaan yang telah diberikan oleh Dato' Menteri Besar ini merupakan satu asas utama, dan kita tidak mahu agar wujudnya pertindihan-pertindihan tanggungjawab yang akhirnya merugikan tugas kita antara satu sama lain.

Ahli-Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian, dalam pembentangan belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita mendengar bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah melancarkan lima asas utama, yang di antaranya asasnya adalah untuk merakyatkan ekonomi di negeri Selangor dengan lima pelan yang penting yang antara lain ingin mewujudkan satu pentadbiran yang telus dan cekap. Pentadbiran yang telus dan cekap ini amat penting untuk memastikan segala penyelewengan-penyelewengan yang berlaku dan angka yang disebut 30 bilion yang hilang akibat dijangkakan rasa-rasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar mempunyai fakta ia tidak bercakap kosong kita dengar nanti dalam penggulungan di mana fakta-fakta itu boleh dihuraikan dan ini merupakan satu contoh yang besar, ketirisan, kebocoran akibat wujudnya kongkongan politik yang kuat dalam penganugerahan kontrak dalam penganugerahan kerja-kerja yang berlaku di peringkat bawah.

Tuan Speaker, Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian, sebab itu apabila kita sebutkan tentang penganugerahan tender yang dibuat secara terbuka. Kita mahukan ataupun membuang pimpinan-pimpinan politik daripada terlibat dalam Pihak Berkuasa

Tempatan, ini adalah merupakan salah satu daripada *road map* ataupun jalan kerja kita untuk mengembalikan pilihan raya kerajaan tempatan dan memastikan kerajaan yang dipilih adalah kerajaan tempatan ini adalah dipilih oleh rakyat dan ia bertanggungjawab kepada rakyat dan dengan itu juga ketelusan dapat dijamin. Ia bukan satu yang memalukan kalau kita membuat perkara yang benar tidak ada perkara yang malu. Berani kerana benar, takut dan malu kerana salah.

Tuan Speaker, sidang dewan yang saya kasihi sekalian, dalam sidang bajet yang telah dibentangkan beberapa hari lalu, kita mendengar bahawa Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan Majlis Belia dan Sukan Negeri Selangor yang telah diberikan peruntukan sebanyak RM3 juta untuk memastikan kelangsungan program-program belia dan sukan di negeri Selangor bersama geran sukan lain yang telah diletakkan di bawah Unit Perancangan Ekonomi Negeri diteruskan dan memastikan kita dapat mencapai kegemilangan belia, kegiatan-kegiatan belia dan sukan di negeri Selangor. Saya sedar Dengkil merupakan bekas Presiden Majlis Belia Selangor dan sebab apa kita nak tubuhkan benda ini bagi saya, saya patut menyokong sebab kita mahu memastikan wujudnya *vehicle* dan mekanisme untuk mengerakkan Belia Negeri Selangor kepada politik matang. Saya dengar mereka ingin membuat majlis anugerah Belia Negeri Selangor tahun ini ingin mendapat tandatangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun mereka tak berani datang kerana takut nama hilang daripada line dan gagasan politik. Apakah kita mahu mengekalkan budaya-budaya seperti ini. Sebab itu kalau Dengkil ingin bekerjasama tolong nyatakan dan sampaikan kepada Presiden yang baru Majlis Belia Negeri Selangor bersama-sama untuk memastikan pembangunan belia di negeri Selangor ini berjalan dengan lebih baik dan dapat disusun dengan lebih teratur. Saya cadangkan supaya Majlis Belia dan Sukan Negeri Selangor ini bergerak di peringkat akar umbi dengan lebih kukuh dan lebih menyeluruh. Kalau sebelum ini Kerajaan Negeri telah mewujudkan JKB di peringkat kampung dan ini telah mengakibatkan beberapa tempat seperti taman tidak mempunyai JKB nya sendiri Jawatankuasa Keselamatan Belianya sendiri. Oleh itu saya ingin mencadangkan kepada eksekutif ataupun Kerajaan Negeri JKB ini ditubuhkan berasaskan kepada zon-zon yang ada di Pihak Berkuasa Tempatan. Dengan wujudnya JKB ataupun pimpinan-pimpinan belia di peringkat akar umbi ini yang dipilih melalui sistem saringan yang tersendiri yang bukan hanya dipilih melalui jaringan-jaringan politik ini, kita dapat memastikan fakta belia yang menganggur, mereka-mereka yang tidak berkesempatan, mereka-mereka yang mahu terlibat dengan kegiatan dan aktiviti-aktiviti belia ini dapat diperkukuhkan dan dapat dipertingkatkan dengan dana RM3 juta yang telah dicadangkan oleh itu. Kuala Kubu nak tanya apa Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Soalnya..terima kasih Tuan Speaker ... kalau Pakatan Rakyat tak sanggup menubuhkan JKKP, saya akan cadangkan ke Persekutuan supaya akan membantu kalau taman-taman tidak dapat ditubuhkan JKP, JKP kan, mereka boleh bantu. Sekian.

**Y.B. TUAN AMIRRUDIN BIN SHARI** : Apa ni nak masuk pakatan nak bantu, boleh. Tuan Speaker, saya menyambut baik kalau nak bantu, bantu betul-betul saya tak ada masalah dan sebab itu kita cadangkan supaya Jawatankuasa Belia ini ditubuhkan di peringkat zon-zon majlis tempatan walaupun ia agak besar dan agak berat, namun belia yang mempunyai tenaga dan kekuatan yang cukup kukuh yang boleh disalurkan untuk *aktivisme* ataupun kegiatan-kegiatan belia ini pasti boleh menyambung dan pasti boleh menyampaikan tugas yang telah disampaikan ataupun yang telah diberikan.

Tuan Speaker, kita menyebut tentang ketelusan dan tentang sebuah kerajaan yang bersih dan ini sangat penting dan dapat menggerakkan ekonomi di negeri-negeri. Kita lihat ada perbezaan besar pemikiran yang boleh kita lihat di kalangan pihak kerajaan lepas daripada pihak parti pembangkang Barisan Nasional yang memikirkan bahawa *condition* dengan izin ataupun keadaan yang mengunjurkan pertumbuhan ekonomi ini adalah dihasilkan melalui pertumbuhan-pertumbuhan ataupun kegiatan-kegiatan fizikal, pembangunan jalan, pembangunan rumah-rumah, pembangunan gedung-gedung yang besar dan sebagainya tanpa dan mengabaikan berapa aspek penting seperti ketelusan seperti pembaziran ataupun seperti perbelanjaan berhemat dan berjimat, tentang penghapusan rasuah dan keadaan yang amanah ataupun sistem pentadbiran urus tadbir, amanah dan bersih. Perkara-perkara ini akan lebih menggalakkan pelabur-pelabur datang dan dibuktikan bahawa pelabur-pelabur kita yang datang yang telah menyumbangkan hampir RM11 bilion pada tahun 2008 dijangkakan ini merupakan mereka-mereka yang lepas dan mereka tidak lari walaupun kerajaan pentadbiran, Kerajaan Negeri berubah kepada kerajaan Pakatan Rakyat. Malahan kita mendengar tadi pagi, EXCO yang berkenaan membentangkan bagaimana wujudnya pelabur-pelabur baru daripada Jerman dan sebagainya yang datang kerana percaya bahawa kerajaan kita ini ataupun kerajaan Pakatan Rakyat mampu mentadbir dengan baik.

Tuan Speaker, kita lihat bagaimana pentadbiran yang bersih ini boleh melonjakkan pencapaian ekonomi dan ini juga berkaitan dengan GLC yang sedikit telah disentuh oleh Bukit Antarabangsa dalam ucapannya tadi. Kita melihat bagaimana wujudnya kecurigaan-kecurigaan kita bagaimana pentadbiran-pentadbiran GLC yang boleh saya bagi contoh dalam laporan audit mengenai agensi-agensi kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2007. Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor yang merupakan ditubuhkan pada sekitar tujuh puluhan yang di antara asas perniagaan dan kerjanya terlibat dalam sektor perladangan menunjukkan bahawa pengeluaran BTS ataupun batang tandan segar bagi kelapa sawit yang diunjurkan pada 25 tan metrik sehektar pada tahun 2007 tidak dapat mencapai sasaran. Saya merujuk kepada mereka yang aktif dan bekerja dalam bidang-bidang berkenaan, 25 tan sehektar ini merupakan satu ukuran dan *benchmark* yang telah diberikan kepada kerajaan ataupun kepada syarikat-syarikat perladangan bagi tandan-tandan kelapa ataupun pohon-pohon kelapa sawit yang telah matang sekitar 8 ataupun 9 tahun begitu ataupun yang disebut matang kalaupun bukan 8 atau 9 tahun dan telah diberikan laporan audit bagaimana kegagalan kita di PKPS ini melalui Perbadanan yang telah gagal mengeluarkan tandan sawit mengikut standard yang telah diberikan. Kita tengok contoh dalam muka surat 174 bagaimana Perbadanan hanya mampu mengeluarkan 13.64 tan metrik sehektar dan kadar ini amat jauh daripada sasaran yang telah ditetapkan sebanyak 25 tan metrik sehektar dan ia jauh gagal berbanding dengan Kumpulan Guthrie yang telah berjaya mencatat 20.7 tan metrik sehektar, 22.63 metrik sehektar bagi Kulim, IOI Corporation telah berjaya mencatat 26.93 metrik sehektar dan Golden Hope Plantation Bhd. telah berjaya mencapai 22.12 tan metrik sehektar. Saya tidak mahu menyalahkan sesiapa dan menuding kepada sesiapa. Keadaan ini perlu dipulihkan dan bagi pihak eksekutif ataupun pentadbir Kerajaan Negeri harus memikirkan langkah-langkah yang lebih progresif dan dinamik untuk memastikan Perbadanan ataupun prestasi dalam laporan yang ditunjukkan bahawa ini telah menyebabkan kehilangan sejumlah RM6.3 juta ringgit pada tahun 2007 bagi Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor akibat kegagalan pengeluaran dan disebutkan dalam laporan bagaimana sepatutnya ladang-ladang yang dibaja sebanyak empat kali dalam tempoh satu tahun hanya dibaja sekali. Dan disebut tadi bagaimana kita nak sebut tentang pertanian maju. Contohnya Barisan

Nasional menyebut inilah contoh yang baik satu *research* pun tidak dibuatkan. Bagaimana mereka boleh mencapai satu pencapaian dan kedudukan yang baik.

Oleh itu saya menyeru kepada EXCO yang berkenaan dalam mungkin sekitar belanjawan yang telah diberikan, pertumbuhan yang diimpikan sekitar 0.2% itu ada banyak ruang-ruang yang boleh diperbetulkan dengan meningkatkan kadar penyelidikan dan seterusnya sesuai dengan pertanian moden ini kita boleh mempertingkatkan dan memastikan penyelenggaraan-penyelenggaraan yang telah diberikan khususnya syarikat-syarikat Kerajaan Negeri dan juga mana-mana badan-badan yang ditadbir oleh negeri untuk memastikan Kerajaan Negeri dan juga pertanian di Negeri Selangor boleh mencapai satu keuntungan signifikan dan akhirnya sebagaimana yang kita tahu bahawa petani-petani ini terlibat dan biasanya mereka ini terlibat dengan kawasan-kawasan luar bandar yang terhimpit dan terkeluar daripada rangkaian elit dan rangkaian pembangunan yang rancak.

Tuan Speaker, ini adalah satu contoh yang baik bagaimana Kerajaan Negeri menyebutkan bahawa ingin mewujudkan satu konsep pembangunan yang Lestari dengan mengambil contoh Damansara di mana kesendatan berlaku dalam sekitar jarak yang tidak besar dan akhirnya mengakibatkan wujudnya keadaan yang tidak selesa. Oleh itu saya ingin menyarankan agar pembangunan ini diaturkan dengan lebih menyeluruh dan melebar sampai hingga ke utara Selangor ataupun sampai ke selatan Selangor di kawasan Semenyih ataupun di kawasan Sabak Bernam dan sebagainya untuk memastikan pembangunan-pembangunan ini berjalan dan memberikan ruang kepada rakyat untuk berkhidmat.

Tuan Speaker, Ahli-Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian, sebab itu apabila disebutkan bahawa negeri ini ingin menjadi sebuah negeri maju yang sebenar, saya amat menyokong cadangan yang telah diberikan oleh Hulu Kelang. Bila mahukan ataupun satu dana yang jelas kepada badan-badan bukan kerajaan. Saya menyebutkan ini kerana kita telah mengagaskan sebuah negeri yang madani. Bagi saya negeri yang madani ini terbentuk daripada masyarakat-masyarakat madani. Dan daripada contoh masyarakat madani ini adalah NGO-NGO yang jelas mempunyai faktor dan mempunyai fungsinya yang tersendiri untuk bantu menasihati, untuk bantu menyedarkan kita terhadap perkara-perkara yang penting untuk pembangunan negeri. Kita mempunyai kawasan Petaling Jaya yang saya rasa Exco Bukit Lanjan tahu bagaimana Petaling Jaya ini penuh dengan NGO-NGO ya, dan NGO-NGO ini hanya terkenal dan terbentuk dalam kelompok itu sendiri. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya cadangan Hulu Kelang tadi satu peruntukan yang jelas untuk NGO-NGO ini dan usaha itu haruslah melebar ke kawasan-kawasan luar bandar kerana kawasan-kawasan luar bandar, pengenalan-pengenalan tentang hak, pengenalan-pengenalan tentang '*right*' khususnya golongan orang asli ataupun orang asal di negara kita ini sangat penting untuk mereka diberikan hak mereka sebagaimana yang terdapat di dalam '*constitution*' ataupun yang terdapat dalam perlembagaan Persekutuan ataupun Perlembagaan Malaysia dan juga Perlembagaan Negeri. Tuan Speaker, ahli-ahli dewan yang saya kasihi sekalian. Dalam pembentangan bajet ataupun pembentangan usaha Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat ini, kita menyebut bahawa Kerajaan telah berusaha ataupun mengambil keputusan untuk menghapuskan sistem usaha sama 70-30 yang telah terbukti dengan satu contoh '*Canal City*', sebagai contoh. Dan saya percaya kalau PAC dan juga badan-badan yang berkenaan dan juga *auditor* luar yang profesional ini telah berjaya menyiapkan laporan kita akan mendengar lagi banyak masalah yang terlibat melalui projek usaha sama 70-30 ini dan sudah pasti ia bukan satu benda yang mudah, ia

berangkai-rangkai, kompleks dan sebagainya dan kita memerlukan masa untuk mengubati hal-hal ini. Namun begitu masalah tanah di negeri Selangor walaupun kita telah menubuhkan '*task force*' kita mungkin telah menetapkan dasar-dasar tertentu namun harus ada penyelesaian dan peruntukan yang jelas untuk menyelesaikan masalah tanah di negeri Selangor ini. Tuan Speaker tanah ini merupakan satu aset yang penting dan aset ini kalau dibiarkan dalam bentuk yang tidak pasti ia merupakan satu aset yang tidak berguna dan aset ini tidak boleh dicairkan, aset ini tidak boleh dicagarkan, aset ini tidak boleh dijadikan satu landasan untuk perniagaan ataupun satu perumahan dan juga projek-projek pembangunan. Saya pasti masalah-masalah di Pejabat Tanah, berakar umbi daripada persoalan dan permasalahan banyak sangat '*list*' yang telah diberikan. '*List*' ketua cawangan, '*list*' ketua bahagian, '*list*' setiausaha yang masing-masing berebut semua keluaran '*list*' akhirnya wujud beberapa masalah satu geran dua nama wujud juga masalah geran-geran yang hilang. Satu usaha yang terpuji yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri dan sudah pasti kita telah melancarkan Negeri Selangor mengikut rekodnya beberapa tahun yang lepas telah melancarkan e-tanah. Namun sejauh mana keberkesanan e-tanah ini yang sudah pasti dapat memberikan fakta-fakta yang penting kepada kita tentang keadaan tanah di negeri Selangor, saya masih belum tahu dan masih lagi belum mengerti tentang keadaan statusnya. Satu peruntukan yang jelas harus diberikan untuk memastikan keadaan-keadaan tanah dan ini merupakan satu perkara yang sangat penting dan bukan hanya baru di Malaysia. Sebagai contoh Hernano De Soto, seorang pemikir pembangunan ekonomi yang terkenal di Latin yang juga menasihati kerajaan Indonesia dan Philipine menasihatkan satu asas yang penting bahawa kalau tanah ini dibiarkan terus kosong dan tidak jelas siapa pemilikinya ia tidak boleh dikeluarkan dan tidak boleh menjana pendapatan. Sama ada dalam bentuk geran, dalam bentuk '*share*' dan sebagainya.

Tuan Speaker, oleh itu untuk menggerakkan keadaan ekonomi di Negeri Selangor ini, pembangunan tanah harus diberikan dengan lebih terperinci dan memastikan bahawa ianya memberikan keuntungan yang berlipat kali ganda dan keuntungan yang benar-benar mampu menjana pendapatan. Oleh itu, di awal kemenangan yang lepas, Kerajaan Negeri Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ada menyebutkan bahawa ingin memberikan tanah-tanah kepada setinggalan-setinggalan ataupun mereka-mereka yang tinggal terlalu lama hampir 30 tahun, hampir 50 tahun di kawasan saya, Batu Caves, sebagai contoh ada yang dipanggil sebagai '*Indian Settlement*' yang telah diberikan tanah sejak zaman British dahulu. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pejabat Tanah Daerah Gombak yang telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah ini. Dan Insya-Allah dengan izin yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kita mampu memberikan tanah-tanah kepada mereka dengan satu keadaan yang '*consensus*' dan puas hati, dengan itu mereka boleh membangunkan tanah-tanah tersebut di samping Kerajaan Negeri mempunyai cukai yang jelas dan mampu meningkatkan pencapaian cukai dan juga peningkatan pembayaran cukai yang selama ini mencapai sekitar 60-70% Kalau saya cerita di Daerah Gombak dan sebagainya. Tuan Speaker, dalam pembentangan belanjawan juga disebutkan tentang pembuangan sampah dan pembuangan sampah ini yang dibuat secara haram banyak juga berlaku di kawasan saya dan saya juga percaya di tempat-tempat lain. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar menyebut bahawa ingin menubuhkan ataupun membangunkan '*mini incinerator*' yang boleh ataupun dijangka boleh menyelesaikan masalah ini. Tuan Speaker, permasalahan ini adalah masalah yang besar dan masalah ini jugalah yang telah melingkari persoalan. Di kawasan Batu Caves sebagai contoh, sekitar kawasan di Sungai Kertas yang telah diletakkan dan di ceroboh oleh ramai pihak sebelum ini termasuk daripada kontraktor-kontraktor pembuang sampah daripada

syarikat-syarikat ketua cawangan dan bekas Ketua Bahagian UMNO yang membuang sampah di tempat-tempat tersebut. Di Gombak, Ketua-ketua ataupun Timbalan Ketua Cawangan UMNO bahagian Gombak, Ketua UMNO Bahagian Gombak yang mendapat kontrak-kontrak daripada mereka telah membuang sampah secara haram. Saya nak ucap tahniah kepada Exco yang berkenaan yang turun melihat tentang permasalahan sampah dan usaha yang telah kita berikan dalam tempoh dua bulan walaupun projek itu telah berlarutan lebih 2 tahun dengan kerjasama kerajaan tempatan MPS, Majlis Perbandaran Selayang kita telah berjaya menutup tempat sampah tersebut. Tuan Speaker, walaupun kita berjaya menutup tempat sampah tersebut, kalau kita tidak dapat menyediakan satu lokasi alternatif kepada tempat-tempat pembuangan sampah ini akan berlaku '*repeating the same story*' dengan izin, ataupun pengulangan cerita semula bahawa akan berlaku berlainan ketua, berlainan muka, berlainan orang yang akan menyediakan tempat-tempat sampah ataupun akan menyediakan tentang tempat-tempat sampah yang haram.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor yang saya kasihi sekalian. Sebelum saya menyimpulkan tentang perbahasan pada kali ini saya ingin menyebutkan bahawa adalah sangat penting untuk Kerajaan Negeri bertindak bersama-sama dengan semua rakyat jelata dan kita mengharapkan agar pembangkang mampu menasihatkan Kerajaan Persekutuan kalau mereka ada nafas lagi selepas ini untuk memberikan khidmat yang sama adil dan menyatakan dan memberikan geran-geran sebagai contohnya apa juga hak yang ada pada kerajaan negeri ini dengan sama adil. Tidak ada gunanya bersikap balas dendam sebagai contoh Majlis Sukan Negeri Selangor ada arahan yang jelas daripada Menteri, saya sebutkan dalam Dewan Undangan Negeri, apabila pegawai-pegawai kita turun kepada mesyuarat yang telah dianjurkan bahawa Negeri-negeri Pakatan bila turun hanya layak hadir sebagai turut hadir tidak boleh mengundi dan sebagainya. Sedangkan kita, Pulau Pinang, Kedah merupakan 5 negeri teratas dalam Sukma sebelum ini. Kalau langkah-langkah seperti ini tidak dibuat.. hah.. Dengkil salah seorang yang terlibat dengan Belia dan Sukan, perkara ini tidak boleh diselesaikan dan kita akan mengulang semula balas dendam demi balas dendam yang berlaku. Dengan harapan bajet seimbang dengan harapan..1 minit lagi..dengan harapan keadilan untuk semua dan corak yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri, saya ingin menyambut baik kalau adanya sifat keterbukaan sebab kita ingin sama-sama membangunkan Negeri ini bukan untuk membangunkan kroni dan juga bukan untuk membangunkan anak pinak dan sedara mara yang rapat dan parti-parti tertentu sahaja. Saya mohon menyokong Tuan Speaker. (Tepuk)

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan tahniah kepada semua Ahli yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan bajet 2009 ini. Kali ini kita mencatat satu rekod baru di mana kesemuanya ada 21 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan...(Tepuk)..ini memperlihatkan di bawah Kerajaan baru ini Kerajaan baru lebih terbuka kepada semua pendapat walaupun daripada pembangkang. Maka dengan itu tamatlah perbahasan bajet 2009. Esok pihak Kerajaan akan menggulung dan dengan itu saya menangguhkan dewan sehingga hari esok iaitu 23.10.2008 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang )**